

BAB SATU

PENGENALAN

1.0. Pendahuluan

الحمد لله رب العالمين، والصلوة والسلام على نبينا محمد، وعلى آله وصحبه، ومن تبعه ونصره.

Bahasa Arab merupakan bahasa pengantar agama Islam. Kemahiran menguasai bahasa ini membolehkan seseorang itu menerokai warisan ilmu-ilmu Islam menerusi karya para sarjana silam dan moden yang terdapat dalam pelbagai disiplin ilmu seperti nahu, saraf, balaghah, tauhid, tafsir, feqah, mantik, sains, falak (astronomi), perubatan dan sebagainya. Sejarah mencatatkan melalui bahasa al-Quran ini, umat Islam telah berjaya membina tamadun yang tiada tolok bandingnya. Penguasaan bahasa Arab yang baik ialah menguasai setiap bidang ilmunya mencakupi nahu, saraf, balaghah, semantik, leksikografi dan sebagainya.

Salah satu cabang ilmu linguistik bahasa Arab ialah ilmu balaghah. Balaghah bermaksud petah dan fasih dalam percakapan (Kamus Dewan: 2013: 114). Ia menghuraikan penampilan makna yang menarik melalui ungkapan yang tepat di samping memberi kesan yang mendalam serta bersesuaian dengan makna (dipetik dari Glosari Bahasa dan Kesusastraan Arab: 1996). Menurut Al-Sayyid al-Ha:shimiyy dalam mentakrifkan balaghah: “*Ia (balaghah) bertujuan untuk mengetahui keistimewaan dan keindahan susunan kalam (percakapan) daripada sudut makna dan lafaz. Ia juga berkaitan dengan cara-cara untuk menyusun dan menggunakan bahasa yang fasih, tepat dan sesuai mengikut fungsinya*”. (*Jawa:hir Al-Bala:ghat Fi al-Ma'a:ni: Wa al- Bayan Wa al- badi:* ‘1991:40).

Merujuk kepada kurikulum bahasa Arab di negara kita, komponen ilmu balaghah diperkenalkan kepada pelajar bermula di peringkat tingkatan empat dan berkesinambungan di tingkatan lima. Pada peringkat tersebut mereka akan menduduki

peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM), peperiksaan awam terpenting dalam sistem pendidikan negara. Antara topik yang terkandung dalam komponen tersebut ialah *haqiqah* dan *majaz*. Ia juga disertai topik *majaz mursal* dan *isti‘arah* yang juga sebagai sub topik bahasan *majaz* dalam teori ilmu balaghah.

Kedudukan pengajaran komponen balaghah di peringkat menengah sebagaimana penyataan berikut: “*Asas untuk meningkatkan kemahiran-kemahiran, kebolehan-kebolehan dan penghayatan pelajar terhadap bahasa Arab dari aspek keindahan bahasa, kesesuaian penggunaan dan perkaitannya dengan gaya bahasa-gaya bahasa yang baik. Antara matlamatnya, pelajar mampu menguasai kaedah asas ilmu balaghah dan mengaplikasinya mengikut fungsinya yang sesuai*”. (Bahagian Perkembangan Kurikulum (BPK) KPM: 15: 2009)

Berdasarkan kenyataan di atas, kajian ini dilakukan bertujuan untuk meninjau tahap penguasaan komponen balaghah dalam kalangan pelajar peringkat menengah melalui topik *haqiqah* dan *majaz* beserta dua sub topiknya iaitu *majaz mursal* dan *isti‘arah*. Topik-topik tersebut terkandung dalam Sukatan Pelajaran (SP) Bahasa Arab peringkat SPM.

1.1. Pernyataan Masalah

Penulis berpendapat topik *haqiqah* dan *majaz* ini penting untuk dikaji berasaskan kepada beberapa pernyataan. Pertama, sepanjang pemerhatian penulis kajian lapangan yang berkaitan tahap penguasaan komponen balaghah secara topikal belum diterokai secara meluas dalam kalangan pengkaji seperti komponen nahu, saraf dan lain-lain. Sepanjang sorotan yang dilakukan, kajian-kajian dalam bidang ini kebanyakannya hanya menjurus kepada tahap penguasaan pelajar terhadap komponen balaghah secara umum. Manakala kajian-kajian lain lebih berbentuk kepustakaan yang berkaitan dengan keunikan unsur-unsur balaghah dalam al-Quran, Hadith Nabi SAW dan kajian-kajian teks seperti novel dan cerpen.

Kedua, kedudukan topik *haqiqah* dan *majaz* dalam Sukatan Pelajaran (SP) Bahasa Arab di peringkat menengah. Sebagaimana maklum, dalam komponen ilmu balaghah topik ini terbahagi kepada beberapa sub topik. Antaranya *majaz mursal* dan *isti'arah* yang berada pada bahasan *majaz lughawiyy*. Dalam kandungan Sukatan Pelajaran (SP) Bahasa Arab peringkat menengah pula, ia diletakkan dalam tiga topik utama iaitu *haqiqah* dan *majaz*, *majaz mursal* dan *isti'arah*. Oleh itu, melalui kajian ini penulis berpeluang untuk meninjau tiga topik utama tersebut secara serentak. Tinjauan itu merangkumi persepsi, tahap penguasaan dankekangan yang dihadapi pelajar dalam mempelajari topik tersebut.

Ketiga, melalui pemerhatian penulis selama beberapa tahun terlibat dalam pengajaran bahasa Arab peringkat menengah, pembelajaran komponen balaghah dalam kalangan pelajar secara umumnya dilihat kurang memberangsangkan. Faktor utama disebabkan sebahagian mereka mempunyai persepsi bahawa komponen balaghah suatu yang kompleks dan sukar, selain terpaksa berhadapan dengan pemahaman teks-teks al-Quran, Hadith, puisi dan prosa Arab (klasik dan moden). Sejauh mana dan kenapa fenomena ini berlaku? Apakah *haqiqah* dan *majaz* ada titik persamaan dengan unsur-unsur dalam bahasa Melayu? Jikalau ada titik persamaan kenapa tidak diterjemahkan unsur ini ke dalam budaya retorika Melayu agar dapat memudahkan pemahaman pelajar? Pemilihan topik ini pada hemat penulis adalah wajar untuk meninjau secara dekat mengenai persepsi, tahap penguasaan dankekangan yang dihadapi pelajar dalam mempelajari ilmu balaghah secara umumnya dan topik yang dikaji secara khususnya.

Keempat, pembelajaran bahasa Arab di sekolah pada hari ini berhadapan dengan cabaran minat dan kesedaran pelajar dalam menguasainya. Sebagai satu komponen dalam bahasa Arab, pemahaman dan penghayatan pelajar terhadap ilmu balaghah amat penting bagi menyelami pergertian dan pengisian keunikan kesusasteraan (*التدوّق الأدبي*) bahasa tersebut. Dengan kata lain, kecintaan mereka terhadap bahasa Arab lahir dari

kefahaman dan penghayatan ilmu balaghah. Sebagai satu topik penting dalam ilmu tersebut, *haqiqah* dan *majaz* yang berada dalam ilmu *bayan* amat sesuai untuk dikaji kerana ia memupuk pelajar menggunakan bahasa dengan tepat dan betul selain mengandungi keunikan dan keindahannya yang tersendiri. Pepatah Melayu menyebut “tak kenal maka tak cinta”. Tentunya minat dan cinta kepada bahasa Arab dapat dipupuk melalui topik ini yang menjadi sebahagian bahasan utama dalam ilmu balaghah.

Kelima, berdasarkan kedudukan dan kepentingan komponen balaghah dalam peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) yang memperuntukkan sebanyak lebih kurang dua puluh peratus daripada markah keseluruhan kertas bahasa Arab. Apa yang pasti, kecemerlangan kertas bahasa Arab bertitik tolak daripada penguasaan semua komponen termasuk komponen balaghah. Justeru itu, topik *haqiqah* dan *majaz* yang terkandung dalam sukatan kertas bahasa Arab amat penting dikuasai pelajar. Pemilihan topik ini bertepatan untuk meninjau secara ilmiah dengan lebih dekat mengenai tahap penguasaan komponen balaghah secara topikal dalam kalangan pelajar.

Bertitik tolak daripada penyataan-penyataan di atas, kajian seperti ini wajar dilakukan bagi menjelaskan mengenai persepsi, tahap penguasaan dan kekangan yang dihadapi pelajar secara lebih dekat melalui topik yang dikaji. Pemilihan topik ini sesuai untuk menjadi landasan dan ukuran terhadap kecenderungan dan minat pelajar dalam menguasai topik-topik lain umumnya. Penulis mengharapkan kajian ini akan merintis jalan kepada kajian-kajian lain dalam bidang balaghah pada masa yang akan datang.

1.2. Objektif Kajian

Kajian ini diharapkan akan mencapai objektif-objektif berikut:

- 1.2.1. Mengenal pasti persepsi pelajar dalam mempelajari topik *haqiqah* dan *majaz* beserta sub topik *majaz mursal* dan *isti ‘arah*.

1.2.2. Menjelaskan tahap penguasaan pelajar mengenai topik *haqiqah* dan *majaz* beserta sub topik *majaz mursal* dan *isti ‘arah*.

1.2.3. Merumuskan kekangan yang dihadapi oleh pelajar dalam menguasai topik *haqiqah* dan *majaz* beserta sub topik *majaz mursal* dan *isti ‘arah*.

1.3. Persoalan Kajian

Kajian ini diharapkan dapat menjawab persoalan-persoalan berikut:

- a) Apakah persepsi pelajar peringkat menengah terhadap topik *haqiqah* dan *majaz* beserta sub topik *majaz mursal* dan *isti ‘arah*?
- b) Apakah tahap penguasaan topik *haqiqah* dan *majaz* beserta sub topik *majaz mursal* dan *isti ‘arah* dalam kalangan pelajar peringkat menengah?
- c) Apakah kekangan yang dihadapi oleh pelajar peringkat menengah dalam menguasai topik *haqiqah* dan *majaz* beserta sub topik *majaz mursal* dan *isti ‘arah*?

1.4. Kepentingan Kajian

Kajian ini penting dijalankan untuk meninjau secara khusus tahap penguasaan pelajar terhadap topik yang dipelajari. Komponen balaghah yang mula diperkenalkan kepada pelajar peringkat menengah penting dikuasai kerana ia memaparkan keunikan dan keindahan bahasa tersebut dalam seni pertuturan dan penulisan. Tidak lengkap bagi seseorang yang mempelajari bahasa Arab tanpa mempelajari ilmu balaghah. Begitu juga kepentingannya dalam peperiksaan SPM yang akan diduduki oleh pelajar. Topik-topik yang diajar pula adalah asas-asas yang perlu dikuasai pelajar bagi melangkah ke tahap yang lebih tinggi.

Penulis optimis melalui kajian secara topikal terhadap komponen balaghah ini, dapat mengemukakan maklumat mengenai persepsi, penguasaan dan kekangan yang dihadapi oleh pelajar mengenai topik yang dikaji. Seterusnya, langkah-langkah penambahbaikan dapat dilakukan bagi meningkatkan penguasaan topik yang dikaji khususnya, dan ilmu balaghah umumnya dalam kalangan pelajar.

Harapan penulis dapatan kajian yang diperolehi dapat dimanfaatkan pertamanya oleh penulis sendiri dan rakan-rakan guru dalam mengatur strategi dan kaedah pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab umumnya dan ilmu balaghah khususnya dengan lebih berkesan. Selain itu, besar harapan dapatan kajian ini dapat dimanfaatkan juga oleh pihak-pihak tertentu seperti:

i. Ketua Panitia (KP) Dan Guru Bahasa Arab

Dalam penyelarasan topik-topik yang terdapat dalam Sukatan Pelajaran (SP) dan penyusunan strategi pengajaran di samping penekanan terhadap kepentingan topik yang dikaji dalam peperiksaan SPM.

ii. Sekolah melalui Guru Kanan Bahasa (GKB)

Dalam pengisian slot-slot bengkel, seminar, latih tubi dan wacana bahasa Arab di peringkat sekolah dalam kalangan guru dan pelajar.

iii. Jabatan Pelajaran Negeri (JPN) melalui Sektor Pendidikan Islam Negeri (SPI)

Dalam penganjuran kursus, seminar dan wacana bahasa Arab dan penyediaan modul nota dan latihan intensif khususnya kepada guru dan pelajar.

iv. Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) melalui Bahagian Pendidikan Islam (BPI).

Dalam penyediaan Kurikulum Pendidikan Bahasa Arab yang lengkap, teratur dan bersepada melalui Sukatan Pelajaran (SP) khususnya komponen balaghah.

1.5. Batasan Kajian

Penulis membataskan kajian ini dengan mengambil kira perkara-perkara berikut:

1.5.1. Lokasi Kajian

Lokasi kajian ini dijalankan di dua buah sekolah iaitu SMKA Melor dan SMKA Tok Bachok. SMKA adalah singkatan nama bagi Sekolah Menengah Kebangsaan Agama. Ia merupakan salah satu aliran sekolah di bawah kelolaan Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) di mana penubuhannya bermula pada tahun 1977. Tokoh yang banyak memberi sumbangan idea dan tenaga ke arah penubuhan SMKA ialah al-

marhum Ustaz Haji Nik Mahyuddin bin Musa. Sehingga kini, terdapat 56 buah Sekolah Menengah Kebangsaan Agama ditubuhkan di seluruh Malaysia. Di negeri Kelantan Darul Naim terdapat enam buah sekolah menengah kebangsaan agama iaitu SMKA Falahiah, SMKA Naim Lilbanat, SMKA Melor, SMKA Tok Bachok, SMKA Wataniah dan SMKA Lati. Rasional pemilihan dua lokasi tersebut pada pandangan penulis ia cukup relevan untuk menggambarkan populasi dalam kalangan guru dan pelajar di peringkat menengah bagi memperolehi data-data yang konkret.

1.5.2. Topik Kajian

Tumpuan kajian ini pada bahagian ilmu *bayan* dalam bidang ilmu balaghah. Topik yang dipilih ialah *haqiqah* dan *majaz*. Selain itu, penulis juga memasukkan dua sub topik iaitu *majaz mursal* dan *isti ‘arah*. Rasional penulis memasukkan sub topik tersebut kerana kedua-duanya berada di bawah bahasan umum *haqiqah* dan *majaz* yang juga terkandung dalam Sukatan Pelajaran Bahasa Arab peringkat menengah. Fokus kajian ini mengenai tahap penguasaan pelajar peringkat menengah yang akan menduduki peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) terhadap topik yang dikaji.

1.5.3. Sampel Kajian

Sampel kajian melibatkan pelajar peringkat menengah tingkatan lima yang merupakan calon peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) seramai 100 orang. Selain itu, melibatkan guru-guru yang terbabit dalam pengajaran bahasa Arab peringkat menengah seramai lima orang. Semua sampel dipilih secara rawak merangkumi gender dan lokasi yang berlainan. Rasional kuantiti dan pemilihan sampel tersebut dilakukan pada pandangan penulis ia telah mencukupi dan memenuhi kriteria bagi mewakili populasi dalam kalangan guru dan pelajar.

1.6. Bidang kajian

Kajian ini merupakan kajian linguistik terapan bahasa Arab yang bertujuan untuk meninjau tahap penguasaan pelajar. Fokus tinjauan penulis ialah pada bidang ilmu

balaghah iaitu bahagian ilmu *bayan*. Topik perbincangan ialah *haqiqah* dan *majaz* beserta dua sub topik *majaz mursal* dan *isti'arah*.

1.7. Definisi Konsep

Bagi menjelaskan beberapa istilah dan konsep yang digunakan, penulis akan menghuraikan beberapa perkataan dan konsep yang terkandung dalam topik kajian.

i. **Penguasaan:**

Merujuk Kamus Dewan Edisi Keempat (2007): “Penguasaan berasal dari perkataan kuasa yang bermaksud daya atau kemampuan untuk melakukan sesuatu”.

Menurut Awang Sarian (1983): “Penguasaan sesuatu bahasa ialah keupayaan seseorang menggunakan unsur-unsur bahasa dalam pelbagai situasi”. Maksud penguasaan topik *haqiqah* dan *majaz* dalam kajian ini merangkumi item-item objektif kajian iaitu persepsi pelajar, tahap penguasaan pelajar dan kekangan yang dihadapi pelajar dalam mempelajari topik yang dikaji. Pada pandangan penulis, item-item tersebut merupakan manifestasi penguasaan pelajar terhadap topik yang dikaji.

ii. ***Haqiqah* dan *majaz*:**

Merujuk topik yang menjadi medan kajian iaitu ungkapan *haqiqah* dan *majaz* beserta dua sub topiknya *majaz mursal* dan *isti'arah* dalam komponen balaghah bahasa Arab. Topik-topik tersebut terkandung dalam Sukatan Pelajaran Bahasa Arab peringkat menengah. Ia akan dihuraikan secara terperinci dalam bab seterusnya selepas ini.

1.8. Kajian Lepas

Karya-karya dan kajian-kajian ilmiah yang menjadi sorotan penulis ialah:

1.8.1. **Kajian-Kajian Kepustakaan**

- i. Kajian “*Uslub Al-Majaz Al-Lughawiyy Dalam Al-Quran*” oleh Norlaily binti Hj.Hassan (1999)

Kajian ini menumpukan kepada penganalisisan ayat al-Quran yang berkaitan dengan uslub atau gaya bahasa *al-majaःz al-lughawiyy*. Penulis telah mengemukakan huraian dan memberi penekanan terhadap dua komponen *majaz* tersebut iaitu *isti ‘arah* dan *majaz mursal*. Seterusnya beliau mengemukakan analisis ayat-ayat al-Quran yang dikaji melalui kedua-dua komponen *majaz* tersebut. Berdasarkan kajian dan analisis, antara rumusan penulis ialah:

- a. Gaya bahasa *al-majaःz al-lughawiyy* merupakan mukjizat al-Quran yang maha agung
 - b. Maksud *haqiqah* dan *majaz* dan sejarah mengenainya. *Haqiqah* dan *majaz* mempunyai pergelangan tangan yang berbeza samada pada bahasa, budaya dan sebagainya. Perkembangan lafaz *majaz* adalah selari dengan tersebarnya al-Quran ke segenap pelusuk dunia Arab khususnya.
 - c. *Majaz mursal* dan kaitan-kaitannya antara makna *majaz* dan makna yang tersirat.
 - d. Perkembangan lafaz *isti ‘arah* dan pembahagian jenis-jenisnya.
- ii. Kajian “*Anatomi manusia dalam uslub majaz mursal: Satu kajian dalam al-Quran*” oleh Syazali Affendi A. Wahab (2006)

Kajian ini menghubungkan topik yang dikaji iaitu uslub atau gaya bahasa *majaz mursal* dengan ayat-ayat al-Quran. Tumpuan kajian pada keindahan dan keunikan *majaz mursal* yang digunakan dalam menggambarkan anatomi manusia dan menentukan kadar bilangan anatomi yang menggunakan uslub tersebut. Selain itu, kajian itu juga menentukan bentuk-bentuk perkataan yang digunakan dalam menggambarkan anatomi manusia. Penulis telah berjaya menghasilkan tiga dapatan kajian iaitu:

- a. Anatomi-anatomi yang menggunakan uslub *majaz mursal* dalam al-Quran
- b. Anatomi-anatomi yang tidak menggunakan uslub *majaz mursal* dalam al-Quran
- c. Kaitan-kaitan (علاقت) *majaz mursal*

- iii. Kajian “*Hakikat dan majaz: Satu kajian dalam kamus al-Sihah*” oleh Mohamad Redzuan bin Mohd Khalil (2004)

Kajian dalam bidang leksikografi ini bertujuan untuk mengumpul dan menganalisis entri-entri yang mempunyai makna *haqiqah* dan *majaz* yang terdapat dalam kamus *al-Sihah*, sebuah kamus bahasa Arab yang terkenal. Pada bab kedua penulis telah menghuraikan teori *haqiqah* dan *majaz* dalam ilmu balaghah secara terperinci.

Penulis telah membahagikan kepada tiga pecahan ketika merumuskan kesimpulan penyelidikan ini iaitu leksikografi dan perubahan makna, *al-Jauhariyy* dan kamus *al-Sihah* dan *haqiqah* dan *majaz* dalam *al-Sihah*.

1.8.2. Kajian-Kajian Lapangan Mengenai Pengajaran Dan Pembelajaran Ilmu Balaghah

- i. Kajian “*Penguasaan Pelajar Sekolah Menengah Aliran Agama Terhadap Pengajaran Ilmu Retorik Arab*” oleh (Azhar bin Muhammad et al. : 2006)

Kajian bertujuan mengetahui persepsi dan pengetahuan pelajar terhadap pengajaran ilmu retorik Arab, mengenal pasti masalah-masalah yang dihadapi oleh pelajar dalam pembelajaran ilmu retorik Arab dan untuk mengenal pasti keberkesanan pengajaran dan pembelajaran ilmu retorik Arab dalam kalangan pelajar dan pengaplikasian ilmu ini dalam gaya bahasa mereka.

Dapatkan kajian menyatakan bahawa tahap penguasaan pelajar terhadap pengajaran ilmu retorik Arab ini masih lagi berada pada kedudukan yang sederhana walaupun kebanyakan pelajar berminat mempelajari ilmu ini. Perkaitan kajian tersebut dengan kajian penulis, ia meninjau tahap penguasaan pelajar terhadap pengajaran ilmu retorik Arab secara umum sementara kajian yang akan dilakukan penulis satu tinjauan tahap penguasaan pelajar terhadap ilmu balaghah dengan lebih khusus secara topikal melalui topik *haqiqah* dan *majaz*.

ii. Kajian “*Tahap Penguasaan Pelajar Terhadap Pengajian Ilmu Balaghah Di Sekolah Agama Rakyat (SAR) Negeri Melaka*” oleh Anuar bin Sopian

Kajian ini adalah bertujuan untuk melihat persepsi dan penguasaan pelajar Sekolah Agama Rakyat (SAR) di negeri Melaka terhadap bahasa Arab khususnya ilmu balaghah serta mengenal pasti masalah-masalah yang dihadapi oleh pelajar dalam pembelajaran ilmu ini.

Antara rumusan kajian ialah:

- a. Majoriti pelajar kelihatannya tidak mempunyai minat untuk mempelajari ilmu retorik Arab atau balaghah.
- b. Pelajar tidak mempunyai kesedaran yang tinggi terhadap kewujudan ilmu balaghah dan juga kewujudan pengajian ilmu balaghah dalam kertas Bahasa Arab Tinggi SPM.

iii. Kajian “*Pembelajaran Balaghah Arab Di Peringkat Sijil Tinggi Agama Malaysia: Satu Kajian Kes*” oleh Azhar bin Muhammad

Antara dapatan kajian adalah:

- a. Pelajar mempunyai kesediaan positif dan berminat untuk mempelajari ilmu balaghah. Kefahaman mereka mengenai kedudukan ilmu balaghah sebagai ilmu yang membincangkan keindahan gaya bahasa dan kesusasteraan Arab adalah jelas.
- b. Penguasaan pelajar terhadap pembelajaran balaghah di peringkat pensijilan STAM berada pada tahap yang baik, tetapi agak terbatas. Mereka didapati tidak dapat mengaplikasikannya di luar daripada batasan tersebut.

iv. Kajian “*Penguasaan Al-Balaghah Dan Permasalahannya Di Kalangan Pelajar Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM) (Kajian Di Sekolah-Sekolah Agama Negeri Selangor*” oleh (Rosni bin Samah dan Mohammad Marwan bin Ismail : 2006)

Rumusan kajian yang diperolehi ialah tahap penguasaan pelajar bagi subjek balaghah di Sekolah-Sekolah Agama Negeri Selangor adalah lemah. Beberapa pemasalahan yang mengekang proses pembelajaran subjek tersebut dalam kalangan pelajar iaitu proses dan kaedah pembelajaran, buku teks dan sikap pelajar itu sendiri.

Kesimpulannya, kajian-kajian kepustakaan yang berkaitan dengan topik yang dikaji lebih memfokuskan kepada kajian teks al-Quran. Perkaitan kajian-kajian tersebut dengan kajian penulis pada bab dua di mana kajian masih berada pada peringkat teori. Kajian-kajian lapangan yang berkaitan dengan pengajaran dan pembelajaran pula, lebih memfokuskan kepada tinjauan tahap penguasaan pelajar terhadap komponen balaghah Arab secara umum sementara kajian yang akan dilakukan penulis satu tinjauan penguasaan pelajar terhadap ilmu Balaghah dengan lebih khusus secara topikal melalui topik *haqiqah* dan *majaz*. Menurut pengamatan penulis, belum ada kajian mengenai penguasaan pelajar dalam ilmu balaghah dilakukan secara topikal.

1.9. Kerangka Kajian

Kajian ini mengandungi enam bab yang diringkaskan seperti berikut:

Bab 1 : Pengenalan

Dalam bab ini penulis akan mengemukakan cadangan penulisan kajian yang merangkumi penyataan masalah kajian, objektif kajian, persoalan kajian, kepentingan kajian, batasan kajian, bidang kajian, definisi konsep, kajian lepas dan kerangka kajian.

Bab 2 : Kerangka Teoritikal

Dalam bab ini penulis akan membincangkan mengenai konsep dan teori topik *haqiqah* dan *majaz* beserta sub topik *majaz mursal* dan *isti 'arah* dalam perbahasan ilmu balaghah bahasa Arab. Disebabkan ia masih berada di peringkat teori, penulis memfokuskan kepada kajian kepustakaan dengan merujuk karya-karya silam dan moden untuk mengumpulkan maklumat-maklumat mengenai topik yang dikaji.

Bab 3 : *Haqiqah* Dan *Majaz* Dalam Kurikulum Bahasa Arab

Dalam bab tiga ini, penulis akan menumpukan perbincangan mengenai kedudukan topik yang dikaji dalam Kurikulum Bahasa Arab peringkat menengah. Disebabkan ia juga masih berada di peringkat teori, penulis memfokuskan kepada kajian kepustakaan dengan merujuk edaran-edaran dari Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) seperti Sukatan Pelajaran (SP), Huraian Sukatan Pelajaran (HSP), buku teks dan sebagainya.

Bab 4 : Metodologi Kajian

Dalam bab ini, penulis akan membincangkan tentang metodologi kajian merangkumi reka bentuk kajian, lokasi dan persampelan. Di samping itu, ia juga akan menyentuh mengenai pengumpulan data dan instrumen, penganalisisan data yang akan dijalankan dan prosedur kajian.

Bab 5 : Analisis Data Dan Perbincangan

Bab ini pula akan membincangkan dapatan kajian menerusi penganalisisan data yang dijalankan sama ada melalui kaedah kuantitatif atau kaedah kualitatif. Kaedah kuantitatif melalui instrumen soal selidik pelajar dan guru dan ujian khas, manakala kaedah kualitatif menerusi kajian kepustakaan dan temu bual tidak berstruktur. Fokus penganalisisan data yang dijalankan berdasarkan objektif dan persoalan kajian yang telah ditetapkan.

Bab 6 : Rumusan Dan Cadangan

Bab enam adalah bab akhir bagi kajian ini di mana penulis akan mengutarakan rumusan kajian berdasarkan objektif yang disasarkan iaitu mengenai persepsi pelajar, tahap penguasaan pelajar dan kekangan yang dihadapi pelajar dalam mempelajari topik *haqiqah* dan *majaz* beserta sub topik *majaz mursal* dan *isti'arah*.

1.10. Penutup

Berdasarkan kepada perkara-perkara yang dikemukakan di atas, harapan penulis agar kajian ini dapat dijalankan dengan jayanya. Penulis akan berusaha dengan bersungguh-sungguh untuk menjayakan kajian ini dengan sentiasa mendapat bimbingan dan tunjuk ajar dari penyelia di samping berkongsi maklumat dengan rakan-rakan seperjuangan penulis. Penulis berdoa kepada Allah SWT supaya memberi petunjuk, kekuatan dan kemudahan sepanjang menyiapkan kajian ini.

BAB DUA

KERANGKA TEORITIKAL

2.0 Pendahuluan

Dalam bab ini, penulis akan mengemukakan teori yang berkaitan dengan topik kajian iaitu *haqiqah* dan *majaz* beserta dua sub topiknya *majaz mursal* dan *isti'arah*. Topik tersebut berada dalam bahasan komponen ilmu balaghah.

2.1 *Haqiqah Dan Majaz Dalam Ilmu Balaghah*

Disebabkan topik ini sebagai medan kajian, skop kerangka teoritikalnya menghuraikan perkara-perkara berikut:

2.1.1. Pengenalan

Ungkapan atau gaya bahasa *haqiqah* dan *majaz* merupakan satu keunikan yang dimiliki oleh bahasa Arab melalui ilmu balaghah. Sebenarnya unsur ini bukan hanya terdapat dalam bahasa Arab sahaja, malah merangkumi setiap bahasa di dunia ini. Ini kerana ungkapan dalam bentuk ini merupakan satu cabang seni sesuatu bahasa yang mengesankan lahir dari dalam diri manusia secara semula jadi. Kebolehan ini adalah anugerah yang dimiliki oleh setiap insan dalam mengungkap pelbagai bentuk gaya bahasa dan olahan ayat yang bertujuan untuk menzahirkan maksud melalui ungkapan yang disampaikan.

Kewujudan ungkapan atau gaya bahasa ini begitu terserlah dalam bahasa Arab. Kebanyakan orang Arab menggunakan unsur ini dalam percakapan mereka dan menganggapnya sebagai satu kebanggaan. Ia mencapai tahap yang amat mengagumkan dalam memperlihatkan kebijaksanaan para penutur. Sejarah mencatatkan sejak zaman Jahiliah sehingga zaman Islam di mana para pujangga dan cendekiawan dalam kalangan penyair, penulis dan pemidato begitu terserlah sekali kehebatan mereka dalam

mengungkapkan *majaz* dengan mempraktikkan ungkapan secara tidak langsung dari maksudnya yang menakjubkan.

Kewujudan unsur ini bukan sahaja menunjukkan kemahiran bermain bahasa melalui ungkapan dan ayat yang berkisar antara maksud denotasi dan konotasi, malah lebih dari itu sebagai lambang kecergasan akal yang menghubungkan ikatan pemikiran penyampai melalui pelbagai dimensi ungkapan yang mengesankan penerima dengan wujudnya pertunjuk (*qari:nat*) sama ada secara lafaz, situasi atau secara lambang pemikiran yang tulen.(‘Abd al-Rahma:n Hanbakat al-Mayda:niyy: 1996: 225)

Dalam bab ini, penulis akan mengemukakanuraian mengenai topik *haqiqah* dan *majaz* beserta sub topik *majaz mursal* dan *isti’arah* menurut perbahasan karya-karya ilmu balaghah silam dan moden. Skopuraian topik diadaptasi dengan kandungan sukatan komponen ilmu balaghah peringkat menengah. Penulis juga akan membuat perbandingan secara ringkas topik ini dengan unsur yang terdapat dalam bahasa Melayu.

2.1.2. Kedudukan *Haqiqah* Dan *Majaz* Dalam Ilmu Balaghah

Cabang ilmu balaghah terbahagi kepada tiga bahagian iaitu ilmu ma‘a:ni:, ilmu *bayan* dan ilmu badi:‘. Ilmu ma‘a:ni: ialah ilmu yang mengkaji keadaan perkataan atau lafaz dari segi penyesuaianya dengan tujuan yang dikehendaki. (Al-Khaṭi:b al-Qazwi:niyy:1985:15). Ilmu badi:‘ ialah ilmu untuk mengetahui kepelbagaian cara untuk memperindah perkataan selepas menentukan kesesuaianya dengan keadaan dan kejelasan maknanya. (Ibid:1985:348).

Manakala ilmu *bayan* ialah ilmu yang membicarakan tentang kaedah-kaedah untuk menyatakan maksud sesuatu makna melalui beberapa cara yang berbeza yang boleh difahami dengan jelas atau secara lojik (Ibid:1985:215). Ungkapan *haqiqah* dan *majaz* termasuk dalam perbahasan ilmu *bayan*. Begitu juga ungkapan *majaz mursal* dan ungkapan *isti’arah* di mana kedua-duanya termasuk dalam pecahan ungkapan *majaz*.

Menurut Siti Saudah (1999) dalam memperincikan huraian mengenai ilmu ini: “Ilmu *bayan* ialah satu disiplin yang berfungsi menyatakan kehendak dalaman individu yang menepati kehendak yang diluahkan dan semestinya bersesuaian dengan keadaan, melalui pelbagai gaya bahasa dan penjelasan yang dapat difahami oleh penerima secara aqli atau lojik. Ilmu *bayan* juga bertindak sebagai asas untuk membasmi kecacatan makna dan ayat. Tegasnya, kemantapan ilmu balaghah terletak kepada kejituhan ilmu *bayan*. Ia seterusnya membantu dalam memantapkan bahasa supaya kekal dengan keindahannya”. (Siti Saudah Hassan:1999:44).

2.1.3. Perkembangan Teori *Haqiqah* Dan *Majaz*

Apabila ditinjau aspek perkembangan istilah *majaz*, orang yang pertama menggunakan istilah tersebut ialah Abu: ‘Ubaydat Ma‘mar bin Muthanna: (211 H) melalui karya beliau “Maja:z al-Qu:ran” (مجاز القرآن). Menurut Ibn Taymiyyat menerusi karyanya “al-Ima:n” (الإعان), karya ini sebenarnya tidak membincangkan maja:z al-Qura:n al-Kari:m dalam konteks ilmu balaghah iaitu yang kontra dengan *haqiqah*, tetapi ia membahaskan takwilan sebahagian daripada ayat-ayat al-Quran. *Majaz* pada pandangan beliau bermaksud keterangan makna. Walau bagaimanapun, takwilan dan isyarat tersebut tetap menyentuh aspek gaya bahasa *bayan* seperti *tashbih*, *isti’arah*, *kinayah* dan sebahagian keunikan kaedah nahu yang berkaitan dengan maksud-maksud tersirat seperti *zikr*, *hazaf*, *iltifat* dan *taqdim wa takhir*. (Dipetik dari ‘Abd al-‘Azi:z bin ‘Ati:q: 1985: 8)

Manakala tokoh ulung yang mengemukakan ungkapan *haqiqah* dan *majaz* dalam perbahasan ilmu balaghah ialah Abu: ‘Uthma:n ‘Amr bin Baḥr al-Ja:hīz (255 H) melalui karyanya yang berjudul “al-Bayan wa at-Tabyi:n” (البيان والتبيين). Beliau bagaimanapun tidak mengemukakan takrifan dan huraian seperti yang dilakukan oleh tokoh ilmu balaghah selepasnya, malah lebih menjurus kepada memaparkan keindahan

bahasa pada *nathar* (النثر) dan *sajak* (الشعر). Ia disertakan dengan penerangan dan ulasan yang dirasakan penting untuk difahami dalam konteks ilmu balaghah.

Dalam karya tersebut, beliau menggunakan perkataan al-mathal (المثال) yang membawa erti *majaz* sebagai kontra kepada *haqiqah*. Justeru, kita dapati beliau adalah orang yang pertama mengkategorikan lafaz kepada *haqiqah* dan *majaz*. Kenyataan ini sekaligus menafikan dakwaan Ibn Taymiyyat menerusi karyanya “*Al-Ima:n*” (إِيمَانٌ) yang menyatakan bahawa pembahagian lafaz kepada *haqiqah* dan *majaz* hanya berlaku selepas kurun ketiga Hijrah. (Ibid: 1985: 11)

Bertitik tolak dari apa yang diperkatakan oleh al-Ja:hiz, maka perbahasan ilmu *bayan* yang terkandung dalamnya topik *haqiqah* dan *majaz* terus mendapat perhatian dan dikembangkan oleh para sarjana selepas itu. Antara mereka ialah Ibn Qutayba:t (276 H) melalui karyanya “*Ta’wi:l Mushkilat al-Qura:n*” (تَأْوِيلُ مُشْكِلَةِ الْقُرْآنِ) dan al-Mubarri:d (285 H) melalui kitab “*al-Ka:mil*” (الْكَامِلُ). Seterusnya muncul Ibn Rashi:q al-Qayrawa:niyy (456 H) menerusi karyanya “*al-‘Umdat*” (الْعُمَدةُ). Buku tersebut mengandungi bab-bab yang menghuraikan ilmu balaghah termasuklah *al-bayan*, *al-majaz*, *al-isti’arah* dan lain-lain. Kesemuanya dihuraikan secara terperinci di samping contoh-contoh daripada prosa dan puisi Arab. Mereka kemudiannya diikuti oleh ‘Abd al-Qa:hir al-Jurja:niyy (471 H) yang juga dikenali sebagai pengasas ilmu balaghah menerusi karya beliau “*Asra:r al-Bala:ghat*” (أَسْرَارُ الْبَلَاغَةِ). Buku tersebut mengandungi penerangan mengenai ilmu *bayan* termasuklah *al-majaz*, *al-isti’arah* dan lain-lain. Buku ini dianggap sumber penting dalam pengajian ilmu balaghah di samping satu lagi karya beliau yang terkenal iaitu kitab “*Dala:il al-I’ja:z*” (دَلَائِلُ الْإِعْجَازِ). Selepas itu tampil pula al-Sakka:kiyy: (626H) menerusi karyanya “*Mifta:h al-‘Ulu:m*” (مِفْتَاحُ الْعُلُومِ) yang diikuti selepasnya oleh Al-Khati:b al-Qazwi:niyy: (739H) melalui karyanya “*al-I:da:h fi: ‘Ulam al-Bala:ghat*” (إِضَاحٌ فِي عُلُومِ الْبَلَاغَةِ). Pada bahagian kedua buku ini beliau

membincangkan ilmu *al-bayan* di mana antara tajuk perbincangan termasuk *al-majaz*, *al-mursal*, *al-isti'arah*, *al-majaz al-murakkab* dan lain-lain. Selain itu, beliau juga mengemukakan pendapat al-Sakka:kiyy: mengenai *al-haqiqah* dan *al-majaz* dan pembahagian ilmu balaghah.

Disebutkan juga orang yang paling banyak menggunakan dan mengembangkan metodologi al-Ja:hiz dalam pengolahan ilmu balaghah ialah Diya:' al-Din Ibn al-Athi:r (637 H) melalui karyanya yang terkenal “*al-Mathal al-Sa:ir Fi: Adab al-Ka:tib wa as-Sha: 'ir*” (الْمَثَلُ السَّائِرُ فِي أَدَبِ الْكَاتِبِ وَالشَّاعِرِ). (Ibid: 1985: 139). Kemudian asas-asas yang diletakkan oleh para sarjana silam tersebut dalam teori bahasan ilmu *bayan* termasuk dalamnya ungkapan *haqiqah* dan *majaz* seterusnya menjadi topik utama dalam kalangan sarjana moden. Malah huraiannya lebih meluas dan terperinci khususnya dalam perbahasan karya para cendekiawan ilmu balaghah.

Kesimpulannya, perbahasan teori *haqiqah* dan *majaz* telah mendapat tempat dalam kalangan ramai sarjana silam melalui karya-karya mereka. Perbahasan tersebut juga didapati seiring dengan perkembangan kajian al-Quran dan teks-teks puisi dan prosa Arab. Al-Ja:hiz adalah antara tokoh terulung yang memperkatakan mengenai keunikan topik *haqiqah* dan *majaz* dalam ilmu balaghah sebagaimana yang diperkatakan oleh 'Abd al-'Azi:z bin 'Ati:q (1985: 130). Beliau boleh dianggap sebagai pengasas kepada teori topik tersebut. Perbahasan teori *haqiqah* dan *majaz* kemudiannya diteruskan oleh para sarjana moden.

2.1.4. Perkembangan Lafaz Daripada *Haqiqah* Kepada *Majaz*

Walaupun *haqiqah* dan *majaz* merupakan dua istilah yang mempunyai maksud yang kontra, tetapi kedua-duanya mempunyai hubungan yang amat signifikan dalam keunikan ilmu balaghah Arab. Ini kerana setiap pengertian *majaz* itu sebenarnya berasal dari pengertian *haqiqah*. Dengan kata lain, *majaz* ialah memindahkan maksud perkataan

asal kepada maksud bukan asal dan ia dapat difahami dengan adanya hubungan dan pertunjuk ('Abd al-'Azi:z bin 'Ati:q: 1985: 10).

Para cendekiawan bahasa berselisih pandangan mengenai asal-usul perkembangan dan perubahan yang berlaku pada bahasa-bahasa manusia. Ini menyebabkan timbulnya berbagai-bagai tafsiran dan gambaran dalam kalangan mereka sehingga menghasilkan banyak teori daripada tafsiran-tafsiran tersebut.

Antara teori tersebut ialah manusia pada zaman permulaan mengambil berat dan peka terhadap apa yang ada di sekeliling mereka. Adalah menjadi keperluan kepada mereka untuk mengolah apa yang ada di sekeliling mereka menggunakan bahasa dengan melabelkan nama setiap benda seperti matahari, bulan, bintang, langit, batu, pokok dan lain-lain.

Apa yang mereka mengerti bila disebutkan "matahari" ia hanya berkisar pada maksud satu planet yang muncul pada waktu pagi dan tenggelam pada waktu malam. Begitu juga bila disebut "langit", pada mereka tidak ada maksud lain kecuali suatu objek yang tinggi, tempat peredaran planet-planet, bintang-bintang dan terbangnya burung-burung dan lain-lain.

Teori gambaran dan tafsiran ini berterusan dalam jangka masa yang panjang malah sehingga berkurun-kurun. Ketika nama atau perkataan tersebut sudah menjadi sebatи dalam kehidupan manusia pada pemahaman dan penggunaannya, timbul pula dimensi baru dalam pengolahan perkataan itu. Ini disebabkan oleh faktor penggunaannya yang kian meluas dan lebih mendalam hasil pertambahan ilmu pengetahuan di samping faktor-faktor lain.

Contoh di peringkat ini ialah :

1. Laut (البحر)

Bila manusia menggambarkan laut (البحر), tafsiran mereka ia adalah sesuatu yang luas, dalam, tidak ada sempadan, terdapat di dalamnya mutiara, ombak, perkara yang

bermanfaat dan perkara yang memberi mudarat. Pada masa yang sama mereka juga menghubungkan sifat-sifat yang terdapat pada laut dengan sifat-sifat yang dimiliki oleh manusia melalui perumpamaan. Manusia memiliki pengetahuan yang luas, pemikiran yang mendalam dan percakapan yang baik serta menyenangkan hati. Jika mereka marah seumpama api yang membakar dan sebaliknya jika mereka tenang seumpama madu yang jernih sanggup memberi dan mengorbankan apa sahaja.

Justeru itu, jelas kepada kita dengan kewujudan sifat-sifat yang sama antara manusia dan laut tidak dapat menghalang dari berlakunya perbandingan dan perumpamaan antara kedua-duanya. Manusia boleh menggantikan laut dan begitulah sebaliknya. Perkembangan dan perubahan ini sebenarnya yang dinamakan *majaz*.
(Bakri: Sheikh Ami:n: 2006: 64)

2. Matahari (الشمس)

Matahari dikenali sebagai bintang yang tinggi, terbit pada waktu pagi menghilangkan kegelapan dan kesejukan malam dengan cahaya yang panas. Kemudian ia tenggelam apabila masuk waktu malam dengan kembalinya suasana kegelapan dan kesejukan. Planet ini juga penyebab tumbuhnya pelbagai jenis tumbuhan seperti pohon-pohon bunga dan buah-buahan. Selain itu ia juga penyebab berlakunya kebakaran hutan di merata tempat di dunia ini.

Pada masa yang sama manusia juga melihat titik-titik persamaan antara sifat-sifat yang ada pada matahari dengan sifat-sifat yang dimiliki oleh manusia. Justeru mereka membandingkan antara kedua-duanya seperti sifat-sifat ketinggian, kedudukan, mengeluarkan manusia dari kegelapan kejahilan kepada cahaya pengetahuan, keluhuran akhlak yang terpancar dari ketenangan hati, memancarkan sumber kebaikan dan mendorong kepada amalan yang mulia serta menghasikan karya-karya agung dan sebagainya.

Justeru itu, jelas di sini bahawa wujudnya sifat-sifat yang sama antara manusia dengan matahari. Apakah kita tidak boleh untuk mengatakan manusia itu matahari dan sebaliknya? Jawapannya tentu boleh dan itulah dikenali sebagai *majaz* setelah berlakunya perubahan dan perkembangan pada perkataan tersebut. (Bakri: Sheikh Ami:n: 2006: 65)

3. Langit (السماء)

Langit merupakan angkasa raya yang meliputi setiap yang wujud di alam maya ini. Ia melebar tidak bersempadan tanpa dapat dihadkan oleh pandangan mata. Di langit beroperasi sistem cakerawala pada orbit masing-masing. Di langit juga awan berhimpun dan seterusnya menurunkan hujan. Kemudian daripada itu, tumbuh pelbagai jenis rumput dan tanaman, daun-daun yang merimbun serta buah-buahan yang menjadi rezeki dan kekayaan yang melimpah kepada kita.

Dari sini kita dapat lihat wujudnya hubungan dan ikatan antara langit dengan hujan kerana sifat-sifat sama yang dimiliki kedua-duanya. Justeru itu tidak ada halangan untuk kita mengungkapkan “rezeki turun dari langit” yang memberi maksud hujan. Itu yang dikatakan *majaz* setelah berlakunya perubahan dan perkembangan pada perkataan tersebut. (Bakri: Sheikh Ami:n: 2006: 65)

2.1.5. Definisi *Haqiqah* Dan *Majaz*

Merujuk kepada perbincangan lepas mengenai pemindahan sesuatu lafaz, jelas menunjukkan bahawa *majaz* sebenarnya berasal dari *haqiqah*. Disebabkan hubungan kedua-duanya adalah kontra, maka definisi dan huraiannya tertumpu pada beberapa istilah yang menjadi titik perbezaan antara kedua-duanya. Walaupun tumpuan utama dalam perbincangan topik ini pada istilah *majaz*, namun istilah *haqiqah* juga dianggap penting kerana setiap *majaz* itu mempunyai *haqiqah* iaitu pengertian asal. Kerana itu kedua-dua istilah ini tidak dapat dipisahkan apabila kita membicarakan topik ini. Justeru

itu kita dapat para sarjana dalam kalangan ahli bahasa, cendekiawan ilmu balaghah dan para ulamak mengemukakan huraian untuk menjelaskan perbezaan antara *haqiqah* dan *majaz* dengan hubungan antara kedua-duanya. Dalam meletakkan definisi tersebut mereka menghuraikan pengertian *haqiqah* dalam dua aspek iaitu bahasa dan istilah. Dalam mengemukakan definisi, penulis membuat sorotan terhadap kedua-dua aspek istilah tersebut sebagaimana huraian oleh para sarjana silam dan moden.

2.1.6. Definisi *Haqiqah* Dari Sudut Bahasa

Istilah *haqiqah* dalam ilmu balaghah adalah kata sifat pada pola (wazan) *fa'i:l* (فَعِيلٌ) . Ia berasal dari kata dasar حَقَّا (حَقَّ الْأَمْرُ يَحْقُّ - وَيَحْقُّ - حَقًّا - وَحُقُوقًا : صَارَ حَقًّا) yang bermaksud sesuatu yang benar dan tetap. (Ibn Manzūr jilid 10: 1990 : 49). Melalui kaedah ilmu saraf, lafaz ini boleh digunakan dalam dua fungsi. Pertama, sebagai kata nama pelaku (اسم الفاعل) seperti (حَقَّ الشَّيْءُ يَحْقُّ : إِذَا ثَبَّتَ ، أَيِّ الثَّابِتَةِ فِي مَوْضِعِهِ الأَصْلِيِّ) bermaksud “*hakikat sesuatu apabila ia tetap iaitu yang tetap pada kedudukannya yang asal*”. Kedua, boleh diungkapkan sebagai kata nama objek (اسم المفعول) seperti ungkapan (حَقَّقْتُ الشَّيْءَ أَحْقَهُ : إِذَا أَثْبَتْهُ أَيِّ : الْمُثَبَّتَةِ فِي مَوْضِعِهِ الأَصْلِيِّ) bermaksud “*Saya mendapat atau mencapai sesuatu apabila dapat menetapkannya iaitu sesuatu yang ditetapkan pada kedudukannya yang asal*”. (Al-Khaṭīb al-Qazwi:niyy: 1985: 275)

Pola *fa'i:l* (فَعِيلٌ) yang membawa kepada dua fungsi tersebut adalah betul kerana dalam bahasa Arab ia boleh berfungsi sama ada sebagai kata nama pelaku (اسم الفاعل) atau kata nama objek (اسم المفعول). Sementara itu, huruf ta:’ (ة) pada perkataan *haqiqah* (حقيقة) bukan (باء التأنيث) yang menunjukkan lafaz itu feminine (مؤنث) . Walau bagaimanapun kita boleh menggunakan demikian untuk menunjukkan kepada pindahan perkataan dari kata sifat (وصف) kepada kata nama di samping untuk mengekalkan

keaslian perkataan tersebut sebelum berlakunya pindahan tersebut. (Fađal Hasan ‘Abba:s jilid 2: 1992: 127 & 128).

Pengertian *haqiqah* menurut sebahagian ungkapan iaitu **(حَقْتُ الْفِكْرَةُ أَوِ الْكَلْمَةُ أَوْ** **الْفَكْرَةُ أَوِ الْكَلْمَةُ أَوِ الْقَضِيَّةُ أَوِ الْمُدْرَكَةُ الْذِهْنِيَّةُ أَوْ تَحْوِيْلَهُ ذَلِكَ)** bermaksud “*sesuatu idea, perkataan, isu, maklumat atau seumpamanya yang sebenar dan tetap*”. Memberi maksud pelakunya **(فَاعِلَهُ)** yang tetap, tidak berubah lagi benar. (‘Abd al-Rahma:n Hanbakať Al-Mayda:niyy: 217).

Perkataan *haqiqah* juga digunakan dalam bahasa Melayu hasil proses penyerapan daripada bahasa Arab. Ejaannya ditulis “*hakikat*” yang bermaksud: “*Sesuatu yang tidak dapat ditiadakan atau dinafikan kebenaran; kenyataan*” (Kamus Dewan Edisi Keempat: 2007: 500). Malah kata jamak bagi *hakikat* dalam bahasa Melayu juga diambil dari bahasa Arab iaitu: “*Hakaik: Ar (jamak bagi hakikat) kebenaran*” (Kamus Dewan Edisi Keempat: 2007: 500).

2.1.7. Definisi *Haqiqah* Dari Sudut Istilah

Disebabkan al-Ja:hiż dianggap pelopor dalam membincangkan ungkapan *haqiqah* dan *majaz*, penulis terlebih dahulu memanfaatkan pandangan beliau sebelum tokoh-tokoh yang lain. Walaupun tidak mengemukakan sebarang definisi dan skop yang tertentu mengenai topik ini, dalam huraiannya beliau menyatakan apabila diungkapkan “singa memakannya” ia memberi maksud kelakuan makan yang biasa difahami. Tetapi apabila mereka menyebut “yang berwarna hitam memakannya”, ia mungkin memberi maksud patuk, sengat, gigit dan seumpamanya. Allah berfirman yang bermaksud: “*Adakah salah seorang antara kamu suka memakan daging saudara kamu yang telah mati?*” (Al-Hujura:t : 12). Mereka menyebut dalam ungkapan “Si Polan itu sedang makan orang ramai (manusia)” meskipun ia tidak melakukan kelakuan makan yang biasa difahami.

Demikian juga ungkapan syair oleh Dahman al-Nahariyy: “Engkau bertanya daku tentang manusia yang makan, sebenarnya masa yang telah meminum dan memakan mereka”. Beliau menyatakan perkataan “makan” yang pertama di atas adalah *haqiqah*, manakala perkataan “makan” yang berikutnya adalah *majaz*. Di sini kita dapat fahami bahawa *haqiqah* pada pandangan beliau adalah kontra bagi *majaz* iaitu (استِعْمَالُ الْفُظْلِ) iaitu “*penggunaan sesuatu lafaz (perkataan) mengikut kedudukan maksudnya yang asal (sebenar)*”. (‘Abd al-‘Azi:z bin ‘Ati:q: 1985: 136).

Kemudian menurut takrifan ‘Abd al-Qa:hir al-Jurja:niyy: t.t: 359), *haqiqah* pada istilah ialah (كُلُّ كَلِمَةٍ أُرِيدَ بِهَا مَا وَقَعَتْ لَهُ وَضْعٌ وَاضْعَفُ - وَإِنْ شِئْتَ قُلْتَ: فِي مَوَاضِعِهِ - وُقُوْعًا) iaitu “*setiap perkataan yang dikehendaki maksudnya mengikut kedudukannya yang asal (sebenar)*. Jika kamu ingin ungkapkan: Mengikut beberapa kedudukannya yang asal (sebenar) tanpa memerlukan sandaran kepada yang lain; ia adalah *haqiqah*”.

Manakala al-Sakka:kiyy:(1992: 545) pula meletakkan takrif *haqiqah* menurut istilah seperti berikut : (فَالْحَقِيقَةُ هِيَ الْكَلِمَةُ الْمُسْتَعْمَلَةُ فِيمَا هِيَ مَوْضُوعَةُ لَهُ مِنْ غَيْرِ تَأْوِيلٍ فِي الْوَضْعِ، كَاسْتِعْمَالِ الْأَسَدِ فِي الْهَيْكَلِ الْمَخْصُوصِ فَلَفْظُ الْأَسَدِ مَوْضُوعَةُ لَهُ بِالْتَّحْقِيقِ وَلَا تَأْوِيلَ فِيهِ) iaitu “*haqiqah adalah perkataan yang digunakan mengikut kedudukannya yang asal (secara zahir) tanpa ada takwilan bagi kedudukan tersebut. Contohnya penggunaan lafaz singa merujuk kepada objek tertentu secara sebenarnya (zahirnya) tanpa ada takwilan padanya*”.

Melalui takrifan tersebut kita dapat perhatikan terdapat sedikit kelainan daripada yang dikemukakan sebelum ini iaitu penambahan ungkapan (منْ غَيْرِ تَأْوِيلٍ فِي الْوَضْعِ) bermaksud “*tanpa ada takwilan pada kedudukannya yang asal*”. Ungkapan ini bertujuan untuk membezakannya dengan definisi *isti’arah* di mana perkataan yang digunakan itu mengikut maksud kedudukannya yang asal (sebenar) dengan

mengkategorikannya sebagai *majaz lughawiyy* bukannya *haqiqah*. Ini kerana *isti'arah* mengandungi unsur takwilan. (Al-Khatib al-Qazwi:niyy: 320: 1985).

Seterusnya Al-Khatib al-Qazwi:niyy: (1985: 272) mengemukakan definisi *haqiqah* menurut istilah sebagaimana berikut : (الْحَقِيقَةُ : الْكَلِمَةُ، الْمُسْتَعْمَلَةُ، فِيمَا وُضِعَتْ لَهُ،) iaitu “*haqiqah* ialah sesuatu perkataan yang digunakan, sebagaimana diletakkan baginya (pada maksud kedudukannya yang asal), dalam istilah (perkataan) yang berlaku dalam pertuturan”. Beliau telah menghuraikan takrifan tersebut satu persatu dengan lebih ditil iaitu:

Ungkapan (الْكَلِمَةُ، الْمُسْتَعْمَلَةُ) iaitu “sesuatu perkataan yang digunakan”. Suatu lafaz atau perkataan itu dianggap bahasa apabila ia digunakan. Jika belum digunakan ia tidak dianggap bahasa dan tidak boleh dikategorikan sama ada *haqiqah* atau *majaz*.

Huraian pada (فِيمَا وُضِعَتْ لَهُ) yang bermaksud “sebagaimana diletakkan baginya (pada maksud kedudukannya yang asal)” iaitu untuk mengelakkan dari dua perkara; Pertama untuk mengelakkan berlaku kesilapan semasa mengungkapkan sesuatu lafaz atau ungkapan yang menyebabkan ia keluar daripada maksud *haqiqah* kerana tidak mengikut maksudnya yang asal. Contohnya ungkapan kamu kepada seorang kawan: “*sila ambil buku ini*” sambil menunjukkan buku yang berada di tangan kamu tetapi kamu tersilap dengan mengungkapkan “*sila ambil kuda ini*”. Ungkapan ini juga tidak boleh dinamakan *majaz* kerana tidak ada perkaitan antara perkataan buku dengan kuda. Kedua untuk mengelakkan berlaku campur aduk antara *haqiqah* dan *majaz*. Ungkapan ini sebagai titik perbezaan antara maksud *haqiqah* dengan *majaz* kerana *majaz* ialah lafaz yang digunakan bukan pada maksudnya yang asal (sebenar). Contohnya penggunaan lafaz “*singa*” bermaksud seorang lelaki yang berani.

Selain itu, huraian pada (في اصطلاح به التَّخَاطُب) yang bermaksud “*pada istilah (yang digunakan) dalam pertuturan*” iaitu ungkapan sesuatu perkataan tidak boleh dikategorikan sebagai *haqiqah* jika tidak digunakan pada maksudnya yang asal

(sebenar) mengikut ketetapannya pada istilah tertentu sama ada pada bahasa, syarak dan kebiasaan (uruf) dalam pertuturan. Ia adalah dianggap *majaz*. Contohnya “solat” yang bermaksud doa merupakan *majaz* dari sudut istilah walaupun *haqiqah* pada aspek bahasa dan pertuturan. (Ibid: 1985: 272).

Lafaz “singa” adalah *haqiqah* bila digunakan pada istilah binatang buas kerana penggunaannya mengikut ketetapan kedudukannya yang asal (sebenar) dalam istilah. Begitu juga lafaz “solat” adalah *haqiqah* bila dihuraikan mengikut kedudukannya yang asal (sebenar) melalui uruf istilah syarak (agama) iaitu himpunan bacaan dan perbuatan yang dimulai dengan takbir dan diakhiri dengan salam. Malah ia juga dianggap *haqiqah* bila digunakan mengikut kebiasaan (uruf) pertuturan dan huraian ahli bahasa sebagai doa yang digunakan dalam mana-mana istilah mengikut apa yang telah ditetapkan baginya. (Basyu:niyy: ‘Abd al- Fattah: 2004: 116). Walau pun doa sesuatu yang *haqiqah* pada konteks bahasa, namun ia adalah *majaz* pada istilah syarak. Ini kerana apabila sesuatu lafaz itu menunjukkan makna yang lain meskipun mengandungi makna yang asal pada konteks bahasa, ia dianggap *majaz* pada istilah syarak.

Menurut Lisa:n al-‘Arab: (وَإِنَّمَا يَقْعُدُ الْجَازُ وَيُعَدَّ إِلَيْهِ عَنِ الْحَقِيقَةِ لِمَعَانٍ ثَلَاثَةٍ: وَهِيَ الْأَتْسَاعُ
وَالثَّوْكِيدُ وَالشَّبَابِيَّةُ، فَإِنْ عُدِمَ هَذِهِ الْأَوْصافُ الْثَلَاثَةُ كَانَتْ الْحَقِيقَةُ الْبَتَةُ)
“Sesuatu perkataan itu menjadi *majaz* dan sempadan (yang membezakannya) dengan *haqiqah* hanya dapat dilihat pada tiga sifat atau keadaan yang membawa maksud : Iaitu perluasan, penegasan dan perbandingan. Tanpa tiga sifat ini ia adalah *haqiqah* yang tulen”. (Ibn Manzū:r jilid 10: 1990: 52).

Kesimpulannya, *haqiqah* ialah penggunaan sesuatu lafaz atau perkataan selari dengan kedudukan maknanya yang asal, sebenar dan secara tersurat tanpa ada *qari:nat* iaitu pertunjuk yang menghalang daripada maksudnya yang asal atau sebenar yang menjadikan lafaz tersebut sebagai *majaz*. Di samping itu, penentuan sesuatu perkataan

sama ada *haqiqah* atau *majaz* juga mengikut ketetapannya pada istilah tertentu sama ada pada dimensi bahasa, syarak dan kebiasaan (uruf) dalam pertuturan.

2.1.8. Definisi Majaz Dari Sudut Bahasa

Majaz berada pada pola (wazan) *maf' al* (مَفْعَل) iaitu kata nama sumber dalam kategori (مَصْدَرٌ مِّيمِيٌّ). Menurut kamus Lisa:n al-'Arab, ia berasal dari kata dasar (جَوْزٌ : جَوْزًا وَ جُؤْوِزًا وَ جَوَازًا وَ مَحَازًا وَ حَارَّ بَه وَ جَوَازَه - جَوَازًا وَ أَجَازَه - وَأَجَازَ (جُزْتُ الطَّرِيقُ) (جُزْتُ الطَّرِيقُ) iaitu "melalui atau merentasi". Ungkapan "سَارَ فِيهِ وَ سَلَكَه" (Aku telah melintasi atau melepassi jalan itu". (Ibn Manzūr jilid 5: 1990: 326).

Menurut huraian 'Abd al-Qa:hir al-Jurja:niyy 471H), *majaz* pada bahasa bermaksud "melepassi" atau "melangkaui". Lafaz ini melalui proses perkembangan dari maksud kedudukannya yang asal atau tersurat kepada bukan maksud kedudukannya yang asal atau tersirat. Jika lafaz tersebut bermaksud "melepassi" sesuatu daripada kedudukan asalnya, maka kata nama sumber (مَصْدَر) itu memberi maksud kata nama pelaku (اسمُ الْفَاعِلِ). Sebaliknya jika lafaz tersebut bermaksud "dilepasi" sesuatu daripada kedudukan asalnya, maka kata nama sumber (مَصْدَر) tersebut memberi maksud kata nama objek (اسمُ الْمَفْعُولِ).

Ungkapan (جَازَ الْمَكَانَ، إِذَا تَعَدَّاهُ، أَيْ تَعَدَّتْ مَوْضِعَهَا الْأَصْلِيُّ) iaitu "merentasi sesuatu tempat, apabila melepasinya, iaitu melangkaui kedudukannya yang asal". Apabila dikatakan "merentasi sesuatu tempat" bermaksud melalui atau menjadikannya sebagai jalan sebagaimana yang dihuraikan oleh Jawhariyy dan lain-lain iaitu *majaz* merupakan jalan untuk menggambarkan sesuatu makna. (Al-Khati:bal-Qazwi:niyy: 276 : 1985).

Lafaz *majaz* juga adalah derivasi dari lafaz (الْجَوَازُ) yang bermaksud melintasi atau menyeberangi. Ia juga bermaksud berpindah dari satu tempat ke satunya tempat yang lain. Mengikut kaedah ilmu saraf perkataan asal bagi (الْجَوَازُ) ialah (الْجَوْزُ)

di mana berlaku pertukaran huruf illah (و) kepada huruf (ا) yang menjadikan perkataan itu (البخار).

2.1.9. Definisi *Majaz* Dari Sudut Istilah

(استِعْمَالُ الْفُظُّولِ فِي غَيْرِ مَا وُضِعَ لَهُ لِعَلَاقَةٍ مَعَ قَرِينَةٍ مَانِعَةٍ مِنْ إِرَادَةِ الْمَعْنَى الْحَقِيقِيِّ) *Majaz* menurut istilah ialah iaitu “*penggunaan sesuatu lafaz (perkataan) bukan pada maksud kedudukannya yang asal (sebenar), kerana terdapatnya kaitan (علاقة) tertentu serta terdapat pertunjuk (قرينة) atau yang menghalang daripada kehendak maksudnya yang sebenar*”. (‘Abd al-‘Azi:z bin ‘Ati:q: 1985: 136).

Seterusnya Ibn al-Athi:r (637 H) memperluaskan lagi perbincangan mengenai *haqiqah* dan *majaz*. Beliau mentakrifkan *majaz* sebagai memindahkan ungkapan dari makna denotasi kepada lafaz yang lain yang membawa maksud konotasi. Itu sememangnya boleh berlaku sebagaimana keterangan sebelum ini kerana bahasa setiap makhluk memerlukan nama-nama yang menunjukkan fungsinya yang tertentu di samping berfungsi sebagai medium untuk saling memahami antara manusia. Nama sesuatu yang selari dengan maksud ungkapannya adalah *haqiqah* dan sebaliknya jika dipindah kepada maksud yang lain ia berubah menjadi *majaz*. Contohnya apabila kita menyebut ungkapan “laut” yang merujuk kepada kawasan air masin yang luas itu *haqiqah*. Sebaliknya jika merujuk kepada seorang lelaki yang pemurah iaitu dalam bentuk *isti’arah*, itu adalah *majaz*. Ini menunjukkan bahawa ungkapan “laut” itu mempunyai dua makna (دلالة) iaitu *haqiqah* dan *majaz*. Kedua-dua makna itu tentunya berbeza walaupun mempunyai persamaan pada ungkapan (lafaz). Kita tidak dapat memahami antara makna laut yang sebenar dengan sifat pemurah pada seseorang tanpa ada pertunjuk (قرينة) yang menghubungkan antara kedua-duanya. Justeru itu, asas *haqiqah* dan *majaz* ialah merujuk kepada asal bahasa yang menentukan maksud sesuatu

ungkapan melalui proses perkembangan yang dilalui oleh bahasa tersebut. Pada peringkat awalnya tidak ada seorang yang pemurah dipanggil sebagai laut, tetapi para pujangga dalam kalangan pemidato dan penyair yang memperluaskan ungkapan kepada makna konotasi melalui pemindahan bahasa dari *haqiqah* kepada *majaz*. (Ibid:140:1985).

Manakala Al-Khatib al-Qazwi:niyy: 1985: 272) pula mengemukakan takrifan *majaz* menurut istilah iaitu (المجاز : الْكَلِمَةُ، الْمُسْتَعْمَلَةُ، فِي غَيْرِ مَا وُضِعَتْ لَهُ فِي اصْطِلَاحِ بِهِ التَّخَاطُبُ، عَلَى وَجْهِ يَصْحُّ، مَعَ قَرِينَةٍ عَدَمِ إِرَادَتِهِ). Kita dapati tidak ada perbezaan antara dua definisi di atas cuma Al-Khatib al-Qazwi:niyy mengemukakan huraian setiap frasa takrifan beliau dengan lebih terperinci.

Ungkapan (الكلمة، المستعملة) iaitu “*lafaz atau perkataan yang digunakan*”. Ia adalah sama dengan huraian *haqiqah* yang mana suatu lafaz atau perkataan itu mesti yang digunakan kerana tanpa penggunaan, suatu lafaz atau perkataan itu tidak boleh dinamakan *haqiqah* atau *majaz*. Huraian pada (“*pada selain kedudukan maksud yang asal (sebenar)*”). Perkataan “*غَيْرٌ*” yang bermaksud “selain” adalah titik perbezaan antara *haqiqah* dan *majaz*.

Sementara itu, ungkapan (في اصطلاح به التَّخَاطُبُ bermaksud “*pada istilah (perkataan yang digunakan) dalam pertuturan*” sebagai isyarat yang menentukan sama ada *haqiqah* atau *majaz*. Sebagaimana *haqiqah* yang terbahagi kepada beberapa bahagian atau dimensi iaitu bahasa, syarak, kebiasaan (uruf) umum dan khusus, maka demikian juga *majaz*. Contoh *majaz* pada dimensi bahasa, perkataan singa (الأَسْد) apabila digunakan menurut istilah pertuturan bermaksud seseorang yang berani. Contoh *majaz* pada dimensi syarak, perkataan solat (الصلوة) apabila digunakan menurut istilah pertuturan bermaksud doa. Contoh *majaz* yang merujuk kepada dimensi kebiasaan (uruf) khusus, perkataan (فعل) apabila digunakan menurut istilah tatabahasa yang bermaksud sesuatu peristiwa. Contoh *majaz* pada dimensi kebiasaan (uruf) umum,

perkataan binatang (دَبَّة) iaitu yang merangkak apabila digunakan menurut istilah umum bermaksud manusia.

Ungkapan (عَلَى وَجْهِ يَصْحُّ) iaitu “dalam bentuk (penggunaan) yang betul” yang menunjukkan bahawa wajib terdapat kaitan atau hubungan (عَلَاقَة) yang mengikat antara makna *haqiqi* (tersurat) dengan makna *majazi* (tersirat) selain bebas daripada kesilapan pertuturan seperti kita menunjukkan kepada seketul batu sambil berkata: “*Sila ambil kuda ini*”. Penggunaan perkataan kuda pada ungkapan itu tidak dinamakan *majaz* kerana tidak ada hubungan (عَلَاقَة) antara seketul batu dengan seekor kuda.

Kemudian perkataan (قَرِينَة) bermaksud sesuatu yang dijadikan oleh seseorang penutur sebagai pertunjuk bahawa lafaz yang digunakan bukan pada maknanya yang sebenar dan ia dikaitkan dengan “yang menghalang” (مَانِعَة) makna asal untuk membezakannya dengan *kina:yat* (الكتابية) kerana pada *kina:yat* itu tidak dikaitkan dengan “yang menghalang” antara makna yang asal dengan makna *kina:yat*. (Basyu:niyy: ‘Abd Fattaḥ: 2004: 120).

Daripadauraian di atas, kita dapat fahami bahawa *majaz* mestilah mengandungi lima perkara iaitu:

- i. Perkataan (lafaz)
- ii. Makna tersurat atau asal (*hakiki*)
- iii. Makna tersirat (*majazi*)
- iv. Kaitan (عَلَاقَة) antara makna asal (*hakiki*) dengan makna tersirat (*majazi*)
- v. *Qari:nat* (قريبة) iaitu sesuatu yang menghalang bahawa lafaz yang digunakan bukan pada maksudnya yang sebenar.

Di sini penulis kemukakan beberapa contoh ungkapan *majaz*:

- i. Seekor singa sedang berehat di atas katil (يَسْتَرْبِحُ الْأَسْدُ عَلَى السَّرِيرِ)
- ii. Khalifah memasang kelambu Ka‘bah (كَسَّا الْخَلِيفَةَ الْكَعْبَةَ)
- iii. Kerajaan membina sekolah-sekolah (بَنَتْ الْحُكُومَةُ الْمَدَارِسَ)

Ungkapan *majaz* pada contoh pertama di atas menujukkan bahawa bukan singa yang sebenar sedang berehat di atas katil, bahkan seseorang yang memiliki ciri-ciri yang sama seperti singa. Demikian juga pada contoh kedua bukan khalifah sendiri yang melakukan kerja memakaikan kelambu pada Ka‘bah, malah pekerja-pekerjanya. Begitu juga pada contoh ketiga bukan kerajaan yang membina sekolah-sekolah malah pekerja-pekerja yang terlibat dalam pembinaan.

Di samping itu, Za‘ba juga telah memperkatakan mengenai *majaz* dalam bahasa Melayu iaitu: “*Bahasa mencakupi sesuatu perkara dengan mengiaskan kepada pelbagai perkara lain melalui penggunaan bahasa kiasan. Gaya bahasa kiasan melambangkan ciri-ciri tersebut seperti Raja membuka negeri. Sebenarnya bukan Raja seorang sahaja yang membuka negeri, malah baginda bersama rakyatnya*” (Ilmu Mengarang Melayu: 1965: 190). Merujuk kenyataan tersebut, kita dapat fahami bahawa gaya bahasa kiasan dalam bahasa Melayu umumnya menyamai atau melambangkan ungkapan *majaz* yang terdapat dalam bahasa Arab. Dalam kesusasteraan Melayu unsur ini dikenali sebagai gaya bahasa metafora. Dimaksudkan dengan gaya bahasa metafora dalam kesusasteraan Melayu ialah: “*Perkataan yang digunakan untuk menyatakan sesuatu maksud yang lain daripada makna biasa. Perkataan ini digunakan sebagai suatu perbandingan atau kiasan secara langsung tanpa menggunakan kata bak, bagai, ibarat, seperti, umpama dan sebagainya yang biasanya mengandungi dua patah perkataan, iaitu satu perkataan bersifat abstrak dan satu lagi bersifat konkret.*” (Shafiee Zakaria: 2011: 7). Menurut Azhar Mohammad (t.t) ungkapan *majaz* dan *isti‘arah* termasuk dalam gaya bahasa metafora dalam kesusasteraan Melayu. Walau bagaimanapun, menurut pengamatan penulis gaya bahasa metafora dalam kesusasteraan Melayu lebih berkisar pada *tashbi:h muakkad, tashbi:h bali:gh* dan *isti‘arah* dalam bahasa Arab.

Dalam kajian ini, penulis tidak bertujuan untuk membuat perbandingan antara unsur *majaz* dalam bahasa Arab dengan unsur bahasa Melayu secara mendalam.

Namun begitu, kesimpulan yang boleh dinyatakan di sini tidak ada perbezaan antara apa yang diperkatakan oleh Za'ba mengenai bahasa kiasan dan ungkapan *majaz* pada pengertian ilmu balaghah bahasa Arab. Walau bagaimanapun, pada pemerhatian penulis *majaz* mempunyai pengertian yang lebih umum jika dibandingkan dengan unsur-unsur dalam bahasa Melayu seperti metafora. Tetapi sebahagian unsur *majaz* seperti *isti'arah* mempunyai persamaan dengan unsur tersebut. Fenomena ini adalah lumrah dalam mana-mana bahasa. Sesungguhnya perbandingan antara unsur-unsur bahasa Arab dan bahasa Melayu secara intensif membuka ruang bagi kajian seterusnya dalam kalangan pengkaji.

2.1.10. Fungsi Dan Tujuan *Majaz*

Antara fungsi dan tujuan utama *majaz* dalam ilmu balaghah adalah seperti berikut:

1. *Majaz* dalam percakapan adalah bentuk gaya bahasa yang diungkapkan secara tidak langsung atau kiasan. Ungkapan seperti ini kebiasaannya lebih menusuk ke dalam diri dan memberi kesan yang mendalam berbanding ungkapan biasa (*haqiqah*).
2. *Majaz* kebiasaannya mengandungi unsur-unsur berlebihan (*muba:laghat*) dalam menyampaikan maksud tidak seperti *haqiqah*. Unsur-unsur berlebihan (*muba:laghat*) tersebut terdapat dalam pelbagai dimensi ilmu balaghah seperti unsur penegasan (التأكيد), unsur penerangan (التوضيح), unsur menikmati keindahan bahasa (الترغيب)، unsur galakan melalui mengindahkan dan mengelokkan sesuatu (الإمتناع بالجمال) dan sebagainya.
3. Penggunaan ungkapan *majaz* adalah titik tolak kepada ciptaan ungkapan yang melambangkan keunikan dan keindahan bahasa yang tidak terdapat pada ungkapan *haqiqah*. Kebanyakan ungkapan yang unik dan menarik adalah terbit daripada unsur *majaz*.

4. Penggunaan ungkapan *majaz* menjadikan penyampaian ringkas dan padat di samping dapat memenuhi maksud yang disampaikan, malah kaya dengan maksud-maksud sampingan dan gambaran-gambaran yang mengesankan.

5. Unsur balaghah pada penggunaan ungkapan *isti'arah* lebih mengesankan berbanding ungkapan perumpamaan (التشبيه) yang mana fungsi dan tujuan perumpamaan (التشبيه) telah terkandung dalam *isti'arah* tetapi tidak terdapat sebaliknya.

6. Unsur balaghah pada penggunaan ungkapan *majaz mursal* lebih mengesankan berbanding ungkapan *haqiqah* dalam kebanyakan situasi apabila seseorang menyampai itu telah sebatи dan amat menghalusi kandungan dan penggunaan *majaz*. ('Abd al-Rahma:n Hanbakał al-Mayda:niyy : 1996: 228).

2.1.11. Bahagian *Haqiqah* Dan *Majaz*

Menurut perbahasan ilmu balaghah, ungkapan *haqiqah* dan *majaz* terbahagi kepada empat bahagian yang saling kontra antara satu dengan lain :

i. *Haqiqah* Dan *Majaz* Pada Aspek Bahasa (الحقيقة اللغوية واللخاز اللغوي)

Apabila digunakan lafaz dalam lapangan atau skop penggunaannya menurut pengertian bahasa yang umum dengan maksud yang asal (sebenar) sebagaimana yang diungkapkan, itu adalah *haqiqah* pada istilah bahasa. Sebaliknya apabila digunakan lafaz dalam lapangan atau skop penggunaannya yang bukan mengikut maksudnya yang asal (sebenar) sebagaimana yang diungkapkan ia merupakan *majaz* pada istilah bahasa.

Contohnya lafaz “singa” yang digunakan merujuk kepada sejenis binatang buas ia merupakan *haqiqah* pada istilah bahasa. Sebaliknya apabila digunakan lafaz tersebut bukan pada maksudnya yang asal (sebenar) seperti merujuk kepada seseorang yang bersifat berani ia adalah *majaz* pada istilah bahasa.

Contoh-contoh yang lain seperti “tangan” jika digunakan pada maksud anggota badan manusia ia adalah *haqiqah*. Manakala jika ia merujuk kepada sesuatu nikmat,

lambang kekuatan dan kekuasaan yang menjadi penyebab sesuatu perkara itu adalah *majaz*. Begitu juga lafaz “sungai” merujuk kepada satu kawasan tanah yang mengalir dalamnya air adalah *haqiqah*. Sebaliknya apabila digunakannya untuk menunjukkan sesuatu yang bersifat mengalir padanya itu adalah *majaz*.

ii. *Haqiqah Dan Majaz Pada Aspek Syarak* (الحقيقة الشرعية والجاز الشرعي)

Apabila digunakan lafaz dalam lapangan atau skop menurut perspektif syarak sebagai istilah yang digariskan oleh ahli syarak (agama) yang berbeza dengan ketetapan oleh ahli bahasa seperti solat, zakat, sujud, rukuk, kufur, iman, Islam dan lain-lain. Istilah-istilah tersebut diabaikan dari aspek definisi bahasa dengan menggantikannya menurut definisi syarak yang membawa maksud-maksud lain. Oleh yang demikian, ia telah berubah menjadi *haqiqah* pada istilah-istilah syarak. Sebaliknya apabila digunakan lafaz tersebut untuk menunjukkan makna yang lain meskipun mengandungi makna yang asal pada konteks bahasa, ia dianggap *majaz* pada istilah syarak. (Basyu:niyy: ‘Abd Fattah: 2004: 116)

Contohnya lafaz “solat” apabila digunakan pada perspektif istilah syarak yang bermaksud rukun Islam yang kedua ia merupakan *haqiqah* pada istilah syarak tersebut. Sebaliknya, apabila lafaz tersebut digunakan dengan maksud doa walaupun doa itu sesuatu yang *haqiqah* pada istilah bahasa, ia tetap menjadi *majaz* pada istilah syarak. Begitu juga “zakat” apabila digunakan pada maksud rukun Islam yang ketiga ia adalah *haqiqah* pada istilah syarak. Sebaliknya, apabila ia digunakan dengan maksud tumbuh dan bersih ia adalah *majaz* pada istilah syarak.

iii. *Haqiqah Dan Majaz Pada Konteks Situasi Umum* (الحقيقة والجاز في العرف العام)

Situasi (‘uruf) umum bermaksud sesuatu lafaz yang menjadi kelaziman dalam percakapan orang ramai walaupun berlainan pada konteks asal bahasa. Apabila sesuatu lafaz digunakan pada situasi tersebut ia adalah *haqiqah* pada aspek situasi (‘uruf) umum. Sebaliknya, apabila digunakan lafaz itu pada maksud yang lain walaupun

mangandungi maksud yang asal pada konteks bahasanya, ia dianggap *majaz* pada istilah kebiasaan ('uruf) umum.

Contohnya penggunaan perkataan (الدابة) iaitu panggilan kepada binatang yang berkaki empat dalam kehidupan sehari-hari seperti himar, lembu, unta dan lain-lain. Panggilan ini termasuk dalam *haqiqah* pada aspek situasi ('uruf) umum. Jika digunakan untuk setiap kehidupan yang merangkak di atas bumi ia adalah *majaz* pada aspek situasi ('uruf) umum. Begitu juga untuk sesuatu yang bukan jenis kehidupan seperti peralatan-peralatan ia dianggap *majaz* pada aspek situasi ('uruf) umum tersebut. Maksud asal perkataan tersebut ialah “yang merangkak” di atas tanah. Kemudian maksudnya bertukar kepada binatang yang digunakan oleh manusia. (Basyu:niyy: ‘Abd Fattah: 2004: 117)

iv. *Haqiqah Dan Majaz Pada Konteks Situasi Khas* (الحقيقة والجاز في العرف الخاص)

Dimaksudkan *haqiqah* pada aspek situasi ('uruf) khas ialah penggunaan istilah-istilah ilmu. Ini kerana setiap bidang ilmu mempunyai istilah-istilah tersendiri. Ia mengandungi pertunjuk-pertunjuk tertentu yang kadang-kadang berbeza dengan aspek bahasa biasa. Dengan kata lain ia merujuk kepada definisi-definisi yang terdapat dalam uruf-uruf khas tertentu. Contohnya penggunaan istilah-istilah *mubtada*', *khabar*, *fa:‘il*, *maf‘u:l*, *rafa‘*, *naṣab*, *jarr*, *jazam* dan lain-lain sebagaimana yang terdapat dalam uruf ahli-ahli nahu. Begitu juga istilah-istilah tambah, tolak, darab, bagi dalam uruf ilmu matematik. Demikian juga istilah-istilah ilmu balaghah seperti *isti‘arah*, *tashbi:h*, *majaz* dan sebagainya sebagaimana yang dikemukakan oleh para cendekiawan ilmu balaghah.

Oleh itu, apabila digunakan istilah-istilah itu mengikut skop ilmu-ilmu tersebut, maka ia menjadi *haqiqah* pada aspek situasi (uruf) khas. Sebaliknya apabila digunakan istilah-istilah itu pada pertunjuk-pertunjuknya yang lain walaupun menepati maksud konteks asal bahasa (معانيها اللغوية الأصلية) ia dianggap *majaz* pada aspek situasi ('uruf) khas.

2.1.12. Pembahagian *Majaz*

Mengikut ketetapan para sarjana ilmu balaghah, *majaz* terbahagi kepada dua bahagian iaitu:

i. *Majaz ‘Aqliyy* (المجاز العقلي)

Majaz ini hanya berada dalam frasa (separa ayat) dan bukan dalam bentuk perkataan (lafaz). Ia adalah sandaran (الإسناد) frasa tersebut iaitu kata kerja atau perkataan yang mengandungi maksud kata kerja kepada bukan subjek sebenar dalam ayat tersebut kerana adanya kaitan (علاقة) dan *qari:nat* (قرينة) yang menghalang ianya berfungsi sebagai sandaran sebenar (الإسناد الحقيقى). Dengan kata lain kata kerja itu tidak disandarkan kepada pelakunya sendiri, malah kepada sebab berlaku kata kerja atau masa atau tempat. Contohnya, أَنْبَتَ الرَّبِيعُ الزَّرْعَ yang bermaksud “musim bunga itu menumbuhkan tumbuh-tumbuhan”. Sandaran (الإسناد) kata kerja “menumbuhkan” kepada “musim bunga” adalah sandaran majaz (الإسناد المجازي) kerana kita meyakini bahawa hakikat sebenar yang berkuasa menumbuhkan tumbuh-tumbuhan hanya Allah SAW. Musim bunga (الربيع) sekadar tempoh tumbuhnya tumbuh-tumbuhan tersebut. (Bakri: Sheikh Ami:n: 2006: 71).

Ia juga dinamakan dengan *majaz hukmiyy* (المجاز الحكمي) atau sandaran *majaz* (الإسناد المجازي). Ramai dalam kalangan sarjana membahaskan bahagian *majaz* ini dalam ilmu *ma‘ani*: dan bukan dalam ilmu *bayan*. (Bakri: Shaikh Ami:n jilid 2: 1982: 69). *Majaz ‘aqli* juga ialah *majaz* yang dapat difahami melalui akal atau pemikiran.

ii. *Majaz Lughawiyy* (المجاز اللغوي)

Majaz ini berlaku melalui pemindahan perkataan atau lafaz daripada makna *haqiqi* (tersurat) kepada makna-makna *majazi* (tersirat) kerana mempunyai kaitan (علاقة) yang disertai dengan *qari:nat* (قرينة) sama ada secara *lafziyyat* atau secara *ha:liyat*. Hubungan

antara makna *haqiqi* dan makna *majazi* itu kadang-kadang disebabkan adanya unsur perumpamaan dan kadang-kadang sebaliknya. Bahagian *majaz* ini yang menjadi fokus kajian ini sebagai topik yang terkandung dalam Kurikulum Pengajaran Bahasa Arab Peringkat Menengah. *Majaz lughawiyy* ialah *majaz* yang dapat difahami melalui perkataan atau lafaz yang digunakan.

2.1.13. Bentuk *Majaz Lughawiyy*

Majaz lughawiyy terbahagi kepada dua bentuk iaitu:

- i. *Majaz* pada bentuk perkataan (الْمَحَازُ الْمُفَرْدُ)

Iaitu perkataan atau lafaz yang digunakan bukan pada maksudnya yang asal (sebenar) dalam istilah pertuturan disebabkan adanya kaitan (علاقة) dan pertunjuk yang menghalang daripada maksudnya yang asal atau sebenar (قرينة). Contohnya penggunaan perkataan singa (الأسد) yang memberi maksud seseorang yang bersifat berani, penggunaan perkataan tangan yang memberi maksud memberi nikmat atau kesenangan. ('Abd al-Rahma:n Hanbakat al-Mayda:niyy 1996: 223)

- ii. *Majaz* pada bentuk frasa (الْمَحَازُ الْمُرْكَبُ)

Iaitu penggunaan ungkapan *majaz* yang terdapat dalam bentuk frasa (تركيب) bukannya dalam bentuk perkataan (lafaz) tertentu. Contohnya ungkapan مالي أراك تقدم (رجلًا وثغرًا آخر) iaitu “mengapa saya melihat awak menghulur (*melangkah*) sebelah kaki ke depan dan menarik sebelah lagi ke belakang” yang memberi maksud “keadaan awak seperti orang yang teragak-agak”. ('Abd al-Rahma:n Hanbakat al-Mayda:niyy 1996: 223).

2.1.14. Jenis *Majaz Lughawiyy*

Majaz Lughawiyy sama ada pada bentuk perkataan (المجاز المفرد) atau bentuk frasa (المجاز المركب) terbahagi pula kepada dua jenis iaitu:

i. *Majaz mursal*

ii. *Isti‘arah*

Huraian kedua-dua jenis majaz ini akan menyusul pada topik seterusnya yang menjadi fokus dalam kajian ini.

2.1.15. Penutup

Kesimpulan dari perbincangan di atas, ungkapan *haqiqah* dan *majaz* adalah satu topik yang memaparkan keunikan bahasa Arab. Kedua-dua ungkapan tersebut mempunyai hubungan yang kontra antara satu sama lain. Namun begitu, keutamaan dalam perbincangan ilmu balaghah adalah mengenai *majaz*. Ini kerana ungkapan atau gaya bahasa *majaz* merujuk kepada sesuatu lafaz yang digunakan dengan maksud yang tersirat iaitu bukan pada maksud yang asal (sebenar). Justeru itu, ia boleh menimbulkan pelbagai andaian, keraguan, tanda tanya, perbezaan dan persepsi dalam memahami lafaz tersebut mengenai pelbagai maksud yang diingini sama ada secara tersurat atau tersirat. Lebih-lebih lagi kedapatan unsur ini begitu meluas dalam al-Quran, Hadith dan kesusasteraan Arab.

Sementara itu, makna *haqiqah* pula merujuk sesuatu lafaz yang digunakan mengikut maksud yang asal, sebenar atau tersurat. Ia tidak menjadi tumpuan utama dalam ilmu *bayan* kerana tidak memaparkan unsur keunikan yang boleh menimbulkan sebarang keraguan, andaian dan persepsi tertentu ketika menggunakan dan memahami makna-makna yang dimaksudkan sama ada secara tersurat atau tersirat. Ketiadaan unsur-unsur tersebut dalam memahami maksud lafaz yang mengandungi makna *haqiqah* menjadikannya mudah difahami dan diterima. Namun begitu, pengertian *haqiqah*

penting diketahui kerana ia umpama jambatan untuk memahami *majaz* di mana *haqiqah* adalah asal bagi pengertian *majaz*.

2.2. Majaz Mursal (ابحاز المرسل) Dan *Isti'arah* (الاستعارة) Dalam Ilmu Balaghah

Kedua-dua topik ini adalah sub topik bahasan *majaz*. Dalam kajian ini perbincangannya berkisar perkara-perkara berikut:

2.2.1. Pengenalan

Majaz mursal dan *isti'arah* adalah sub topik *majaz* yang termasuk dalam bahagian *majaz lughawiyy*. Dalam Sukatan Pelajaran (SP) bahasa Arab peringkat menengah, ia berada dalam komponen balaghah tingkatan empat. Topik ini penting untuk dikuasai pelajar khususnya dalam menghadapi peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM). Berikut adalah huraian topik ini yang menjadi sebahagian medan kajian ini.

2.2.1.1. Definisi Majaz Mursal

Sebagaimana maklum, pengertian *majaz* (ابحاز) ialah penggunaan perkataan yang bukan menunjukkan maksudnya yang asal (sebenar) dalam pertuturan di samping terdapat kaitan (علاقة) antara maksud yang sebenar dengan bukan sebenar. Ia juga disertai dengan *qari:nat* (قرينة) iaitu sesuatu yang menjadi pertunjuk bahawa perkataan yang digunakan bukan menunjukkan maksudnya yang sebenar (Ahmad al-Ha:shimiyy: 1991: 290).

Lafaz *mursal* (المرسل) pula menurut Al-Khatib al-Qazwi:niyy: (739 H) ialah: “*Kaitan* (علاقة) *antara perkataan yang mempunyai maksud majazi (tersirat) dengan maksud haqiqi (tersurat) yang digunakan bukan berbentuk perumpamaan* (غير المشابهة)”. Contohnya perkataan “tangan”, bermaksud “nikmat” kerana kaitan tangan yang berfungsi sebagai penyebab bagi memperolehi sesuatu nikmat. Selain itu, tangan juga adalah pancaindera untuk menunjukkan atau mengisyaratkan sesuatu. Kita tidak menggunakan ungkapan “meluasnya tangan dalam negara” atau “meluasnya nikmat

dalam negara” kerana ia tidak memanifestasikan kaitan yang berfungsi sebagai penyebab sebagaimana ungkapan “tangannya yang mulia di sisi saya (memberi pertolongan)” atau “banyak tangannya terhadap saya (membantu)”. (Al-Khatib al-Qazwi:niyy: 1985: 277).

Majaz itu disifatkan sebagai *mursal* (مرسل) (علاقة) kerana kaitan yang bukan berunsur perumpamaan (غير المشابهة) antara maksud *haqiqi* dengan *majazi* terdapat dalam pelbagai bentuk (banyak). Menurut Ibn Subkiyy, para sarjana ilmu balaghah telah mengkategorikan kaitan (علاقة) dalam *majaz mursal* sehingga hampir empat puluh jenis (Bakri Sheikh Amin bahagian 2: 2006: 84).

Kesimpulannya, *majaz mursal* dalam ilmu balaghah ialah penggunaan sesuatu perkataan atau lafadz bukan mengikut maksudnya yang asal atau sebenar (*majaz*) kerana terdapatnya kaitan (علاقة) yang bukan berunsur perumpamaan (غير المشابهة) antara makna *haqiqi* dengan *majazi* dan disertai dengan *qari:nat* (قرينة) yang menghalang daripada penggunaan makna asal (sebenar) bagi perkataan tersebut.

2.2.1.2. **عِلَاقَاتُ الْمَحَاجَزِ الْمُرْسَلِ (Kaitan Majaz Mursal)**

Kaitan *majaz mursal* (عِلَاقَاتُ الْمَحَاجَزِ الْمُرْسَلِ) ialah jalinan hubungan antara makna *haqiqi* dengan *majazi* di mana penggunaan salah satu makna tersebut berada pada kedudukan yang berasingan. Di sini, penulis akan membincangkan lapan jenis kaitan *majaz mursal* bersetujuan dengan kandungan Sukatan Pelajaran Bahasa Arab peringkat menengah iaitu:

- i. Kaitan Sebab (السَّبَبِيَّة)
- ii. Kaitan Hasil (الْمُسَبِّبَيَّة)
- iii. Kaitan Sebahagian (الجُزُّيَّة)
- iv. Kaitan Keseluruhan (الكُلُّيَّة)
- v. Kaitan Mengambil kira Masa Lalu (اعتِبَارُ مَا كَانَ)

- vi. Kaitan Mengambil kira Masa Depan (اعتبار ما يكون)
 - vii. Kaitan Tempat (المحلية)
 - viii. Kaitan Keadaan (الحالية)
- i. **Kaitan Sebab (السببية)**

Iaitu menggunakan perkataan sebab yang memberi maksud musabbab (hasil).

Contoh dan huraiannya sebagaimana berikut:

a)

رَعَيْنَا الْغَيْثَ إِذَا حَلَّ مَوْسِمُ الْأَمْطَارِ

(*Kami memelihara hujan apabila tibanya musim hujan*)

Perkataan (الغيث) dengan maksud hujan dalam ayat di atas adalah *majaz* kerana perkataan tersebut digunakan bukan untuk menunjukkan maksudnya yang sebenar. Ini kerana terdapat (قرينة) iaitu (رعينا) bermaksud memelihara. Kerana itu, hujan bukan sesuatu yang ditanam atau dipelihara. Maksud sebenar yang dikehendaki di sini ialah (العشب) bermaksud rumput yang bersesuaian dengan sesuatu yang ditanam atau dipelihara. Jika kita perhatikan tentu kita dapat mengesan bahawa kaitan (علاقة) antara hujan dengan rumput bukan berbentuk perumpamaan (غير المشابهة) antara kedua-duanya. Tetapi hujan boleh dikaitkan sebagai sebab atau punca menumbuhkan rumput. Oleh itu, kaitannya dalam *majaz* seperti ini dinamakan sebagai (السببية).

b)

حَلَّتْ يَدُ فَلَانٍ عِنْدِي لَنْ أُنْسَاهَا مَا حَيَّيْتُ

(*Telah turun tangan orang itu ke sisiku di mana aku tidak akan melupakannya sepanjang hidupku*)

Penggunaan perkataan (يد) yang bermaksud tangan dalam ayat di atas adalah *majaz* kerana perkataan tersebut digunakan bukan untuk menunjukkan maksudnya yang sebenar. Ini kerana terdapat (قرينة) iaitu (حلت) yang bermaksud turun yang menghalang

dari maksudnya yang sebenar. Maksud sebenar yang dikehendaki di sini ialah (النعمة) iaitu kebaikan atau nikmat yang bersesuaian dengan sesuatu yang diturunkan atau dikurniakan. Jika kita perhatikan tentu kita dapat mengesan bahawa kaitan (علاقة) antara tangan dengan nikmat bukan perumpamaan (غير المشابهة) antara kedua-duanya. Tetapi tangan boleh dikaitkan sebagai sebab atau punca turunnya nikmat atau kebaikan. Oleh itu, kaitan dalam *majaz* seperti ini dinamakan sebagai (السببية).

ii. Kaitan Hasil (المسبيّة)

Iaitu menggunakan perkataan musabbab (hasil) yang memberi maksud sebab. Contoh dan huraihan sebagaimana berikut:

- a) Firman Allah Taala:

وَيُنَزِّلُ لَكُم مِّنَ السَّمَاءِ رِزْقًا ﴿١٣﴾
غافر: ١٣

(Dan Dialah Tuhan yang menurunkan (untuk jasmani kamu)

sebab-sebab rezeki dari langit)

(Abdullah Basmeih: 2001:1244)

Padanan dengan keunikan *majaz mursal*, penulis berpandangan terjemahan ayat ini ialah: “Dan Dialah Tuhan (Allah) yang menurunkan rezeki dari langit”. Penggunaan perkataan (رزق) yang bermaksud rezeki dalam ayat di atas adalah *majaz* kerana perkataan tersebut digunakan bukan menunjukkan maksudnya yang sebenar. Ini kerana terdapat (قرينة) iaitu (يتزل) yang bermaksud Dialah (Allah) yang menurunkan rezeki di mana rezeki tidak akan turun secara langsung dari langit. Maksud sebenar yang dikehendaki di sini air atau hujan yang bersesuaian dengan sesuatu yang turun di mana ia menyuburkan tumbuh-tumbuhan dan selepas itulah rezeki seperti makanan muncul. Jika kita perhatikan, tentu kita dapat mengesan bahawa kaitan (علاقة) antara rezeki dengan hujan bukan berbentuk perumpamaan (غير المشابهة) antara kedua-duanya. Tetapi

rezeki boleh dikaitkan sebagai musabbab atau hasil selepas turunnya hujan tersebut.

Oleh itu, kaitan *majaz* seperti ini dinamakan sebagai (المسبيّة).

b) Firman Allah Taala:

﴿إِنَّ الَّذِينَ يَأْكُلُونَ أَمْوَالَ أَيْتَمَنَى ظُلْمًا إِنَّمَا يَأْكُلُونَ فِي بُطُونِهِمْ نَارًا﴾ النساء: 10

(Sesungguhnya orang-orang yang memakan harta anak-anak yatim secara zalim, sebenarnya mereka itu hanyalah menelan *api* ke dalam perut mereka).

(Abdullah Basmeih: 2001:181)

Penggunaan perkataan (نار) yang bermaksud api (neraka) dalam ayat di atas adalah *majaz* kerana perkataan tersebut digunakan bukan menunjukkan maksudnya yang sebenar. Ini kerana terdapat (يأكلون) iaitu bermaksud memakan di mana yang menjadi makanan manusia ialah makanan bukannya api. Maksud sebenar yang dikehendaki di sini orang-orang yang memakan harta anak yatim secara zalim hakikatnya mereka memakan makanan yang haram yang menyebabkan mereka menerima azab api (neraka) di akhirat. Azab dunia berbentuk penyiksaan hati dan perasaan, namun azab akhirat yang amat pedih dari Allah SWT. Jika kita perhatikan tentu kita dapat mengesan bahawa kaitan (علاقة) antara api (neraka) dengan memakan harta anak-anak yatim secara zalim bukan berbentuk perumpamaan (غير المشابهة) antara kedua-duanya. Tetapi api (neraka) itu boleh dikaitkan sebagai musabbab atau hasil selepas perbuatan memakan harta anak-anak yatim tersebut secara zalim dan mengkhianati hak-hak mereka yang diharamkan oleh Allah SWT. Oleh itu kaitan *majaz* seperti ini dinamakan sebagai (المسبيّة).

iii. Kaitan Sebahagian (الجزئية)

Iaitu menggunakan ungkapan sebahagian yang memberi maksud keseluruhan.

Contoh danuraian sebagaimana berikut:

a) Nabi SAW bersabda:

(مَنْ قَامَ رَمَضَانَ إِيمَانًا وَاحْتِسَابًا غُفرَ لَهُ مَا تَقدَّمَ مِنْ ذَنبِهِ)

(*Sesiapa yang berdiri melakukan Ramadan dengan penuh keimanan dan keikhlasan (mengharapkan pahala dari Allah SWT) nescaya*

diampukan baginya dosa yang telah lalu)

(Diriwayatkan oleh Imam Muslim juzuk 5-6: 1995: 35)

Penggunaan perkataan (قام) yang bermaksud perbuatan berdiri dalam Hadith di atas adalah *majaz* kerana perkataan tersebut digunakan bukan menunjukkan maksudnya yang sebenar. Yang menjadi (قرينة) di sini ialah (رمضان) bermaksud bulan Ramadan. Ini kerana beribadah padanya tidak berkaitan dengan perbuatan berdiri. Maksud sebenar yang dikehendaki di sini ialah (صلی) bermaksud solat terawih pada bulan Ramadan yang sinonim dengan perbuatan berdiri sebagai salah satu rukun dalam solah. Jika kita perhatikan tentu kita dapat mengesan bahawa kaitan (علاقة) antara perbuatan berdiri dengan bulan Ramadan bukan berbentuk perumpamaan (غير المشاكحة) antara kedua-duanya. Tetapi berdiri boleh dikaitkan sebagai sebahagian daripada perbuatan solat yang dilakukan pada bulan Ramadan. Oleh yang demikian, kaitannya dalam *majaz* seperti ini dikenali sebagai (الجزئية).

b)

(كم بعثنا الجيشَ جرًّا # رَا وَأَرْسَلْنَا العيونَ)

(*Berkali-kali kami telah menghantar bala tentera yang besar dan telah mengutuskan begitu ramai mata-mata (pengintip))*

Penggunaan perkataan (العيون) yang bermaksud mata-mata (anggota pancaindera) dalam puisi di atas adalah *majaz* kerana perkataan tersebut digunakan bukan menunjukkan maksudnya yang sebenar. Ini kerana terdapat (أرسلنا) iaitu yang bermaksud kami telah mengutuskan. Kerana itu, mata sebagai satu bahagian anggota

pada tubuh manusia bukanlah sesuatu yang boleh dipisahkan untuk diutuskan. Maksud yang dikehendaki di sini, mata-mata itu sebagai (الجواسيس) iaitu pengintip-pengintip. Jika kita perhatikan tentu kita dapati kaitan (علاقة) antara mata-mata dengan pengintip-pengintip bukan berbentuk perumpamaan (غير المشابهة) antara kedua-duanya. Tetapi perkaitan antara mata-mata dengan pengintip-pengintip menunjukkan bahawa mata adalah salah satu pancaindera yang penting mewakili keseluruhan anggota badan manusia. Di samping itu mata juga memainkan peranan penting dalam sesuatu operasi pengintipan. Justeru itu, hubungan dalam *majaz* seperti ini dinamakan sebagai (الجزئية).

Penggunaan *majaz* seperti ini dalam bahasa Melayu seperti ungkapan “jumpa mata” atau simpulan bahasa “sejuk mata memandang” bermaksud seseorang yang merangkumi keseluruhan anggota, “menonton bola” (Bermaksud menonton satu perlawanan bola yang merangkumi pemain, pengadil dan sebagainya) dan lain-lain.

iv. Kaitan Keseluruhan (الكلية)

Iaitu menggunakan ungkapan keseluruhan yang memberi maksud sebahagian. Contoh dan huraiannya sebagaimana berikut:

- a) Firman Allah Taala:

﴿وَإِنِّي كُلَّمَا دَعَوْتُهُمْ لِتَغْفِرَ لَهُمْ جَعَلُوا أَصْبَعَهُمْ فِي مَآذَانِهِمْ وَأَسْتَغْشَوْا شَابِهِمْ﴾

﴿وَأَصْرُوْا وَأَسْتَكْبِرُوا أَسْتَكْبَارًا﴾ نوح : ٧

(*Dan sesungguhnya aku, tiap-tiap kali menyeru mereka (beriman) supaya engkau mengampunkan dosa-dosa mereka, mereka menyumbatkan telinganya dengan jari masing-masing, dan berselubung dengan pakaianya, serta berdegil dengan keingkarannya, dan berlaku sompong takbur dengan melampau-lampau*)

(Abdullah Basmeih: 2001: 1571)

Jika diperhatikan kepada ayat di atas, penggunaan perkataan **(أصحاب)** dalam bentuk kata jamak bermaksud jari-jari. Ia adalah *majaz* kerana digunakan bukan menunjukkan maksudnya yang sebenar. Halangan **(قرينة)** dari maksud yang sebenar ialah mustahil memasukkan semua jari ke dalam telinga secara serentak. Maksud sebenar yang dikehendaki adalah memasukkan hujung jari sahaja (sebahagian) ke dalam telinga. Rahsia penggunaan *majaz* di sini kerana Allah ingin menggambarkan betapa kejinya kaum itu (kaum Nabi Nuḥ AS) yang tidak menggunakan pancaindera pendengaran yang dianugerahkan dengan sebaik mungkin sebagai kemuncak berpaling mereka dari kebenaran. Oleh yang demikian, kaitan **(علاقة)** dalam *majaz* seperti ini dikenali sebagai **(الكلية)**.

b)

(شرب المصريون ماء النيل)

(Orang-orang mesir meminum air sungai Nil)

Jika diperhatikan ayat di atas, penggunaan perkataan **(ماء النيل)** yang bermaksud air sungai Nil dalam bentuk *majaz* kerana digunakan bukan untuk menunjukkan maksudnya yang sebenar. Halangan **(قرينة)** dari maksud yang sebenar ialah sesuatu yang mustahil meminum keseluruhan air sungai Nil. Maksud sebenar yang dikehendaki adalah meminum sebahagian tertentu sahaja daripada air sungai tersebut yang dijadikan minuman. Oleh yang demikian, hubungan **(علاقة)** dalam *majaz* seperti ini dikenali sebagai **(الكلية)**.

Penggunaan *majaz* seperti ini sering kita dengar dalam kalangan orang Melayu seperti ungkapan “dia sedang membaca al-Quran” (Bermaksud membaca sebahagian ayat al-Quran), “Ahmad sedang menulis buku” (Bermaksud menulis sebahagian buku), “Saya tinggal di Kelantan” (Bermaksud tinggal di bahagian tertentu) dan sebagainya.

v. Kaitan Mengambil kira Masa Lalu (اعتبار ما كان)

Iaitu menggunakan ungkapan sebagai mengambil kira sesuatu yang telah berlaku.

Contoh dan huraian sebagaimana berikut:

a) Firman Allah Taala:

وَأَطْهُرُوا الْيَتَامَىٰ مِمَّا فِي حُصُنِّهِمْ وَلَا تَبَدَّلُوا أَخْيَثَ بِالظَّيْبِ ﴿٢﴾
النساء : ٢

*(Dan berikanlah kepada anak-anak yatim (yang telah bali:gh) itu harta mereka,
dan janganlah kamu tukar-gantikan yang baik dengan yang buruk)*

(Abdullah Basmeih: 2001: 178)

Pada ayat di atas, penggunaan perkataan (**اليتامي**) yang bermaksud anak-anak yatim iaitu mereka yang kematian kedua ibu bapa sebelum sampai tahap mampu menguruskan sesuatu (*bali:gh*). Ia adalah *majaz* kerana bukan digunakan untuk menunjukkan maksudnya yang sebenar kerana terdapat pertunjuk yang menghalang maksud sebenar (**قرينة**) iaitu perintah menyerahkan harta kepada anak-anak yatim tersebut untuk diuruskan oleh mereka. Persoalannya, adakah anak-anak yatim yang masih kecil mampu menguruskan harta? Tentunya tidak. Maksud sebenar yang dikehendaki di sini adalah penyerahan harta anak-anak yatim itu hendaklah dilakukan setelah mereka melepassi usia yatim iaitu baligh dan mampu menguruskan harta tersebut. Penggunaan perkataan (**يتامي**) di sini sebagai mengambil kira bahawa mereka adalah anak-anak yatim sebelum itu bagi menunjukkan dua tujuan utama iaitu:

- i. Isyarat supaya segera menyerahkan harta kepada mereka sebaik sahaja melepassi gelaran anak yatim seolah-olah mereka masih yatim sewaktu penyerahan harta tersebut. Perintah ini jelas dalam firman Allah SWT dalam surah al-Nisa:’ ayat keenam yang bermaksud : “Kemudian jika kamu nampak dari keadaan mereka (tanda-tanda yang menunjukkan bahawa mereka) telah cerdik dan berkebolehan menjaga hartanya, maka serahkanlah kepada mereka hartanya”. (Abdullah Basmeih: 2001: 180)

ii. Peringatan tentang keadaan anak-anak yatim tersebut yang tidak mendapat beliaian kasih sayang kedua ibubapa di mana tidak harus bagi seseorang mukmin (pengurus harta tersebut) bersifat tamak terhadap harta anak-anak yatim yang diuruskannya.

Selain itu, penggunaan *majaz mursal* ini mempamerkan seni ringkasan (الإيجاز) melalui dua arah:

- a. Lafaz (يتامى) digunakan untuk anak-anak yatim lelaki dan perempuan.
- b. Mengelakkan ungkapan yang panjang seperti : (وَآتُوا الَّذِينَ كَانُوا يَتَامَى فَبَلَغُوا رُشْدَهُمْ أَمْوَالَهُمْ).

Oleh yang demikian, kaitan (علاقة) dalam *majaz* seperti ini dikenali sebagai (اعتبار) iaitu menggunakan ungkapan sebagai mengambil kira sesuatu yang telah berlaku.

b)

(يَلْبِسُ الْمَصْرِيُونَ الْقُطْنَ الَّذِي تُنْتَجُهُ بِلَادُهُمْ)

(Orang-orang mesir memakai kapas yang dihasilkan oleh negara mereka)

Pada ungkapan di atas, penggunaan perkataan (القطن) yang bermaksud kapas adalah *majaz* kerana ia digunakan bukan menunjukkan maksudnya yang sebenar. Ini kerana terdapat pertunjuk yang menghalang maksud sebenar (قرينة) iaitu (يلبس) bermaksud memakai. Adalah tidak logik untuk memakai kapas kerana ia adalah sejenis tanaman. Maksud sebenar yang dikehendaki di sini memakai pakaian yang dahulunya berasal daripada kapas. Jika kita perhatikan tentu kita dapat mengesan bahawa kaitan (غير المشابهة) antara kapas dengan pakaian bukan berbentuk perumpamaan. Perkaitan kedua-duanya hanya pada menceritakan asal sesuatu perkara yang mana pakaian itu berasal dari kapas. Oleh yang demikian, kaitan (علاقة) dalam *majaz* seperti

ini dikenali sebagai (اعتبار ما كان) iaitu menggunakan ungkapan sebagai mengambil kira sesuatu yang telah berlaku.

Orang Melayu sering menggunakan ungkapan “minum teh”, “minum kopi” (bermaksud minuman yang berasal dari teh atau kopi) sebagai mengambil kira sesuatu yang telah berlaku.

vi. Kaitan Mengambil kira Masa Depan (اعتبار ما يكون)

Iaitu menggunakan ungkapan sebagai mengambil kira sesuatu yang akan berlaku.

Contoh dan huraiyan sebagaimana berikut:

a) Firman Allah Taala:

﴿وَقَالَ نُوحٌ رَبِّ لَا تَذَرْ عَلَى الْأَرْضِ مِنَ الْكَفَرِينَ دَيَارًا إِنَّكَ إِنْ تَذَرْهُمْ يُضْلُلُوا عِبَادَكَ وَلَا يَلِدُوا إِلَّا فَاجِرًا كَفَارًا﴾ نوح: ٢٦-٢٧

(Dan Nabi Nuh (merayu lagi dengan) berkata: “Wahai Tuhanmu! Janganlah engkau biarkan seorangpun dari orang-orang kafir itu hidup di atas muka bumi!. Kerana sesungguhnya jika Engkau biarkan mereka (hidup), nescaya mereka akan menyesatkan hamba-hambaMu, dan mereka tidak akan melahirkan anak melainkan yang berbuat dosa lagi kufur ingkar)

(Abdullah Basmeih: 2001: 1574)

Jika diperhatikan kepada ayat di atas, penggunaan perkataan (فاجر) yang bermaksud anak yang melakukan dosa dan (كفار) yang bermaksud anak yang kufur adalah *majaz* kerana ia bukan digunakan untuk menunjukkan maksudnya yang sebenar. Ini kerana terdapat (قرينة) iaitu bagaimana bayi yang baru dilahirkan mampu melakukan maksiat dan kekufuran. Ini sesuatu yang mustahil bahkan setiap bayi itu dilahirkan mengikut fitrah iaitu suci bersih sama ada ibu bapa mereka mukmin atau kafir. Maksud sebenar yang dikehendaki dari ungkapan tersebut sebagai takwilan terhadap mereka yang mungkin akan melakukan demikian setelah dewasa kelak. Di sini, ungkapan yang

diucapkan adalah anak yang melakukan maksiat dan kekufuran, namun yang dimaksudkan adalah orang dewasa yang melakukan perbuatan tersebut. Oleh yang demikian, kaitan (علاقة) dalam *majaz* seperti ini dikenali sebagai (اعتبار ما يكون) iaitu menggunakan ungkapan sebagai mengambil kira sesuatu yang akan berlaku.

b) Firman Allah Taala:

وَدَخَلَ مَعَهُ الْسِّجْنَ فَتَيَانٌ قَالَ أَحَدُهُمَا إِنِّي أَرَنِي أَعْصِرُ حَمْرًا ﴿٣٦﴾ يُوسُفُ :

(*Dan masuklah bersama-sama ke penjara dua orang khadam raja. Salah seorang di antaranya (bertanya kepada Yusuf dengan) berkata: “Sesungguhnya aku bermimpi melihat diriku memerah anggur (arak)”*).

(Abdullah Basmeih: 2001: 550)

Padanan dengan keunikan *majaz mursal*, penulis berpandangan terjemahan ayat ini ialah: “Sesungguhnya aku bermimpi melihat diriku memerah arak”. Jika diperhatikan kepada ayat di atas, penggunaan perkataan (حمراء) yang bermaksud arak adalah *majaz* kerana ia bukan digunakan untuk menunjukkan maksudnya yang sebenar. Ini kerana terdapat (قرينة) iaitu perkataan (أعصر) yang bermaksud diriku memerah. Memerah arak suatu yang tidak mungkin berlaku kerana arak merupakan sejenis minuman yang terhasil selepas proses pemerasan dilakukan. Maksud sebenarnya dari ayat tersebut memerah buah anggur sebagai takwilan bahawa natijah perahan itu akhirnya akan berubah menjadi arak. Allah SWT menggunakan lafaz arak pada ayat ini untuk menggambarkan betapa kejinya dosa orang yang terlibat dalam pemprosesan arak seolah-olah ia bukan memerah anggur tetapi hakikatnya memerah arak. Justeru di sini, ungkapan yang diucapkan adalah memerah arak, namun yang dimaksudkan adalah memerah buah anggur yang akhirnya untuk dijadikan arak. Oleh yang demikian, kaitan (علاقة) dalam *majaz* seperti ini dikenali sebagai (اعتبار ما يكون) iaitu menggunakan ungkapan sebagai mengambil kira sesuatu yang akan berlaku.

Majaz seperti ini amat banyak digunakan dan popular dalam kalangan orang Melayu seperti penggunaan ungkapan:

- a. Memerah santan (iaitu memerah kelapa yang akan menghasilkan santan)
- b. Menggunting baju (iaitu menggunting kain yang akan dijadikan baju)
- c. Menjahit seluar (iaitu menjahit kain yang akan dijadikan seluar)
- d. Memasak nasi (iaitu memasak beras yang akan menghasilkan nasi)
- e. Menggali perigi (iaitu menggali tanah yang akan dijadikan perigi)

(Siti Saudah Hj.Hassan: 1999: 48)

vii. Kaitan Tempat (الْمَحْلِيَّة)

Iaitu menggunakan ungkapan tempat yang membawa maksud keadaan sesuatu.

Contoh dan huraihan sebagaimana berikut:

- a) Firman Allah Taala:

﴿وَسَأَلَ الْقَرِبَةَ أَلَّى كُنَّا فِيهَا وَالْعِيرَ الَّتِي أَقْبَلَنَا فِيهَا وَإِنَّا لَصَنَدِّقُونَ﴾ يوسف: ٨٢

(“Dan bertanyalah kepada (penduduk) negeri (Mesir) tempat kami tinggal (berdagang) dan kepada (orang-orang) kafilah yang kami balik besertanya. Sesungguhnya kami adalah orang-orang yang benar”)

(Abdullah Basmeih: 2001:1574)

Jika kita perhatikan ayat di atas, penggunaan perkataan (قرية) yang bermaksud negeri (Mesir) dan (غير) bermaksud unta (kafilah) adalah *majaz* kerana ia bukan digunakan untuk menunjukkan maksudnya yang sebenar. Ini kerana terdapat pertunjuk yang menghalang maksud sebenar iaitu perkataan (قرينة) (واَسْنَلْ) yang bermaksud “dan bertanyalah”. Sesuatu yang tidak logik untuk bertanya kepada negeri (Mesir) dan unta (kafilah) kerana kedua-duanya bukan manusia yang boleh bercakap. Maksud sebenar yang dikehendaki di sini penduduk-penduduk negeri (Mesir) dan orang-orang dalam kafilah tersebut. Allah SWT menggunakan ungkapan ini untuk menggambarkan kesungguhan saudara-saudara Nabi Yusuf AS untuk meyakinkan bapa mereka Nabi

Ya‘ku:b AS bahawa saudara mereka Buniamin telah ditahan di Mesir atas dakwaan mencuri. Jika bapa mereka meragui perkataan mereka, maka dia boleh bertanya benda yang tidak bernyawa iaitu negeri Mesir dan binatang yang tidak boleh bercakap seperti unta sekalipun, nescaya ia akan bercakap mengemukakan jawapan (Kisah Nabi Yusuf AS dipetik dari terjemahan Tafsir Fi Zilalil Quran: 276: 2000). Justeru itu, ungkapan yang diucapkan adalah bertanyakan tempat dan binatang, namun yang dimaksudkan keadaan orang yang berada di situ . Oleh yang demikian, hubungan (علاقة) dalam *majaz* seperti ini dikenali sebagai (الخلية) iaitu menggunakan ungkapan tempat yang membawa maksud keadaan sesuatu.

b) Ungkapan Ibn Zayyat dalam meratapi isterinya:

(ألا مِنْ رَأَى الْطُّفُلَ الْمُفَارِقَ أَمْهَلَ عَيْنَاهُ تَنْسِكِيَانِ) # بَعْدَ الْكَرَى عَيْنَاهُ تَنْسِكِيَانِ

(Ingatlah wahai orang yang melihat anak kecil yang berpisah dari ibunya, ia jauh dari tidur dan kedua matanya bercucuran (air matanya))

Jika diperhatikan kepada ayat di atas, penggunaan perkataan (عياناه) yang bermaksud “dua matanya” iaitu dua mata anak yang terpisah dari ibunya. Ia adalah *majaz* kerana bukan digunakan bagi menunjukkan maksudnya yang sebenar. Ini kerana terdapat (قريبة) iaitu perkataan (تنسكيان) yang bermaksud bercucuran di mana ia tidak sinonim dengan mata. Maksud sebenar yang dikehendaki air mata yang terhasil apabila anak itu menangis. Di sini, ungkapan yang digunakan adalah tempat (mata), namun yang dimaksudkan keadaan orang yang menangis yang mengalirkan air mata. Oleh yang demikian, hubungan (علاقة) dalam *majaz* seperti ini dikenali sebagai (الخلية) iaitu menggunakan ungkapan tempat yang membawa maksud keadaan sesuatu.

Majaz ini sering sekali digunakan dalam kalangan orang Melayu seperti ungkapan:

a. Tanyalah rumah sebelah (Bermaksud tanyalah orang di rumah sebelah).

- b. Orang musafir melalui laut atau udara (Bermaksud menaiki kapal melalui laut dan kapal terbang melalui udara) .

(Siti Saudah Hj.Hassan: 1999: 48)

Begitu juga pada ungkapan “sila hubungi bank”, “panggil ambulan”, “telefon pejabat” dan sebagainya.

viii. Kaitan Keadaan (الحالية)

Iaitu menggunakan ungkapan keadaan sesuatu yang membawa maksud tempat.

Contoh dan huraian sebagaimana berikut:

- a) Firman Allah Taala:

وَمَا الَّذِينَ أَيَضَّتُ وُجُوهُهُمْ فَفِي رَحْمَةِ اللَّهِ هُمْ فِيهَا خَلِدُونَ ﴿١٠٧﴾ آل عمران: ١٠٧

(Adapun orang-orang yang telah putih berseri mukanya, maka mereka berada dalam limpah rahmat Allah (syurga), mereka kekal di dalamnya)

(Abdullah Basmeih: 2001: 147)

Jika diperhatikan kepada ayat di atas, penggunaan perkataan (رَحْمَة) yang bermaksud “rahmat” adalah *majaz*. Ini kerana terdapat pertunjuk (قرينة) yang menghalang daripada maksudnya yang sebenar di mana perkataan rahmat (رَحْمَة) tidak sinonim dengan lokasi atau tempat yang boleh dihuni oleh manusia. Bagaimana manusia boleh mendiami dalam rahmat!. Justeru maksud sebenar yang dikehendaki di sini ialah suatu tempat yang dirahmati iaitu syurga dan manusia berada di situ sebagai penghuninya. Oleh yang demikian, perkaitan (علاقة) *majaz* seperti ini dikenali sebagai (الحالية) iaitu menggunakan ungkapan yang menunjukkan keadaan sesuatu yang membawa maksud tempat.

- b) Ungkapan al-Mutanabbi: dalam menggambarkan tentera Saif ad-Daulat:

وَالْأَعْوَجِيَّةُ مِلْءُ الْطُّرُقِ خَلْفَهُمْ # وَالْمَشْرِفَيَّةُ مِلْءُ الْيَوْمِ فَوْفَهُمْ

(Kuda-kuda yang gagah di belakang mereka sepenuh jalan, dan pedang-pedangnya di atas mereka sepenuh hari)

Jika diperhatikan kepada bait di atas, penggunaan perkataan (ملء الْيَوْمِ) yang bermaksud dalam sepenuh hari adalah *majaz* kerana digunakan bukan bagi menunjukkan maksudnya yang sebenar. Maksud sebenar yang dikehendaki di sini ialah kedudukan tentera berkuda yang ramai memenuhi jalan dan keadaan pedang-pedang begitu banyak memenuhi setiap penjuru angkasa raya meliputi waktu siang dan malam yang dimiliki oleh Saif al-Daulat. Justeru di sini, ungkapan yang digunakan adalah menggambarkan keadaan (suasana) pedang-pedang yang memenuhi setiap penjuru angkasa raya, namun yang dimaksudkan kedudukan (tempat) pedang-pedang tersebut. Oleh yang demikian, hubungan (علاقة) dalam *majaz* seperti ini dikenali sebagai (الحالية) iaitu menggunakan ungkapan keadaan sesuatu yang membawa maksud tempat.

2.2.1.3. Contoh Majaz Mursal

Di sini penulis kemukakan contoh-contoh *majaz mursal* yang pelbagai melalui beberapa kitab balaghah yang menjadi rujukan penulis. Contoh-contoh tersebut merangkumi lapan kaitan yang telah dibincangkan iaitu:

i. Kaitan Sebab (السببية)

BIL	CONTOH	KETERANGAN RINGKAS
1	<p>﴿ وَجَزَّا وَسَيْتَةً سَيْتَةً مِنْهَا فَمَنْ عَكَسَ وَاصْلَحَ فَأَمْوَالُهُ عَلَى اللَّهِ الْشَّوْرِيٍّ :٤٠﴾</p> <p>Dan (jika kamu hendak membalaaskan maka) balasan sesuatu kejahatan ialah kejahatan yang bersamaan dengannya; dalam pada itu sesiapa yang memaafkan (kejahatan orang) dan berbuat baik (kepadanya), maka pahalanya tetap dijamin oleh Allah (dengan diberi balasan sebaik-baiknya).</p> <p>(Abdullah Basmeih: 2001: 1294)</p>	Balasan perbuatan jahat adalah penyebab kepada balasan kejahatan (buruk) yang setimpal disebabkan oleh kejahatan yang dilakukan sebelumnya.
2	<p>﴿ وَنَبْلُونَكُمْ حَتَّى تَأْمَرَ الْمُجَاهِدِينَ مِنْكُمْ وَالصَّابِرِينَ وَتَبْلُو أَخْبَارَكُمْ ﴾ محمد: ٣١</p> <p>Dan demi sesungguhnya! Kami tetap menguji kamu (wahai orang-orang yang mengaku beriman) sehingga ternyata pengetahuan Kami tentang adanya orang-orang yang berjuang dari kalangan kamu dan orang-orang yang sabar (dalam menjalankan perintah Kami); dan (sehingga) Kami dapat mengesahkan (benar atau tidaknya) berita-berita tentang keadaan kamu.</p> <p>(Abdullah Basmeih: 2001:1364)</p>	Ujian yang Allah turunkan adalah penyebab untuk diketahui siapa orang-orang yang sebenarnya berjuang dan orang-orang yang sabar dalam menjalankan perintah Allah SWT.
3	<p>﴿ فَمَنْ أَعْنَدَى عَلَيْكُمْ فَأَعْنَدُوا عَلَيْهِ بِمِثْلِ مَا أَعْنَدَى عَلَيْكُمْ ﴾ البقرة: ١٩٤</p> <p>Oleh itu sesiapa yang melakukan pencerobohan terhadap kamu maka balaslah pencerobohan itu seimbang dengan pencerobohan yang dilakukannya kepada kamu.</p> <p>(Abdullah Basmeih: 2001: 73)</p>	Pencerobohan yang dilakukan adalah penyebab kepada balasan yang dikenakan terhadap pencerobohan itu.
4	<p>Dikaitkan kepada As-Samu':al:</p> <p>تَسِيلُ عَلَى حَدِ السُّيُوفِ نَفُوسُنَا # وَلَيْسَ عَلَى غَيْرِ السُّيُوفِ تَسِيلُ</p> <p>Jiwa kami mengalir di atas mata pedang, dan tidak mengalir pada selain pedang</p>	Jiwa bermaksud darah kerana ia bersifat mengalir. Kewujudan jiwa dalam tubuh sebagai penyebab kewujudan darah

5	<p>وَمَا مِنْ يَدٍ إِلَّا يَدُ اللَّهِ فَوْقَهَا # وَلَا ظَاهِرٌ إِلَّا سَيِّئَالِي بِظَاهِرٍ</p> <p><i>Tidak ada satu tangan pun kecuali tangan Allah berada di atasnya, dan tidak ada seorang zalim pun kecuali akan dicuba oleh orang yang lebih zalim.</i></p>	Tangan digunakan sebanyak dua kali untuk menunjukkan kekuatan atau kemampuan. Tangan adalah penyebab untuk melakukan demikian
6	<p>Dikaitkan kepada <i>al-Mutanabbi</i>::</p> <p>رَأَيْتُكَ مَحْضَ الْحَلْمِ فِي مَحْضِ قُدْرَةٍ # وَلَوْ شِئْتَ كَانَ الْحَلْمُ مِنْكَ الْمُهَنَّدَا</p> <p>Aku melihatmu murni kesabarannya dalam kekuasaan yang murni, dan seandainya kamu menghendaki perang , maka kesabaranku akan menjadi pedang yang tajam (perang)</p>	Pedang yang tajam bermaksud peperangan di mana pedang adalah alat dan penyebab berlaku peperangan.
7	<p>فَصُنِعَ السُّوْطُ وَارْفَعِ السَّيْفَ حَتَّى # لَا تَرَى فَوْقَ ظَهُورِهَا أَمْوَالًا</p> <p><i>Maka letakkan cemetimu dan angkatlah pedangmu sehingga, tidak terlihat lagi olehmu seorang pun dari Bani Umayyah</i></p>	Cemeti dan pedang bermaksud hukuman kerana ia penyebab hilangnya puak Bani Umayyah.
8	<p>تَفَرَّقَتْ كَلْمَةُ الْقَوْمِ</p> <p><i>Berbeza-beza perkataan (pendapat) kaum itu</i></p>	Perkataan kaum (كلمةُ القوم) bermaksud pendapat kerana lahirnya sesuatu pendapat daripada gabungan perkataan yang menjadi penyebab zahirnya perbezaan pendapat tersebut.
9	<p>مَا أَحْسَنَ قَلْمَنْكَ!</p> <p><i>Alangkah eloknya pen kamu!</i></p>	Pen bermaksud tulisan kerana ia penyebab kepada keelokan tulisan.
10	<p>حَمَّى فَلَانٌ غَمَامَةً وَادِيهِ (أَيْ عُشْبَيْهُ)</p> <p><i>Si polan melindungi mendung lembahnya (iaitu rumputnya)</i></p>	Awan yang membawa hujan penyebab tumbuhnya rumput.
11	<p>عَظُمَتْ يَدُكَ عِنْدِي</p> <p><i>Agungnya tanganmu padaku</i></p>	Tangan menunjukkan kekuasaan dan kemampuan yang menjadi penyebab untuk melakukan sesuatu

ii. Kaitan Hasil (المسببية)

BIL	CONTOH	KETERANGAN RINGKAS
1	<p style="text-align: center;">﴿ وَأَنْزَلَ لَكُم مِّنَ الْأَنْعَمِ ثَمَنَيْةً أَرْوَحَ﴾ الزمر: ٦</p> <p>Dan Ia mengadakan untuk kamu binatang-binatang ternak dengan lapan ekor: empat pasangan (jantan dan betina). (Abdullah Basmeih: 2001: 1220)</p>	Ayat tersebut menggunakan perkataan “binatang ternakan” sebagai musabbab (natijah) kepada penyebab iaitu hujan yang menumbuhkan tumbuh-tumbuhan. Dengan itu dapat diternak binatang ternakan.
2	<p style="text-align: center;">﴿ إِذَا قَرَأَتِ الْقُرْآنَ فَاسْتَعِدْ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَنِ الرَّجِيمِ﴾ النحل: ٩٨</p> <p>Oleh itu, apabila engkau membaca al-Quran, maka hendaklah engkau (terlebih dahulu) memohon perlindungan kepada Allah dari hasutan Syaitan yang kena rejam. (Abdullah Basmeih: 2001: 659)</p>	Ayat tersebut menggunakan perkataan (فَاسْتَعِدْ) iaitu “hendaklah memohon perlindungan” sebagai musabbab (natijah) kepada penyebab iaitu kehendak, keinginan atau keazaman. Menurut sunnah apabila hendak membaca al-Quran dimulakan dengan <u>isti ‘a:dhat</u> .
3	<p style="text-align: center;">﴿ وَنَادَى نُوحٌ رَبَّهُ فَقَالَ رَبِّ إِنَّ أَنِي مِنْ أَهْلِ هُودٍ﴾ هود: ٤٥</p> <p>Dan Nabi Nuh merayu kepada Tuhananya dengan berkata: “Wahai tuhanku! Sesungguhnya anakku itu dari keluargaku sendiri. (Abdullah Basmeih: 2001: 516)</p>	Ayat tersebut menggunakan partikel "فَاء" pada (فَقَالَ) bagi menyatakan hubungan antara kehendak dengan perbuatan merayu. Ayat itu menyebut perbuatan merayu sebagai musabbab (natijah) kepada keinginan atau keazaman.
4	<p style="text-align: center;">﴿ مَا أَمْنَثْتُ قَبْلَهُم مِنْ قَرِيبَةٍ أَهْلَكْنَاهَا أَفَهُمْ يَقْوِمُونَ﴾ الأنبياء: ٦</p> <p>Tidak ada penduduk sesebuah negeri pun yang Kami binasakan sebelum mereka, yang telah beriman kepada mu’jizat yang diberi kepadanya; maka benarkah mereka yang meminta mu’jizat itu mahu beriman? (Abdullah Basmeih: 2001: 807)</p>	Ayat tersebut menggunakan lafaz (أَهْلَكْنَاهَا) iaitu “Kami binasakan” sebagai musabbab (natijah) kepada sebab iaitu keinginan atau kehendak melakukan sesuatu.
5	<p style="text-align: center;">﴿ يَبْرِحُ إِدَمَ قَدْ أَنْزَلْنَا عَلَيْكُمْ لِيَسَا يُورَى سَوْءَاتِكُمْ﴾ الأعراف: ٢٦</p> <p>Wahai anak-anak Adam! Sesungguhnya Kami telah menurunkan kepada kamu (bahan-bahan untuk) pakaian menutup ‘aurat kamu. (Abdullah Basmeih: 2001:345)</p>	Ayat tersebut menggunakan perkataan (ليأساً) bermaksud “pakaian” sebagai musabbab (natijah) kepada sebab sebelumnya iaitu hujan yang menumbuhkan tumbuh-tumbuhan dan seterusnya dijadikan pakaian.

6	<p>﴿يَأَيُّهَا الَّذِينَ إِمَانُوا إِذَا قُمْتُمْ إِلَى الصَّلَاةِ فَاغْسِلُوا وُجُوهَكُمْ وَأَيْدِيهِكُمْ إِلَى الْعَرَافِ﴾ <small>الْمَائِدَةُ: ٦</small></p> <p><i>Wahai orang-orang yang beriman, apabila kamu hendak mengerjakan sembahyang (padahal kamu berhadas kecil, maka (berwudu'lah) iaitu basuhlah muka kamu dan kedua belah tangan kamu meliputi siku.</i></p> <p>(Abdullah Basmeih: 2001: 246)</p>	<p>Ayat tersebut menggunakan perkataan (قُمْتُمْ) bermaksud “kamu mengerjakan sembahyang” sebagai musabbab (natijah) kepada sebab sebelumnya iaitu hendak atau ingin mengerjakan ibadah tersebut.</p>
7	<p>﴿وَكَمْ مِنْ قَرِيبَةٍ أَهْلَكَهَا فَجَاءَهَا بِأَسْبَابَيْتَ أَوْ هُمْ قَاتِلُونَ﴾ <small>الْأَعْرَافُ: ٤</small></p> <p><i>Dan berapa banyak negeri yang Kami binasakan, iaitu datang azab seksa Kami menimpa penduduknya pada malam hari, atau ketika mereka berehat pada tengah hari.</i></p> <p>(Abdullah Basmeih: 2001: 340)</p>	<p>Ayat tersebut menyatakan perkataan “kedatangan azab” sebagai musabbab (natijah) kepada sebab sebelumnya iaitu kehendak Allah untuk membinasakan negeri tersebut.</p>
8	<p>﴿فَمَنْ شَهِدَ مِنْكُمُ الْشَّهْرَ فَلِيَصُمِّمْ﴾ <small>الْبَقْرَةُ: ١٨٥</small></p> <p><i>Oleh itu, sesiapa di antara kamu yang menyaksikan anak bulan Ramadan (atau mengetahuinya), maka hendaklah ia berpuasa bulan itu.</i></p> <p>(Abdullah Basmeih: 2001:69)</p>	<p>Ayat tersebut menggunakan lafaz (الشَّهْرُ) iaitu “bulan Ramadan” sebagai musabbab (natijah) kepada sebab sebelumnya iaitu anak bulan yang terbit pada awal malam setiap bulan. Ini kerana yang dapat dilihat anak bulan bukannya bulan Ramadan.</p>
9	<p>﴿أَمْطَرَتِ السَّمَاءُ نَبَاتًا﴾ <i>Langit menurunkan tumbuh-tumbuhan</i></p>	<p>Ayat tersebut menggunakan lafaz (نَبَاتًا) iaitu “tumbuh-tumbuhan” sebagai musabbab (natijah) kepada sebab sebelumnya iaitu hujan yang menumbuhkan tumbuh-tumbuhan dengan izin Allah</p>
10	<p>﴿نَأْوَلَيِّ الطَّبِيبُ جُرْعَةً الشَّفَاءِ﴾ <i>Doktor memberikan saya seteguk kesembuhan (dari penyakit)</i></p>	<p>Ayat tersebut menggunakan lafaz (جُرْعَةً) iaitu “seteguk kesembuhan” sebagai musabbab (natijah) kepada sebab sebelumnya iaitu ubat yang menjadikannya sembah dengan izin Allah</p>

iii. Kaitan Sebahagian (الجزءية)

BIL	CONTOH	KETERANGAN RINGKAS
1	<p style="text-align: center;">﴿فَسَيِّدُنَا مُحَمَّدُ رَبُّكَ وَكُلُّ مَنْ تَسْتَجِيدُنَّ﴾ الحجر: ٩٨</p> <p>Oleh itu, bertasbihlah engkau dengan memuji Tuhanmu serta jadilah dari orang-orang yang sujud.</p> <p style="text-align: right;">(Abdullah Basmeih: 2001: 627)</p>	Perkataan “orang-orang yang sujud” (الساجدين) dalam ayat memberi maksud orang-orang yang bersembahyang kerana perbuatan sujud sebahagian dari perbuatan sembahyang.
2	<p style="text-align: center;">﴿وَالَّذِينَ يُظْهِرُونَ مِنْ نِسَاءِهِمْ مِمَّا يَعُودُونَ لِمَا قَاتُلُوا فَتَحْرِيرُ رَقَبَةٍ مِّنْ قَبْلِ أَنْ يَتَمَاسَّا﴾ الحادلة: ٣</p> <p>Dan orang-orang yang “zihaar”kan isterinya, kemudian mereka berbalik dari apa yang mereka ucapkan (bahawa isteri itu haram kepadanya), maka hendaklah (suami itu) memerdekaan seorang hamba sebelum mereka berdua (suami isteri) bercampur.</p> <p style="text-align: right;">(Abdullah Basmeih: 2001: 1476)</p>	Perkataan “leher” (رقبة) dalam ayat memberi maksud seorang hamba kerana leher sebahagian daripada anggota manusia.
3	<p style="text-align: center;">﴿لَا تَقْمِمْ فِيهِ أَبَدًا لِمَسْجِدٍ أَبْيَسَ عَلَى التَّقْوَىٰ مِنْ أَوَّلِ يَوْمٍ أَحَقُّ أَنْ تَقْمِمَ فِيهِ﴾ التوبه: ١٠٨</p> <p>Jangan engkau sembahyang di masjid itu selama-lamanya, kerana sesungguhnya masjid (Qubaa’) yang engkau bina wahai Muhammad, yang telah didirikan di atas dasar taqwa dari mula (wujudnya), sudah sepatutnya engkau sembahyang padanya.</p> <p style="text-align: right;">(Abdullah Basmeih: 2001: 458)</p>	Perkataan “jangan engkau berdiri” (لا تقمم) dalam ayat memberi maksud jangan melakukan sembahyang kerana perbuatan berdiri sebahagian daripada perbuatan sembahyang.
4	<p style="text-align: center;">﴿يَأَيُّهَا الْمُرْسَلُونَ، قُوْمَ أَيْلَلَ إِلَّا قَلِيلًا﴾ المرمل: ١ - ٢</p> <p>Wahai orang-orang yang berselimut, bangunlah sembahyang Tahajjud pada waktu malam, selain dari sedikit masa (yang tak dapat untuk berehat)</p> <p style="text-align: right;">(Abdullah Basmeih: 2001: 1584)</p>	Perkataan “berdirilah engkau” (قم) dalam ayat memberi maksud sembahyang kerana perbuatan berdiri sebahagian dari perbuatan sembahyang.
5	<p style="text-align: center;">﴿فَرَجَعْنَا إِلَيْكَ أُمَّكَ كَيْ فَرَّ عَيْنَاهَا وَلَا حَزَنَ﴾ طه: ٤٠</p> <p>Maka dengan jalan itu Kami mengembalikanmu kepada ibumu supaya tenang tenteram hatinya dan supaya ia tidak berduka cita kerana bercerai denganmu. - Kisah Nabi Musa As.</p> <p style="text-align: right;">(Abdullah Basmeih: 2001: 778)</p>	Perkataan “mata” (عين) dalam ayat memberi maksud keseluruhan badan seseorang kerana mata sebahagian daripada anggota manusia.

6	<p>سَأُجَازِيْكَ بِمَا قَدَّمْتُ يَدَكَ</p> <p><i>Aku akan membalasmu dengan apa yang dikerjakan oleh kedua tanganmu</i></p>	Perkataan “kedua tanganmu” (يَدَكَ) dalam ayat memberi maksud keseluruhan badan seseorang kerana kedua tangan sebahagian daripada anggota manusia.
7	<p>أَذَلُّ فُلَانٌ نَاصِيَةً فُلَانٍ</p> <p><i>Si Pulan itu menghina ubun-ubun Si Pulan (yang lain)</i></p>	Perkataan “ubun-ubun” (نَاصِيَةً) dalam ayat memberi maksud keseluruhan badan seseorang kerana ubun-ubun sebahagian daripada anggota manusia walaupun kehinaan itu kebiasaannya diungkap pada anggota kepala.
8	<p>لَا تَكُنْ أَذُنًا تَتَقَبَّلُ كُلُّ وِسَائِيْرٍ</p> <p><i>Jangan kamu menjadi telinga yang mahu menerima setiap fitnah</i></p>	Ungkapan “jangan kamu menjadi telinga” (لَا تَكُنْ أَذُنًا) dalam ayat memberi maksud keseluruhan badan seseorang kerana telinga sebahagian anggota manusia satutunya tempat menerima berita.
9	<p>لَا تَكُنْ عَيْنًا عَيْنَاهَا، فَإِنَّ التَّجَسُّسَ مِنْ أَقْبَحِ الرَّذَائِلِ</p> <p><i>Jangan kamu menjadi pengintip ke atas kami, Sesungguhnya pengintipan pekerjaan yang paling hina</i></p>	Perkataan “mata” (عَيْنٌ) dalam ayat memberi maksud keseluruhan badan seseorang kerana mata sebahagian daripada anggota manusia.
10	<p>أَلْفَى الْحَاطِبُ كَلِمَةً كَانَ لَهَا كَبِيرُ الْأَثَرِ</p> <p><i>Khatib menyampaikan perkataan (ucapan) yang memberi kesan yang mendalam</i></p>	Perkataan “satu perkataan” (كَلِمَةً) dalam ayat memberi maksud keseluruhan ucapan kerana tidak mungkin ucapan dengan satu perkataan sahaja.
11	<p>طُوبَى لِمَنْ حَرَرَ رَقَبَةً مِنَ الظُّلْمِ</p> <p><i>Bertuahlah kepada sesiapa yang membebaskan leher dari kezaliman</i></p>	Perkataan “leher” (رَقَبَةً) dalam ayat memberi maksud seseorang manusia kerana leher sebahagian daripada anggota manusia.

iv. Kaitan Keseluruhan (الْكُلْيَةِ)

BIL	CONTOH	KETERANGAN RINGKAS
1	<p>﴿بَعَثُونَ أَصْنِعَهُمْ فِي إِذَا هُمْ مِنَ الضَّوْعِ حَذَرُ الْمَوْتٍ﴾ البقرة: ١٩</p> <p>Mereka menyumbat jarinya ke dalam telinga masing-masing dari mendengar suara petir, kerana mereka takut mati.</p> <p>(Abdullah Basmeih: 2001: 12)</p>	Perkataan “jari-jari” (أصَابِع) dalam bentuk kata jamak. Maksud yang dikehendaki di sini sebahagian jari sahaja kerana mana mungkin semua jari boleh dimasukkan ke dalam telinga. Itulah gambaran Allah keadaan golongan munafik.
2	<p>﴿يَقُولُونَ إِفْوَاهُهُمْ مَا لَيْسَ فِي قُلُوبِهِمْ وَاللَّهُ أَعْلَمُ بِمَا يَكْتُمُونَ﴾ آل عمران: ٦</p> <p>Mereka selalu menyebut dengan mulutnya apa yang tidak ada dalam hatinya. Dan (ingatlah), Allah Maha Mengetahui akan apa yang mereka sembunyikan.</p> <p>(Abdullah Basmeih: 2001: 166)</p>	Perkataan “mulut-mulut” (أفواه) dalam bentuk kata jamak. Manusia tidak bercakap menggunakan mulut tetapi menggunakan lidah. Maksud yang dikehendaki di sini lidah sebahagian anggota yang berada di mulut yang digunakan untuk bercakap.
3	<p>لَا تَحْجُلُوا بَيْوَاتَكُمْ مَفْتُوحَةً لِكُلِّ إِنْسَانٍ</p> <p>Jangan kamujadikan rumah-rumah kamu terbuka untuk setiap orang</p>	Perkataan “rumah-rumah” (بيوت) dalam bentuk kata jamak. Maksud yang dikehendaki di sini pintu-pintu rumah kamu kerana pintu merupakan laluan untuk kita keluar dan masuk
4	<p>سَكَنَ ابْنُ خَلْدُونَ مِصْرَ</p> <p>Ibnu Khaldun tinggal di Mesir</p>	Perkataan “Mesir” (مصر) dalam bentuk keseluruan negeri Mesir. Maksud yang dikehendaki di sini Ibnu Khaldun tinggal di bahagian tertentu sahaja di Mesir bukan keseluruhannya.
5	<p>شَاهَدْتُ الشَّامَ فَأَعْجَبْتُ بِجَمَالِ مَنْظَرِهَا</p> <p>Saya telah melihat Negeri Sham, maka saya kagum dengan keindahan pemandangannya.</p>	Perkataan “Sham” (الشَّام) dalam bentuk keseluruan negeri Sham. Maksud yang dikehendaki di sini saya melihat sebahagian sahaja tempat di Negeri Sham yang mengagumkan bukan keseluruhannya.

6	<p>يَسْتَخْدِمُ أَهْلُ الْعِرَاقِ مَاءَ نَهْرِ الْفُراتِ</p> <p><i>Orang-orang Iraq menggunakan air sungai Furat</i></p>	Pekataan “sungai Furat” (نَهْرُ الْفُراتِ) dalam bentuk keselurahan airnya. Maksud yang dikehendaki di sini orang-orang Iraq menggunakan sebahagian sahaja air sungai Furat bukan keseluruhaninya.
7	<p>قَرْأَاتُ الشِّعْرِ الْعَرَبِيِّ</p> <p><i>Saya membaca syair Arab</i></p>	Perkataan “syair Arab” (الشِّعْرُ الْعَرَبِيِّ) dalam bentuk keselurahannya. Maksud yang dikehendaki di sini sebahagian sahaja syair Arab bukan keseluruhaninya.
8	<p>رَكِبْتُ الْقِطَارَ</p> <p><i>Saya menaiki kereta api</i></p>	Perkataan “kereta api” (القطار) dalam bentuk keselurahannya. Maksud yang dikehendaki di sini sebahagian kereta api sahaja iaitu tempat duduk yang dikhaskan bukan keseluruhan gerabaknya.
9	<p>وَصَلَ الْجَيْشُ إِلَى أَرْضِ الْعَدُوِّ</p> <p><i>Tentera telah tiba ke bumi musuh</i></p>	Perkataan “bumi musuh” (أَرْضُ الْعَدُوِّ) dalam bentuk keselurahannya. Maksud yang dikehendaki di sini tempat terdapatnya musuh sahaja bukan keseluruhan bumi tersebut.
10	<p>أَوْدَعَ الْغَنِيُّ أَمْوَالَهُ فِي الْبَنْكِ</p> <p><i>Orang kaya itu menyimpan harta-hartanya di bank</i></p>	Perkataan “harta-harta” (أَمْوَال) dalam bentuk keselurahannya. Maksud yang dikehendaki di sini wang sahaja bukan keseluruhan harta.

v. Kaitan Mengambil kira Masa Lalu (اعتبار ما كان)

BIL	CONTOH	KETERANGAN RINGKAS
1	<p>إِنَّهُ مَنْ يَأْتِ رَبَّهُ بِمُحْرِمًا فَإِنَّ لَهُ جَهَنَّمَ لَا يَمُوتُ فِيهَا وَلَا يَحْيَى كَوْثَه: ٧٤</p> <p>Sebenarnya sesiapa yang datang kepada Tuhannya pada hari akhirat sedang ia bersalah, maka sesungguhnya adalah baginya neraka Jahannam yang ia tidak mati di dalamnya dan tidak pula hidup.</p> <p>(Abdullah Basmeih: 2001: 786)</p>	Perkataan (محرمًا) yang bermaksud orang yang dimasukkan ke dalam neraka jahannam di akhirat sebagai mengambil kira kesalahan yang telah dilakukan semasa di dunia dahulu.

2	<p>﴿وَإِذَا طَلَقْتُمُ النِّسَاءَ فَلْيَغْلُنْ أَجْهَنَّ فَلَا تَعْصُلُوهُنَّ أَنْ يَنْكِحْنَ أَزْوَاجَهُنَّ إِذَا تَرَضُوا بَيْنَهُمْ بِالْمَعْرُوفِ﴾ البقرة : ٢٣٢</p> <p>Dan apabila kamu menceraikan isteri-isteri (kamu), lalu habis masa ‘iddah mereka, maka janganlah kamu (wahai wali-wali nikah) menahan mereka daripada berkahwin semula dengan (bekas) suami mereka, apabila mereka (lelaki dan perempuan itu bersetuju sesama sendiri dengan cara yang baik (yang dibenarkan oleh syarak)</p> <p>(Abdullah Basmeih: 2001: 90)</p>	<p>Perkataan (أَزْوَاجَهُنَّ) yang bermaksud suami-suami mereka sebagai mengambil kira mengenai suami-suami mereka sebelum ini iaitu sebelum perceraian berlaku.</p>
3	<p>لا أَرْكَبُ الْبَحْرَ إِنِّي # أَنْخَافُ مِنْهُ الْمَعَاطِبُ</p> <p>طِينٌ أَنَا وَهُوَ مَاءٌ # وَالظِّينُ فِي الْمَاءِ ذَائِبٌ</p> <p>Saya tidak akan menaiki laut, saya takut binasa di sana. Saya adalah lumpur, sedangkan laut adalah air, dan lumpur itu hancur dalam air</p>	<p>Perkataan (طِينٌ) dalam bait kedua bermaksud lumpur adalah mengambil kira keadaannya sebelum itu.</p>
4	<p>أَكَلْنَا قَمْحًا وَشَرِبْنَا عَنَبًا</p> <p>Kami makan gandum dan minum anggur</p>	<p>Perkataan (قَمْحٌ) dan (عَنَبٌ) bermaksud gandum dan anggur. Maksud yang dikehendaki ialah makanan dan minuman yang berasaskan gandum dan anggur. Di sini digunakan lafaz asal sebagai mengambil kira kedudukannya sebelum itu.</p>
5	<p>مِنَ النَّاسِ مَنْ يَأْكُلُ الْقَمْحَ وَمِنْهُمْ مَنْ يَأْكُلُ النُّدُرَةَ وَالشَّعِيرَةَ</p> <p>Sebahagian manusia itu ada yang makan tepung gandum dan ada yang makan jagung dan biji gandum</p>	<p>Perkataan (ذرة) dan (قمح) (شعير) bermaksud tepung gandum, jagung dan biji gandum. Maksud yang dikenendaki ialah roti sebagai mengambil kira keadaannya sebelum diproses menjadi roti.</p>
6	<p>شربَتُ الْبَنِّ</p> <p>Saya minum kopi</p>	<p>Perkataan (البنّ) bermaksud biji kopi. Maksud yang dikehendaki di sini air kopi (القهوة) sebagai mengambil kira keadaannya sebelum ini.</p>

7	<p style="text-align: center;">لَبِسْتُ الْكَتَانَ فِي فَصْلِ الصَّيْفِ</p> <p style="text-align: center;"><i>Saya memakai kain katan(sejenis tumbuhan) pada musim panas</i></p>	<p>Perkataan (الكتان) bermaksud sejenis tumbuh-tumbuhan, tetapi yang dikehendaki di sini kain yang berasal dari tumbuhan tersebut sebagai mengambil kira keadaannya sebelum yang berasal dari tumbuhan.</p>
8	<p style="text-align: center;">تَنَاوَلَ الْعَلَامُ الْقَمْحَ فِي الصَّبَاحِ</p> <p style="text-align: center;"><i>Budak itu makan gandum pagi ini</i></p>	<p>Perkataan (القمح) bermaksud tanaman gandum iaitu sejenis tumbuh-tumbuhan. Maksud yang dikehendaki di sini roti yang berasal dari gandum sebagai mengambil kira keadaannya sebelum ini berasal dari tumbuhan.</p>

vi. Kaitan Mengambil kira Masa Depan (اعتبار ما يَكُونُ)

BIL	CONTOH	KETERANGAN RINGKAS
1	<p style="text-align: center;">﴿إِنَّكَ مَيِّتٌ وَّإِنَّهُمْ مَيِّتُونَ﴾ الزمر: ٣٠</p> <p><i>Sesungguhnya engkau (wahai Muhammad) akan mati, sesungguhnya mereka juga akan mati.</i> (Abdullah Basmeih: 2001: 1228)</p>	<p>Orang yang mati (ميت) tidak boleh bercakap mahupun mendengar percakapan. Justeru, maksud yang dikehendaki dengan ungkapan “akan mati selepas ini” sebagai mengambil kira apa yang akan berlaku pada masa hadapan</p>
2	<p style="text-align: center;">﴿فَبَشَّرْنَاهُ بِعُلَمَاءِ حَلِيمٍ﴾ الصافات: ١٠١</p> <p><i>Lalu Kami berikan kepadanya berita yang mengembirakan, bahawa ia akan beroleh seorang anak yang penyabar.(Kisah Nabi Ibrahim AS & Nabi Ismail AS)</i> (Abdullah Basmeih: 2001: 1188)</p>	<p>Bayi yang baru dilahirkan tidak memiliki sifat sabar (حليم) secara serta merta . Justeru itu ia akan menjadi penyabar setelah dewasa sebagai mengambil kira apa yang akan berlaku pada masa hadapan.</p>

3	<p style="text-align: center;"> ﴿إِذْ دَخَلُوا عَيْنَهُ فَقَالُوا سَلَّمًا قَالَ إِنَّا مِنْكُمْ وَبِئْلُونَ قَالُوا لَا تُوَجِّلْ إِنَّا نُشَرُّكُ بِعُلُمِ عَلِيهِ﴾ الحجر: ٥٢ - ٥٣ </p> <p> <i>Tatkala mereka(Malaikat) masuk mendapatkannya lalu memberi salam dengan berkata “Selamat sejahtera kepadamu”. Ia berkata “Sesungguhnya kami berasa takut kepada kamu”. Mereka menjawab “Janganlah engkau takut, sebenarnya kami hendak mengembirakanmu dengan berita bahawa engkau akan beroleh seorang anak lelaki yang bakal menjadi seorang yang berilmu”. (Kisah Nabi Ibrahim AS & Nabi Ishaq AS) </i> </p> <p style="text-align: right;">(Abdullah Basmeih: 2001: 620)</p>	<p>Bayi yang baru dilahirkan tidak menjadi seorang yang berilmu secara serta merta (عَلِيم). Justeru itu ia akan menjadi demikian setelah dewasa kelak. Ayat tersebut sebagai mengambil kira apa yang akan berlaku pada masa hadapan.</p>
4	<p style="text-align: center;"> ﴿يَأَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا كُنْتُ عَلَيْكُمْ أَلْقَاصِصُ فِي الْقَتْلِ﴾ البقرة: ١٧٨ </p> <p> <i>Wahai orang-orang yang beriman! Diwajibkan kamu menjalankan hukuman “Qisas” (balasan yang seimbang) dalam perkara orang-orang yang mati dibunuh</i> </p> <p style="text-align: right;">(Abdullah Basmeih: 2001: 67)</p>	<p>Hukum qisas (القصاص) tidak difardukan pada orang yang terbunuh sebelum turun ayat. Dimaksudkan dengan ayat tersebut, hukum “qisas” difardukan pada orang yang terbunuh selepas turunnya ayat tersebut sebagai mengambil kira apa yang akan berlaku pada masa hadapan..</p>
5	<p style="text-align: center;"> رِجَالُ مِصْرٍ يَتَعَلَّمُونَ الْيَوْمَ فِي مَدَارِسِهَا الْأَبْتَدَائِيَّةِ </p> <p> <i>Tokoh-tokoh Mesir sedang belajar sekarang di sekolah-sekolah rendah</i> </p>	<p>Dimaksudkan tokoh-tokoh Mesir itu pelajar-pelajar yang sedang belajar di sekolah rendah. Ketika itu mereka belum lagi bergelar tokoh tetapi dikehendaki di sini apabila mereka itu dewasa kelak sebagai mengambil kira apa yang akan berlaku pada masa hadapan.</p>
6	<p style="text-align: center;"> أَعْرِفُكَ بِصَدِيقِكَ الْمُخْلِصِ </p> <p> <i>Saya ingin memperkenalkan awak dengan kawan awak yang ikhlas.</i> </p>	<p>Dimaksudkan kawan yang ikhlas, belum tentu seseorang yang baru ditemui memiliki sifat tersebut. Justeru itu ungkapan tersebut sebagai mengambil kira apa yang akan berlaku pada masa hadapan.</p>
7	<p style="text-align: center;"> تَنْبُتُ أَرْضُ مِصْرٍ ذَهَبًا </p> <p> <i>Bumi Mesir sedang ditumbuhinya emas</i> </p>	<p>Dimaksudkan emas (ذهب) di sini ialah bangunan-bangunan kerana kemajuan negara. Justeru itu, ungkapan tersebut sebagai mengambil kira apa yang akan berlaku pada masa hadapan</p>

8	<p>اَخْتَبَرْتُ رِجَالَ الْمَدْرَسَةِ الْاِبْدَائِيَّةِ الْيَوْمَ وَهُمْ يَحْتَفِلُونَ بِعِيْدِهِمُ السَّعِيدِ عِيْدِ الطُّفُولَةِ</p> <p><i>Saya menguji tokoh-tokoh sekolah rendah hari ini. Mereka merayakan perayaan mereka dengan bahagia iaitu perayaan hari kanak-kanak</i></p>	Dimaksudkan tokoh-tokoh sekolah rendah hari ini pelajar-pelajar yang sedang belajar di sekolah rendah. Ketika itu mereka belum lagi bergelar tokoh tetapi dikehendaki di sini apabila mereka itu dewasa sebagai mengambil kira apa yang akan berlaku pada masa hadapan
9	<p>سَأُوقِدُ نَارًا</p> <p><i>Saya akan menyalakan api</i></p>	Dimaksudkan dengan api di sini ialah bahan bakar yang akan menjadi api. Justeru itu, ungkapan tersebut sebagai mengambil kira apa yang akan berlaku pada masa hadapan.
10	<p>يَزْرَعُ الْفَلَاحُ الْجُبْرُ فِي الْحَقْلِ</p> <p><i>Petani itu menanam roti di kebun</i></p>	Dimaksudkan dengan roti di sini ialah benih gandum yang akan diproses menjadi roti. Justeru itu ungkapan tersebut sebagai mengambil kira apa yang akan berlaku pada masa hadapan.

vii. Kaitan Tempat (المَحَلَّية)

BIL	CONTOH	KETERANGAN RINGKAS
1	<p>﴿ وَسَلَّى الْقَرِيبَةَ الَّتِي كُنَّا فِيهَا وَالْعِيرَ الَّتِي أَقْلَمَنَا فِيهَا وَإِنَّا لَصَادِقُونَ ﴾</p> <p>يوسف: ٨٢</p> <p><i>Dan bertanyalah kepada penduduk negeri (Mesir) tempat kami tinggal (berdagang) dan kepada orang-orang kafilah yang kami balik besertanya. Sesungguhnya kami adalah orang-orang yang benar.</i></p> <p>(Abdullah Basmeih: 2001: 564)</p>	Maksud (القريبة) negeri Mesir (tempat) tetapi yang dikehendaki penduduk-penduduknya kerana tempat tidak boleh bercakap melainkan manusia. Di sini disebutkan sesuatu tempat atau lokasi tetapi yang dikehendaki orang yang berada di situ
2	<p>﴿ فَلَيَقُعُّ نَادِيَهُ، سَنَدُعُ الْزَّبَانَةَ ﴾</p> <p>العلق: ١٧ - ١٨</p> <p><i>Kemudian biarlah ia memanggil kumpulannya (untuk menyelamatkannya), Kami pula akan memanggil malaikat Zabaaniah (untuk menyeksanya)!</i></p> <p>(Abdullah Basmeih: 2001: 1706)</p>	Maksud (النادي) tempat bermesyuarat tetapi yang dikehendaki orang yang berada di tempat tersebut kerana tempat tidak boleh bercakap melainkan manusia. Di sini disebutkan sesuatu tempat atau lokasi tetapi yang dikehendaki orang yang berada

		di situ.
3	<p>لَا أَرْكَبُ الْبَحْرَ إِلَيْي # أَخَافُ مِنْهُ الْمَعَاطِبُ</p> <p>Saya tidak akan menaiki laut, saya takut binasa di sana.</p>	Maksud laut (البحر) di sini ialah perahu-perahu kerana ia sejenis kenderaan yang dinaiki manusia untuk belayar dalam laut itu.
4	<p>سَقَتِ الدَّلْوُ الْأَرْضَ</p> <p>Timba itu menyirami bumi.</p>	Maksud timba di sini ialah air kerana ia yang menyirami bumi. Penggunaan timba di sini sebagai tempat diletakkan air.
5	<p>سَالَ الْوَادِي</p> <p>Wadi (lembah) itu mengalir</p>	Maksud wadi (lembah) di sini ialah air kerana ia yang bersifat mengalir. Penggunaan wadi (lembah) di sini sinonim sebagai tempat air mengalir.
6	<p>فَشَكَكْتُ بِالرُّمْجِ الْأَصْمَ شَيْأَهُ # لَيْسَ الْكَرِيمُ عَلَى الْقَنَاعِ مُحَرَّمٍ</p> <p>Aku menusuk pakaianya dengan hunjaman tombak yang bisu. Orang yang mulia bagi tombak tidaklah haram.</p>	Maksud sebenarnya bukan pakaian yang ditusuk tombak tetapi hati kerana dekatnya hubungan antara keduanya. Pakaian itu seolah-olah tempat hati
7	<p>هَلْ لَكَ بَيْتٌ؟</p> <p>Badwi bertanya kawannya: "Adakah kamu mempunyai rumah?"</p>	Maksud rumah di sini ialah pasangan atau isteri. Penggunaan rumah adalah sinonim sebagai tempat tinggal suri rumah.
8	<p>قَرَرَ مَحْلِسُ الْوُزَرَاءِ كَذَّا</p> <p>Barisan kabinet menetapkan demikian</p>	Maksud majlis ialah tempat duduk tetapi yang dikehendaki sebenarnya barisan menteri yang bermesyuarat di situ kerana tempat tidak dapat menetapkan sesuatu.
9	<p>سَرَقَ الِّصُّ الْمَنْزِلَ</p> <p>Pencuri itu mencuri rumah</p>	Maksud rumah di sini ialah barang-barang yang berada dalam rumah tersebut yang dicuri.

viii. Kaitan Keadaan (الحالية)

BIL	CONTOH	KETERANGAN RINGKAS
1	<p style="text-align: center;">﴿إِنَّ الْأَبْرَارَ لَفِي نَعِيمٍ﴾ الانفطار: ١٣</p> <p>Sesungguhnya orang-orang yang berbakti (<i>dengan taat dan amal kebajikan, tetapi berada dalam syurga yang penuh ni'mat.</i>)</p> <p style="text-align: right;">(Abdullah Basmeih: 2001:1294)</p>	Ayat menyatakan keadaan ni'mat balasan kepada orang-orang yang berbakti tetapi maksud yang dikehendaki tempat ni'mat tersebut iaitu syurga.
2	<p style="text-align: center;">﴿وَلَدَ الْفُجَارَ لَفِي حَيْمٍ﴾ الانفطار: ١٤</p> <p>Dan sesungguhnya orang-orang yang bersalah, bertempat dalam neraka yang menjulang-julang</p> <p style="text-align: right;">(Abdullah Basmeih: 2001: 1294)</p>	Ayat menyatakan keadaan azab (jahi:m) balasan kepada orang-orang yang bersalah tetapi maksud yang dikehendaki tempat azab (jahi:m) tersebut iaitu neraka Jahannam.
3	<p style="text-align: center;">﴿يَنْهِيَ إِذَا دَعَوْا زَيْتُكُو عَنْدَكُ مَسْجِدٍ﴾ الأعراف: ٣١</p> <p>Wahai anak-anak Adam! Pakailah pakaian kamu yang indah berhias pada tiap-tiap kali kamu ke tempat ibadah (atau mengerjakan sembahyang .</p> <p style="text-align: right;">(Abdullah Basmeih: 2001: 1364)</p>	Ayat memerintahkan untuk mengambil perhiasan setiap kali ke tempat ibadah tetapi maksud yang dikehendaki ialah pakaian kerana ia sinonim dengan tempat setiap perhiasan.
4	<p style="text-align: center;">﴿وَمَا مِنْ أَنْذِنَ أَيْضَثَ وُجُوهُهُمْ فَفِي رَحْمَةِ اللَّهِ هُمْ فِيهَا خَلِيلُونَ﴾ آل عمران: ١٠٧</p> <p>Ada pun orang-orang yang telah putih berseri mukanya, maka mereka berada dalam limpah rahmat Allah (syurga), mereka kekal di dalamnya</p> <p style="text-align: right;">(Abdullah Basmeih: 2001: 147)</p>	Ayat mengungkapkan dalam keadaan rahmat Allah sebagai balasan kepada ahli syurga tetapi maksud yang dikehendaki tempat rahmat tersebut iaitu syurga itu sendiri.
5	<p style="text-align: center;">دخلَ الْجُنُونُ فِي ضَيْقٍ بَعْدَ قَبْضِهِ أَمْسِ</p> <p>Penjenayah itu masuk dalam keadaan kesempitan selepas ia ditangkap kelmarin</p>	Ayat menyatakan keadaan kesempitan tetapi maksud yang dikehendaki ialah penjara sebagai tempat yang sempit dan susah

2.2.1.4. Keindahan *Majaz Mursal*

Setelah kita mengetahui ungkapan *majaz* itu mempunyai nilai keunikannya yang tersendiri dalam ilmu balaghah, maka sudah tentu *majaz mursal* juga memiliki rahsia

keindahan yang amat mengesankan yang mana penggunaannya begitu meluas dalam al-Quran, prosa dan puisi Arab. Aspek-aspek keindahan balaghah pada *majaz mursal* ialah:

i. **Ringkas (الإيجاز)** : Menerusi contoh-contoh yang dikemukakan kita dapat nikmati ungkapannya yang mengesankan dengan maksudnya yang halus ringkas dan padat. Apabila kita ungkapkan هَزَمَ الْقَائِدُ الْجَيْشَ iaitu “*Panglima itu menewaskan tentera musuh*”, ia lebih ringkas dan padat dari ungkapan هَزَمَ جُنُودُ الْقَائِدُ الْجَيْشَ iaitu “*Tentera panglima itu menewaskan tentera musuh*” walaupun kedua-dua ungkapan itu membawa maksud yang sama. Begitu juga pada ungkapan قَرَرَ الْمَجَلِسُ كَذَا iaitu “*Majlis telah menetapkan demikian*”, ia lebih ringkas dan padat dari ungkapan قَرَرَ أَهْلُ الْمَجَلِسِ كَذَا iaitu “*Ahli majlis telah menetapkan demikian*”. Jelas di sini bahawa ringkas dan padat itu adalah satu keunikan bahasa Arab melalui ilmu balaghah.

ii. **Perkaitan makna *haqiqi* dan *majazi*:** *Majaz mursal* juga memperlihatkan perkaitan atau hubungan antara makna sebenar *haqiqi* dan makna *majazi* yang membawa gambaran yang lebih indah dan lunak serta maksud yang mendalam lagi mengesankan para pendengar. Contoh-contoh seperti perkaitan pengintip dengan mata, tangan dengan kuasa, hujan dengan rezeki, nikmat dengan syurga, negeri dengan penduduk dan sebagainya menggambarkan kebijaksanaan dan kemahiran yang tinggi dimiliki para sasterawan. Melalui ungkapan *majaz* tersebut membuka ruang kepada para pengkarya untuk memilih lafaz-lafaz yang sesuai bagi rima ayat, selain itu dapat mengelak dari penggunaan lafaz yang tidak fasih. Dengan kata lain mereka mengabaikan ungkapan *haqiqah* dengan mempraktikkan ungkapan *majaz* yang dapat membentuk ayat-ayat yang fasih dan lancar serta mengesankan.

iii. **Unsur berlebih-lebihan (المبالغة)** : Apabila kita perhatikan dengan cermat, maka kita akan dapati bahawa *majaz mursal* itu dihiasi dengan unsur-unsur *muba:laghah* (berlebih-lebihan) yang indah dan mengesankan, menjadikan *majaz* itu begitu menarik dan melekat kuat dalam hati. Antaranya, menggunakan ungkapan

keseluruhan yang memberi maksud sebahagian adalah satu unsur *mubālaghah*. Demikian juga menggunakan ungkapan sebahagian yang memberi maksud keseluruhan adalah satu unsur *muba:laghah* sebagaimana ungkapan (فُلَانْ فَمْ) iaitu “*Polan itu adalah mulut*” dengan maksud bahawa Polan itu seorang rakus yang melahap segala sesuatu. Begitu juga ungkapan (فُلَانْ أَنفُ) iaitu “*Polan itu adalah hidung*” dengan maksud bahawa Polan itu hidungnya besar dengan bentuk *muba:laghah* dengan menjadikan bahawa keseluruhannya adalah hidung.

iv. *Majaz mursal* juga membantu penutur untuk mencapai tujuan-tujuan dalam percakapan seperti mengagungkan sesuatu (التعظيم), menghina sesuatu (التحقير), menakutkan sesuatu (التهويل) dan sebagainya dengan gaya bahasa yang mengesankan. Contohnya ungkapan bagi tujuan mengagungkan (رأيَتُ الْعَالَمَ) iaitu “*Saya melihat seorang alim*” dengan maksud (رأيَتُ طَالِبَ الْعِلْمِ الَّذِي سَيَصِيرُ عَالِمًا) iaitu “*Saya melihat seorang pelajar yang akan menjadi seorang alim*”.

2.2.1.5. Definisi *Isti’arah*

Perkataan *isti’arah* (استئارة) adalah kata nama terbitan dari kata kerja (استئار) yang bermaksud “*minta pinjam*”. Contoh ungkapan (استئارة الشيء) واسْتَعَارَةُ مِنْهُ iaitu “*dia meminta daripadanya untuk meminjam sesuatu*” (Ibn Manzūr jilid 4: 1990: 618). Sebagai kata nama terbitan (استئارة) bermaksud pinjaman.

Isti’arah menurut pengertian istilah ialah: “Penggunaan sesuatu perkataan atau lafaz bukan mengikut maksudnya yang sebenar (*majaz*) kerana terdapatnya kaitan (علاقة) yang berunsur perumpamaan (مشابهة) antara dua makna *haqiqi* dengan *majazi* dan disertai dengan pertunjuk yang menghalang qari:naṭ (قريبة) daripada penggunaan makna sebenar (asal) bagi perkataan tersebut”. (Al-Sayyid al-Ha:shimiyy: 1991: 303).

2.2.1.6. Elemen *Isti’arah*

Isti’arah pada ungkapan ”رأيَتُ أَسَدًا فِي الْمَدْرَسَةِ“ yang bermaksud “*saya melihat seekor singa di sekolah*” yang berasal dari ungkapan رأيَتُ رجلاً شُجاعاً كَالْأَسَدِ فِي

"المدرسة" yang bermaksud "Saya melihat seorang lelaki yang berani seperti seekor singa di sekolah". Di sini dibuang objek yang diserupakan (المشبّه) iaitu "seorang lelaki" dan peranti (الأداة) iaitu "huruf kaf" serta aspek kesamaan (وجه الشبه) iaitu "sifat berani". Ia diikuti dengan adanya pertunjuk (قرينة) iaitu "di sekolah" untuk menunjukkan maksud yang dikehendaki singa yang berani itu bukan sebenar (*haqiqi*).

Berdasarkan contoh di atas, elemen-elemen *isti'arah* terbahagi kepada tiga bahagian iaitu:

i. *Musta'a:r minh* (مستعار منه) iaitu *al-musyabbah bih* (المشبّه به).

ii. *Musta'a:r lah* (مستعار له) (المشبّه به).

Kedua-dua elemen ini dikenali sebagai unsur dua pihak (الطرفان).

iii. *Musta'a:r* (مستعار) iaitu lafaz yang dipinjamkan (dipindahkan) (اللفظ المنقول).

Setiap *majaz* yang dibina di atas unsur perumpamaan (المشاكحة) dikenali sebagai *isti'arah*. (Al-Sayyid al-Ha:shimiyy: 1991: 204). Walau bagaimanapun, terdapat dalam kalangan sarjana meletakkan *qari:nat* (فرينة) sebagai elemen keempat kerana berpendapat tanpa elemen tersebut tidak terbentuk ungkapan *isti'arah* (Abd al- Rahman Hasan Hanbaka[†] al-Mayda:niyy: 1996: 230).

2.2.1.7. Pembahagian *Isti'arah*

Menurut sarjana ilmu balaghah, *isti'arah* terbahagi kepada dua bahagian, iaitu:

i. *Isti'arah* berbentuk perkataan (الاستعارة في المفرد)

Iaitu pada ayat *isti'arah* itu dalam bentuk perkataan seperti perkataan "أَفْلَلَ الْلَّيْثُ مُدَجَّحًا" بِأَمَّةِ الْحَرْبِ فَاخْتَرَقَ جَيْشَ الْعَدُوِّ" (اللّييث) iaitu "singa" pada ayat : (*Singa yang lengkap dengan pakaian dan peralatan perang itu menerkam, maka bolos tentera musuh*).

Sarjana ilmu *bayan* membahagikan pula *isti'arah* ini kepada beberapa bahagian dengan mengambil kira beberapa keadaan:

a) *Isti'arah taṣrihiyyat*, *makniyyat*, dan *takhyiiliyyat* (الاستعارات التصريحية، والمعنى، والتخيلية) – Iaitu bahagian *isti'arah* dengan mengambil kira dan menyatakan dua elemen *tashbi:h* (طراً التشبيه) sama ada objek yang diserupakan (المتشبه) dan objek yang diserupakan dengannya (المتشبه به) .

b) *Isti'arah aṣliyyat* dan *tab'iyyat* (الاستعارات الأصلية، والتبعية) – Iaitu bahagian *isti'arah* dengan mengambil kira jenis lafaz *al-musta'a:r* (المستعار) iaitu objek yang diserupakan dengannya (المتشبه به) yang disebutkan pada *isti'arah taṣrihiyyat* (الاستعارة التصريحية) atau objek yang diserupakan dengannya (المتشبه به) yang dibuang pada *isti'arah makniyyat* (الاستعارة المعنوية). *Isti'arah aṣliyyah* ialah lafaz *al-musta'a:r* yang terdiri daripada *isim ja:mid* seperti (أسد، بدر، شمس أَلْخ...). *Isti'arah tab'iyyat* ialah lafaz *al-musta'a:r* (أَشْرَقَ، يُشْرِقُ، أَشْرِقْ، أَلْخ...) atau *isim mushtaq* seperti (حارح، مَجْرُوح، جَرِيحٌ، أَلْخ...) (اللام الجارة، من، في، أَلْخ...).

c) *Isti'arah muṭlaqat*, *mujarradat* dan *murashahat* (الاستعارة المطلقة، والمحردة، والمشحة) – Bahagian *isti'arah* dengan mengambil kira apa yang disebutkan dan apa yang tidak disebutkan daripada beberapa sifat selepas ianya (*isti'arah*) lengkap dengan *qari:natnya*.

ii. *Isti'arah* berbentuk frasa (الاستعارة في المركب)

Iaitu pada ayat *isti'arah* itu dalam bentuk frasa seperti pada ayat: "كُلُّ جَوَادٍ كَبُوْةٌ، وَكُلُّ صَارِمٍ نَبُوْةٌ" (Setiap kuda lumba ada kalanya jatuh ke tanah, dan setiap pedang ada kalanya melencong dari sasaran). Ayat tersebut mengandungi dua frasa *isti'arah* mengenai seseorang yang kadang-kadang melakukan kesilapan tetapi bukan kebiasaan mereka melakukan demikian.

Walau bagaimanapun, penulis di sini hanya memfokuskanuraian kepada bahagian (a) yakni dua jenis *isti'arah* sahaja iaitu *isti'arah taṣrihiyyat* (الاستعارة التصريحية) dan *isti'arah makniyyat* (الاستعارة المعنوية) sebagaimana terkandung dalam sukatank

komponen balaghah peringkat menengah. Sebagaimana dinyatakan sebelum ini penetapan kaedah *isti'arah* tersebut dilihat melalui dua elemannya iaitu objek yang diserupakan (المشبّه به) dan objek yang diserupakan dengannya (المشبّه به) sama ada dikekalkan atau dibuang salah satu daripadanya dalam ayat.

2.2.1.8. *Isti'arah Taṣri:ḥiyyat* (الاستعارة التصريحية)

Isti'arah taṣri:ḥiyyat ialah apabila elemen objek yang diserupakan (المشبّه به) dibuang dan ia digantikan dengan sesuatu yang melambangkan perkataan atau lafaz elemen yang dibuang itu. Dengan kata lain ia adalah *isti'arah* yang terbentuk dengan menyebut elemen objek yang diserupakan dengannya (المشبّه به) sahaja. (Faḍal Hasan ‘Abbas: 1985:172). Contohnya:

- a) Firman Allah Taala:

﴿الرَّحْمَنُ كَتَبَ لِلْأَنْذِنِ أَنَّنَّا نَزَّلْنَا إِلَيْكَ لِتُخْرِجَ النَّاسَ مِنَ الظُّلْمَاتِ إِلَى النُّورِ بِإِذْنِ رَبِّهِمْ إِلَى صَرْطَطِ الْعَزِيزِ الْحَمِيدِ﴾
إِبْرَاهِيمٌ:

((Alif, Lam, Raa'). Ini ialah kitab(Al-Quran) kami turunkan dia kepadamu (wahai Muhammad), supaya engkau mengeluarkan umat manusia seluruhnya dari gelap gelita kufur kepada cahaya iman - dengan izin - tuhan mereka – ke jalan Allah Yang Maha Kuasa, Lagi Maha Terpuji)

(Abdullah Basmeih: 2001: 594)

Padanan dengan keunikan *majaz mursal*, penulis berpandangan terjemahan ayat ini ialah: "...supaya engkau mengeluarkan umat manusia seluruhnya dari gelap gelita kepada cahaya...". Apabila kita perhatikan ayat tersebut, kita dapati ia mengandungi dua ungkapan *majaz* di mana hubungan antara makna *haqiqi* dengan makna *majazi* dikenali melalui hubungan persamaan makna kedua-dua perkataan tersebut dalam unsur perumpamaan (المشاكلة) dan pertunjuk yang menghalang daripada maksud sebenar (قرينة) adalah secara *ha:liyat* (حالية). Kesesatan (الضلاللة) diumpamakan dengan kegelapan (الظلمات), manakala iman dan hidayah (إيمان والهدى) diumpamakan dengan cahaya

(النور). Walau bagaimanapun, perumpamaan tersebut dibuang elemen objek yang diserupakan (المتشبه) iaitu kesesatan dan iman dan hidayah . Ia hanya menggunakan elemen objek yang diserupakan dengannya (المتشبه به) iaitu (الظلمات) yang bermaksud “*kegelapan*” dan (النور) yang bermaksud “*cahaya*” dengan dakwaan bahawa objek yang diserupakan dengannya (المتشبه به) tersebut dipinjamkan untuk menggantikan objek yang diserupakan (المتشبه). Andaian asal ayat tersebut ialah:

(كتاب أَنْزَلْنَاهُ إِلَيْكُمْ لِتَخْرُجَ النَّاسُ مِنَ الظُّلْمَاتِ إِلَى الْهُدَىٰ وَإِلَيْهِمْ مِّثْلُ النُّورِ)

Keadaan ini sangat jauh jangkauan balaghahnya dan amat mendalam kesannya kerana kedua-dua elemen iaitu objek yang diserupakan (المتشبه) dan objek yang diserupakan dengannya (المتشبه به) bersepada dan telah menjadi satu makna yang lebih mendalam berbanding unsur perumpamaan (التشبّيّه) biasa.

b) Ungkapan al-Mutanabbi: sewaktu disambut oleh orang yang dipujinya:

(فَلَمْ أَرَ قَبْلِيْ مِنْ مَشَى الْبَحْرُ نَحْوُهُ # وَلَا رَجُلًا قَامَتْ تَعَانِقُهُ الْأَسْدُ)

*Tidak pernah aku lihat sebelumku orang yang laut datang kepadanya, dan
tidak juga orang yang singa memeluknya*

Pada bait tersebut, kita dapati ia mengandungi dua ungkapan *majaz* iaitu perkataan “*laut*” (البَحْرُ) melalui pertunjuk yang menghalang daripada maksud sebenar kata kerja “*singa*” (الْأَسْدُ) dan “*menyentuh*” (تعانقه) iaitu melalui pertunjuk yang menghalang daripada maksud sebenar kata kerja “*menyentuh*” (تعانقه). Hubungan antara makna *haqiqi* dan makna *majazi* dapat dikenali melalui persamaan makna kedua-dua perkataan tersebut dalam unsur perumpamaan (المشاكلة). Walau bagaimanapun, perumpamaan tersebut dibuang elemen objek yang diserupakan (المتشبه) iaitu perkataan (الرجل الكرم) yang bermaksud “*seorang yang dermawan*” dan (الرجل الشجاع) yang bermaksud “*seorang yang berani*”. Ia hanya menggunakan elemen objek yang diserupakan dengannya (المتشبه به) yang bermaksud “*laut*” dan (الْأَسْدُ) yang bermaksud “*singa*” dengan

dakwaan bahawa objek yang diserupakan dengannya (المتشبه به) tersebut dipinjamkan untuk menggantikan objek yang diserupakan (المتشبه). Andaian asal bait tersebut ialah:

(فَلَمْ أَرَ قَبْلِيْ مَنْ مَشَى الرَّجُلُ الْكَرِيمُ مِثْلُ الْبَحْرِ تَحْوِةً #
وَلَا رَجُلًا قَامَ يُعَانِقُهُ الرَّجُلُ الشَّجَاعُ مِثْلُ الْأَسْدِ)

Keadaan ini sangat jauh jangkuan balaghahnya dan amat mendalam kesannya kerana kedua-dua elemen iaitu objek yang diserupakan (المتشبه) dan objek yang diserupakan dengannya (المتشبه به) bersepadan dan telah menjadi satu makna yang lebih mendalam berbanding unsur perumpamaan (التشبيه) biasa.

Perbandingan antara *isti'arah tasri:hiyyat* dengan ungkapan dalam bahasa Melayu seperti “saya melihat sekuntum bunga yang dikendung ibunya” (رأيَتُ زَهْرَةً تَحْمِلُهَا أُمُّهَا). Penggunaan bunga (زهرة) kepada anak-anak kecil (البنت) yang cantik sebagai *isti'arah*. (Siti Saudah Hj.Hassan: 1999: 49)

2.2.1.9. *Isti'arah Makniyyat* (الاستعارة المكنية)

Isti'arah makniyyat adalah kontra kepada *isti'arah tasri:hiyyat* iaitu apabila elemen objek yang diserupakan dengannya (المتشبه به) dibuang dan ia digantikan dengan sesuatu yang melambangkan perkataan atau lafaz elemen yang dibuang itu. Dengan kata lain ia adalah *isti'arah* yang terbentuk dengan menyebut elemen objek yang diserupakan (المتشبه) sahaja (Fadhal Hasan ‘Abbas: 1985:172). Contoh:

- a) Firman Allah Taala mengenai Nabi Zakaria AS :

﴿قَالَ رَبِّ إِنِّي وَهَنَ الْعَظُمُ مِنِي وَأَشْتَعَلُ الْرَّأْسُ سَيِّبًا وَلَمْ أَكُنْ بِدُعَائِكَ رَبِّ شَقِيقًا﴾ مریم: ٤

Dia merayu dengan berkata : “Wahai Tuhanku! Sesungguhnya telah lemah tulang-tulangku, dan telah putih melepaklah uban kepalaku; dan aku – wahai Tuhanku – tidak pernah merasa hampa dengan doa permohonanku kepadaMu.

(Abdullah Basmeih: 2001: 747)

Apabila kita perhatikan ayat di atas, kita dapati ia mengandungi satu ungkapan *majaz* di mana hubungan antara makna *haqiqi* dengan makna *majazi* dapat dikenali melalui persamaan makna kedua-dua perkataan tersebut dalam unsur perumpamaan (المشابهة). Walau bagaimanapun, perumpamaan tersebut dibuang elemen objek yang diserupakan dengannya iaitu perkataan (المشبه به) yang bermaksud “*bahan bakar*”. Ia hanya menggunakan elemen objek yang diserupakan (المشبه) iaitu (الرَّأْسُ) yang bermaksud “*kepala*” dengan disebut salah satu sifat khasnya iaitu yang bermaksud “*menyala*”. Di sini, kepala yang dipenuhi uban itu diumpamakan dengan bahan bakar yang menyala-nyala di mana *qari:natnya* (قرينة) menyandarkan nyalaan kepada kepala dengan dakwaan bahawa objek yang diserupakan tersebut dipinjamkan untuk menggantikan objek yang diserupakan dengannya (المشبه به).

Andaian asal ayat tersebut ialah:

(رب إِنِّي وَهُنَّ الْعَظِيمُ مِنِّي وَاشْتَعَلَ الرَّأْسُ مِثْلُ الْوَقْدِ شَيْئًا)

Keadaan ini juga sangat jauh jangkauan balaghahnya dan amat mendalam kesannya kerana kedua-dua elemen iaitu objek yang diserupakan (المشبه) dan objek yang diserupakan dengannya (المشبه به) bersepadan dan telah menjadi satu makna yang lebih mendalam berbanding unsur perumpamaan (التشبيه) biasa.

b) Ungkapan al-Hajja:j dalam satu pidatonya:

(إِنِّي لَأَرَى رُؤُوسًا قَدْ أَيْنَعَتْ وَحَانَ قِطَافُهَا وَإِنِّي لَصَاحِبُهَا)

Sesungguhnya aku melihat beberapa kepala yang telah masak dan telah sampai waktu memetiknya, dan aku adalah pemiliknya

Apabila kita perhatikan ungkapan di atas, kita dapati ia mengandungi satu ungkapan *majaz* di mana hubungan antara makna *haqiqi* dengan makna *majazi* dapat dikenali melalui persamaan makna kedua-dua perkataan tersebut dalam unsur

perumpamaan (التشابه). Walau bagaimanapun, perumpamaan tersebut dibuang elemen objek yang diserupakan dengannya (المشبه به) iaitu perkataan (الشَّمَاءتْ) yang bermaksud “*buah-buahan*” dengan disebut salah satu sifat khasnya iaitu (أَيْنَعَتْ) yang bermaksud “*telah masak*”. Ia hanya menggunakan elemen objek yang diserupakan (المشبه) iaitu (رُؤُوسًا) yang bermaksud “*beberapa kepala*”. Di sini, ia mengumpamakan dengan satu khayalan bahawa bentuk kepala itu menjelma dengan bentuk buah-buahan dengan dakwaan bahawa objek yang diserupakan tersebut dipinjamkan untuk menggantikan objek yang diserupakan dengannya (المشبه به). Andaian asal ayat tersebut ialah:

(إِنِّي لَا رَأَى رُؤُوسًا كَالشَّمَاءتِ قَدْ أَيْنَعَتْ وَحَانَ قِطَافُهَا وَإِنِّي لَصَاحِبُهَا)

Keadaan ini sangat jauh jangkuan balaghahnya dan amat mendalam kesannya kerana kedua-dua elemen iaitu objek yang diserupakan (المشبه) dan objek yang diserupakan dengannya (المشبه به) bersepada dan telah menjadi satu makna yang lebih mendalam berbanding unsur perumpamaan (التشبيه) biasa.

Perbandingan antara *isti'arah makniyyat* dengan ungkapan dalam bahasa Melayu seperti (ركب فلان كتفي غريميه) bermaksud “*si polan itu menaiki dua bahu rakannya*” menunjukkan hutang yang sangat berat ditanggung oleh si polan dan bebanan ini disamakan dengan menaiki bahu rakannya; pemberi hutang. Pepatah dalam bahasa Melayu, iaitu *berhutang hingga tergadai* atau *menjerat tali pinggang, menjadi hamba perut* adalah menunjukkan seseorang yang tidak dapat melepaskan dari daripada cengkaman hutangnya, atau tidak berupaya hendak melepaskan diri daripada tali yang menjerut lehernya dan tidak dapat bergerak bebas lagi. (Siti Saudah Hj.Hassan: 1999: 51).

2.2.1.10. Contoh *Isti'arah*

Di sini penulis kemukakan contoh-contoh *isti'arah tasri:hiyyat* dan *isti'arah makniyyat* yang pelbagai melalui beberapa kitab balaghah yang menjadi sorotan penulis.

Contoh-contoh tersebut ialah:

a) *Isti'arah Tasri:hiyyat* (الاستعارة التصريحية)

BIL	CONTOH	KETERANGAN RINGKAS
1	<p style="text-align: center;">﴿إِنَّ الَّذِينَ يَتَوَلَّنَّ كِتَابَ اللَّهِ وَأَقَامُوا الصَّلَاةَ وَأَنفَقُوا مِمَّا رَزَقْنَاهُمْ سَرِّاً وَعَلَانِيَةً يَرْجُونَ تِحْكُمَ لَنْ تَبُورَ﴾ فاطر: ٢٩</p> <p>Sesungguhnya orang-orang yang selalu membaca kitab Allah dan tetap mendirikan sembahyang serta mendermakan dariapa yang Kami kurniakan kepada mereka, secara bersembunyi atau secara berterang-terang, mereka (dengan amalan yang demikian)mengharapkan sejenis perniagaan yang tidak akan mengalami kerugian.</p> <p style="text-align: right;">(Abdullah Basmeih: 2001: 1150)</p>	<p>Dalam ayat ini diumpamakan amalan-amalan soleh (الأعمال الصالحة) dengan perniagaan (التجارة) dalam unsur perumpamaan (المشاكحة) iaitu mendapat kebaikan yang besar (خير عظيم). Seterusnya perkataan amalan-amalan soleh sebagai (المشبّه) dipinjamkan dan diletakkan perkataan perniagaan sebagai (المشبّه به). <i>Qari:nat</i> (قرينة) tidak akan mengalami kerugian (لن تبور).</p>
2	<p style="text-align: center;">﴿أَهْدَنَا أَصِرَّاطَ الْمُسْتَقِيمِ﴾ الفاتحة: ٦</p> <p>Tunjuklah kami jalan yang lurus</p> <p style="text-align: right;">(Abdullah Basmeih: 2001: 5)</p>	<p>Dalam ayat ini diumpamakan agama Islam (دين الإسلام) dengan jalan yang lurus (الصراط المستقيم) dalam unsur perumpamaan (المشاكحة) iaitu menyampaikan kepada matlamat. Seterusnya perkataan agama Islam sebagai (المشبّه) dipinjamkan dan diletakkan perkataan jalan yang lurus sebagai (المشبّه به). <i>Qari:nat</i> (قرينة) ialah pandulah kami (اهدنا).</p>
3	<p>Ungkapan <i>al-Mutanabbi</i>:</p> <p style="text-align: center;">تَعَرَّضَ لِي السَّحَابَ وَقَدْ قَفَلَنَا # فَقُلْتُ إِلَيْكَ إِنَّ مَعِي السَّحَابَا</p> <p>Terhampar kepadaku awan dan kami telah kembali, aku berkata kepadamu bahawa bersamaku awan</p>	<p>Dalam bait ini diumpamakan orang yang dipuji dengan awan pada perkataan "السَّحَاب" yang kedua dalam unsur perumpamaan (المشاكحة) iaitu berkedudukan tinggi. Seterusnya perkataan orang yang dipuji sebagai (المشبّه) dipinjamkan dan diletakkan perkataan awan sebagai (المشبّه به). <i>Qari:nat</i> (قرينة) ialah bersamaku (معي).</p>

4	<p>Ungkapan pujian <i>al-Mutanabbi</i>: terhadap Saif al-Daulat:</p> <p>أَمَا تَرَى ظَفَرًا حُلُوًّا سَوِيْ ظَفَرٍ # تَصَافَحَتْ فِيهِ بِيْضُ الْمِسْدَرِ وَاللَّمَمِ؟</p> <p><i>Apakah kamu tahu suatu kemenangan yang paling indah selain kemenangan yang dalamnya saling bersua antara pedang dan kepala</i></p>	<p>Menerusi bait ini diumpamakan berjumpa (تصافحت) dengan berjabat tangan (تلاقت) dengan unsur perumpamaan (المشابة) iaitu pertemuan. Seterusnya perkataan berjumpa sebagai (المشبہ) dipinjamkan (dibuang) dan diletakkan perkataan berjabat tangan sebagai (المشبہ به). <i>Qari:nat</i> ialah pedang dan kepala.</p>
5	<p>Ungkapan Ibn Mu‘taz:</p> <p>جُمِعَ الْحَقُّ لَنَا فِي إِمَامٍ # قُتِلَ الْبُخْلَ وَأَحْيَا السَّمَاحَا</p> <p><i>Hak kita dikumpulkan pada imam yang membunuh kebakhilan dan menghidupkan kemurahan</i></p>	<p>Dalam bait ini terdapat dua <i>isti‘arah tasrihiyyat</i>: Pertama diumpamakan menjauhi kebakhilan (تجنب البخل) dengan membunuh (قتل) dalam unsur perumpamaan (المشابة) iaitu menghilangkan. Seterusnya perkataan menjauhi sebagai (المشبہ) dipinjamkan (dibuang) dan diletakkan perkataan membunuh sebagai (المشبہ به). <i>Qari:nat</i> (قرينة) ialah perkataan bakhil (البخل). Kedua diumpamakan membaharui kemurahan (تجديد الكرم) dengan menghidupkan (الإحياء) dalam unsur perumpamaan (المشابة) iaitu mengembalikan setelah hilang. Seterusnya perkataan membaharui kemurahan sebagai (المشبہ) dipinjamkan (dibuang) dan diletakkan perkataan menghidupkan sebagai (المشبہ به). <i>Qari:nat</i> (قرينة) ialah perkataan kemurahan (السماحا).</p>
6	<p>عَجِبْتُ مِنْ شَمْسٍ تَحْمِلُ بِيَمِينِهَا قَمَرًا</p> <p><i>Matahari itu mengagumkan saya dengan membawa di sebelah kanannya bulan</i></p>	<p>Dalam ayat ini diumpamakan seorang wanita yang baik (الحسناء) dengan matahari (الشمس) dalam unsur perumpamaan (المشابة) iaitu sifat bercahaya (الإشراق). Seterusnya perkataan wanita sebagai (المشبہ) dipinjamkan (dibuang) dan diletakkan perkataan matahari sebagai (المشبہ به). <i>Qari:nat</i> (قرينة) ialah membawa (تحمل).</p>

	<p>7 Ungkapan celaan dari seorang badwi:</p> <p>أُولَئِكَ قَوْمٌ يَصُومُونَ عَنِ الْمَعْرُوفِ وَيُفْطِرُونَ عَلَى الْفَحْشَاءِ</p> <p><i>Mereka adalah kaum yang berpuasa dari kebaikan dan berbuka dengan kekejadian</i></p>	<p>Dalam bait ini terdapat dua <i>isti'arah tasrihiyyat</i>.</p> <p>Pertama diumpamakan halangan berbuat kebaikan (الامتناع عن عمل المعروف) dengan berpuasa (الصوم) dalam unsur perumpamaan (المشاكحة) iaitu menegah sesuatu. Seterusnya perkataan halangan berbuat kebaikan sebagai (المتشبه) dipinjamkan (dibuang) dan diletakkan perkataan berpuasa sebagai (المتشبه به).</p> <p><i>Qari:nat</i> (قرينة) ialah berbuat kebaikan (المعروف).</p> <p>Kedua diumpamakan menutup amalan dalam keadaan dosa (اختتم الأعمال بالفحشاء) dengan berbuka (الإفطار) dalam unsur perumpamaan (المشاكحة) iaitu meneruskan sesuatu sehingga akhir. Seterusnya perkataan menutup amalan dalam keadaan dosa sebagai (المتشبه) dipinjamkan (dibuang) dan diletakkan perkataan berbuka sebagai (المتشبه به).</p> <p><i>Qari:nat</i> (قرينة) ialah berbuat kekejadian (الفحشاء).</p>
8	<p>وَقَفَ الْغَضِينَفُرْ عَلَى الْمِنْبَرِ</p> <p><i>Berdiri singa jantan itu di atas mimbar</i></p>	<p>Dalam ayat ini diumpamakan seorang panglima (الأمير) dengan singa jantan (الغضينفر) dalam unsur perumpamaan (المشاكحة) iaitu sifat berani (الشجاعة).</p> <p>Seterusnya perkataan panglima sebagai (المتشبه) dipinjamkan (dibuang) dan diletakkan perkataan singa jantan sebagai (المتشبه به). <i>Qari:nat</i> (قرينة) ialah di atas mimbar (على المنبر).</p>

9	<p style="text-align: center;">أَنْشَدَ الْبُبُلُ قَصِيْدَةً أَبِي تَامٍ</p> <p style="text-align: center;"><i>Seekor burung bulbul (suara merdu) mendendangkan qasidah Abu Tamam</i></p>	Dalam ayat ini diumpamakan seorang penyanyi (المغني) dengan burung (الببل) dalam unsur perumpamaan (المشاكلة) iaitu suara merdu. Seterusnya perkataan penyanyi sebagai (المشبه) dipinjamkan dan diletakkan perkataan burung bulbul sebagai (المتشبه به). <i>Qari:nat</i> (قرينة) ialah mendendangkan (أنشد)
10	<p style="text-align: center;">رَأَيْتُ أَسَداً يُضَيِّعُ الْمُصَحَّفَ فِيْ لَبَّهُ</p> <p style="text-align: center;"><i>Saya melihat seekor singa yang al-Quran menyinari hatinya</i></p>	Dalam ayat ini diumpamakan seorang pahlawan (الرجل الشجاع) dengan singa (الأسد) dalam unsur perumpamaan (المشاكلة) iaitu sifat berani (الشجاعة). Seterusnya perkataan pahlawan sebagai (المتشبه به) dipinjamkan dan diletakkan perkataan singa sebagai (المتشبه به). <i>Qari:nat</i> (قرينة) ialah al-Quran yang menyinari hatinya.
11	<p style="text-align: center;">نَفَّتَحْتَ أَزْهَارُ السَّمَاءِ</p> <p style="text-align: center;"><i>Berseri(berkembang) mekar bunga-bunga di langit</i></p>	Dalam ayat ini diumpamakan bintang-bintang (النجوم) dengan bunga-bunga (الأزهار) dalam unsur perumpamaan (المشاكلة) iaitu berseri (berkembang). Seterusnya perkataan bintang-bintang sebagai (المتشبه به) dipinjamkan dan diletakkan perkataan bunga-bunga sebagai (المتشبه به). <i>Qari:nat</i> (قرينة) ialah berseri (berkembang) (تفتحت)

b) *Isti 'arah Makniyyat* (الاستعارة المكنية)

BIL	CONTOH	KETERANGAN RINGKAS
1	<p style="text-align: center;">﴿ وَأَخْفِضْ لَهُمَا جَنَاحَ الَّذِي مِنَ الرَّحْمَةِ وَقُلْ رَبِّ أَرْجُوهُمَا كَمَا رَبَّيْنَا فِي صَغِيرِهِ﴾ <small>الإسراء: ٢٤</small></p> <p>Dan hendaklah engkau merendah diri kepada keduanya kerana belas kasihan dan kasih sayangmu, dan doakanlah (untuk mereka, dengan berkata): "Wahai Tuhanku! Cucurilah rahmat kepada mereka berdua sebagaimana mereka telah mencurahkan kasih sayangnya memelihara dan mendidikku semasa kecil</p> <p style="text-align: right;">(Abdullah Basmeih: 2001: 681)</p>	Pada ayat ini diumpamakan merendahkan diri terhadap kedua ibubapa (خُفْض) dengan seekor burung (الطَّائِر) yang merendahkan sayap dalam unsur perumpamaan (المُشَابَكَة). Seterusnya perkataan seekor burung sebagai (المُشَبَّهُ بِهِ) dipinjamkan (dibuang) dan diletakkan satu lambang yang ada padanya iaitu sayap (جَنَاح).
2	<p>Sabda Nabi SAW :</p> <p style="text-align: center;">(بُنِيَ الْإِسْلَامُ عَلَى خَمْسٍ)</p> <p style="text-align: center;"><i>Dibina Islam itu di atas lima perkara</i></p>	Pada Hadith ini diumpamakan Islam (الإسلام) dengan rumah (البيت) dalam unsur perumpamaan (المُشَابَكَة) iaitu satu binaan yang mempunyai asas dan tiang. Di sini perkataan rumah (المُشَبَّهُ بِهِ) dipinjamkan dan diletakkan satu lambang yang ada padanya iaitu dibina (بني).
3	<p>Ungkapan Abu Dhu 'aib al-Du 'ali:</p> <p style="text-align: center;">وَإِذَا مَنِيَّ أَنْشَبَتْ أَظْفَارَهَا # أَلْفَيْتَ كُلَّ تَمِيمَةٍ لَا تَنْفَعُ</p> <p style="text-align: center;"><i>Dan apabila mati itu mencakar kuku-kukunya, kamu hembuskan setiap tangkal tidak memberi manfaat</i></p>	Pada bait ini diumpamakan mati (المنيَّة) dengan binatang buas (السبع). Di sini dibuang perkataan binatang buas (المُشَبَّهُ بِهِ) dan diletakkan satu lambang yang ada padanya iaitu kuku-kuku yang mencakar (الأَظْفَار).
4	<p>Ungkapan al-Mutanabbi::</p> <p style="text-align: center;">الْمَجْدُ عُوْفِي إِذْ عُوْفِيْتَ وَالْكَرْمُ # وَزَالَ عَنْكَ إِلَى أَعْدَاثِ الْأَكْمُ</p> <p style="text-align: center;"><i>Keagungan dan kemuliaan dapat disembuhkan apabila kamu diberi kesembuhan, dan rasa sakit itu hilang dari kamu, beralih ke musuhmu</i></p>	Pada bait ini diumpamakan kemuliaan (الْمَجْدُ) dengan penyakit (المرض). Di sini dibuang perkataan penyakit (المُشَبَّهُ بِهِ) dan diletakkan satu lambang yang ada padanya iaitu disembuhkan (عُوْفِي).

5	<p>Ungkapan Di‘bil Al-Khaza‘i::</p> <p>لَا تَعْجِبِيْ يَا سَلْمُ مِنْ رَجُلٍ # ضَحِكَ الْمُشَبِّهِ بِرَأْسِهِ فِي كَيْ</p> <p><i>Jangan kamu kagum wahai Salma terhadap lelaki, yang ditertawakan oleh uban di kepalanya, lalu ia menangis</i></p>	<p>Pada bait ini diumpamakan seorang manusia (الإنسان) dengan uban dalam unsur perumpamaan (المشاكلة). Seterusnya dibuang perkataan manusia (المشبه به) dan diletakkan satu lambang yang ada padanya iaitu ketawa (ضحك).</p>
6	<p>Ungkapan seorang Badwi: dalam satu celaan kepada seseorang:</p> <p>إِنَّهُ سَمِينُ الْمَالِ مَهْزُولُ الْمَعْرُوفِ</p> <p><i>Sesungguhnya ia gemuk hartanya, kurus kebaikannya</i></p>	<p>Pada ayat ini diumpamakan harta (المال) dan kebaikan (المعروف) dengan binatang (الحيوان) dalam unsur perumpamaan (المشاكلة). Di sini dibuang perkataan binatang (المشبه به) dan diletakkan satu lambang yang ada padanya iaitu gemuk dan kurus (سمين ومهزول).</p>
7	<p>Ungkapan seorang Badwi: dalam satu pujian:</p> <p>فُلَانُ بَرْمِيْ بِطَرْفِهِ حَيْثُ أَشَارَ الْكَرْمُ</p> <p><i>Polan itu mencampak kerlingan matanya ke arah isyarat sifat pemurah (dermawan)</i></p>	<p>Pada bait ini diumpamakan sifat pemurah (الكرم) dengan manusia dalam (الإنسان) unsur perumpamaan (المشاكلة). Di sini dibuang perkataan manusia (المشبه به) dan diletakkan satu lambang yang ada padanya iaitu memberi isyarat (أشار).</p>
8	<p>Ungkapan seorang memuji keberanian suatu kaum:</p> <p>أَقْسَمَتْ سِيَوْفُهُمْ أَلَا تُضْبِغَ حَقًا لَهُمْ</p> <p><i>Pedang-pedang mereka bersumpah supaya tidak disia-siakan hak mereka</i></p>	<p>Pada ayat ini diumpamakan pedang-pedang (سيوف) dengan manusia (رجال) dalam (الإنسان) unsur perumpamaan (المشاكلة). Di sini dibuang perkataan manusia (المشبه به) dan diletakkan satu lambang yang ada padanya iaitu bersumpah (أقسم).</p>
9	<p><i>Kemurahanmu tidak pernah bertepi</i></p> <p>لَيْسَ لِجُودِكَ سَاحِلٌ</p>	<p>Pada bait ini diumpamakan sifat kemurahan (الجود) dengan laut (البحر) dalam unsur perumpamaan (المشاكلة). Seterusnya dibuang perkataan laut sebagai (المشبه به) dan diletakkan satu lambang yang ada padanya iaitu tepian (ساحل).</p>

2.2.1.11. Keindahan *Isti'arah*

Sebenarnya *isti'arah* dan perumpamaan (التشبيه) mempunyai hubungan yang rapat kerana kedua-duanya mengandungi elemen-elemen yang sama. Dengan kata lain *isti'arah* itu sendiri asalnya perumpamaan (التشبيه) yang digunakan dalam bentuk yang ringkas dan padat, tetapi ia lebih tinggi kedudukannya dari perumpamaan (التشبيه) tersebut. (Al-Sayyid al-Ha:shimiyy: 1991: 303). Justeru itu, menurut cendekiawan ilmu balaghah seni percakapan jenis ini lebih mendalam dan berkesan dari perumpamaan (التشبيه). Menurut 'Abdul al-Aziz bin 'Atiq (1985: 72): "Penggunaan *isti'arah* bertujuan untuk memperluas dan memperkembangkan bahasa".


Semua *isti'arah* berasal daripada *tashbi:h* (التشبيه) malah semua *tashbi:h* (التشبيه) berkaitan dengan *isti'arah*. Ia merupakan jenis perumpamaan (*tashbi:h*) yang tertinggi kedudukannya dalam bahasa Arab. Kaedah perumpamaan (*tashbi:h*) ini dilihat melalui dua elemannya iaitu peranti (الأداة) dan bentuk persamaan (وجه الشبه) yang dibuang kedua-duanya dalam ayat. Kaedah *isti'arah* pula dilihat melalui dua elemannya iaitu objek yang diserupakan (المشبّه) dan objek yang diserupakan dengannya (المشبّه به) yang dikekalkan atau dibuang salah satunya dalam ayat dan dibuang bentuk persamaan (وجه الشبه) serta peranti (الأداة الشبه).

Walaupun begitu, jika dibandingkan antara *isti'arah* dengan perumpamaan (التشبيه), maka *isti'arah* lebih kuat unsur keindahannya. Ini kerana dalam perumpamaan seperti *tashbi:h bali:gh* (تشبيه بلغ), unsur dan kandungan perumpamaan (التشبيه) masih lagi berlekar di minda penuturnya dan belum sampai ke tahap yang bersepadau antara elemen objek yang diserupakan (المشبّه) dan objek yang diserupakan dengannya (المشبّه به). Adapun dalam *isti'arah*, ia sudah sampai ke tahap yang bersepadau di mana kedua-dua elemen tersebut telah menjadi satu makna yang jauh lebih tinggi dari *tashbi:h bali:gh* (تشبيه بلغ) tersebut. Ia berada di alam yang lain di mana elemen-elemen

perumpamaan seperti objek yang diserupakan (*المتشبه*) dan objek yang diserupakan dengannya (*المتشبه به*) tidak lagi berlegar dalam minda penutur ketika mengungkapkan *isti'arah*. Ia dilihat sebagai satu unsur sahaja. *Tashbi:h bali:gh* (تشبيه بلغ) diumpamakan tangga lif yang bergerak melepas tingkat-tingkat dalam bangunan menuju ke tingkat yang tertinggi, maka *isti'arah* pula umpsama pengangkutan roket yang bukan sahaja melepas ketinggian bangunan tersebut malah melewati angkasa raya yang tidak bersempadan. (Bakri Sheikh Amin bahagian 2: 1982: 102). Itulah perbandingan kedudukan antara *isti'arah* dan *tashbi:h bali:gh* (تشبيه بلغ) dalam ilmu balaghah.

2.2.2. Penutup

Ungkapan *haqiqah* dan *majaz*, *majaz mursal* dan *isti'arah* mempunyai nilai keunikan dan keindahannya yang tersendiri dalam bahasa Arab. Ia perlu dikuasai oleh penuntut bahasa Arab untuk menikmati keindahan kesusasteraan (*التدوّق الأدبي*) terutamanya yang berkaitan dengan *i'ja:z al-Quran* kerana kedua-dua ungkapan jenis ini begitu terserlah digunakan oleh Allah SWT dalam menyampaikan mesej-Nya kepada manusia. Selain itu, kedua-dua ungkapan jenis ini juga terserlah dalam Hadith Rasulullah SAW, puisi dan prosa Arab sejak zaman-berzaman.



Rajah 2.0 *Kedudukan Topik Haqiqah Dan Majaz, Majaz Mursal*

Dan Isti'arah Dalam Ilmu Balaghah

(مبحث الحقيقة والمجاز، والمجاز المرسل، والاستعارة في علم البلاغة)

Kaitan Majaz Mursal عِلَاقَاتُ الْمَجَازِ الْمُرْسَلِ

Kaitan Sebab (السَّبَبِيَّة)

Kaitan Hasil (الْمُسَبِّبِيَّة)

Kaitan Sebahagian (الْجُزُءِيَّة)

Kaitan Keseluruhan (الْكُلِّيَّة)

Kaitan Mengambil Kira Masa Lalu (اعتِبَارُ مَا كَانَ)

Kaitan Mengambil Kira Masa Depan (اعتِبَارُ مَا يَكُونُ)

Kaitan Tempat (الْمَحَافِظَة)

Kaitan Keadaan (الْحَالَيَّة)

Jenis Isti'arah نُوْعًا لِلْإِسْتِعَارَةِ

Isti'arah Tasri:hīyyat (الاستعارة التصريحية)

Isti'arah Makniyyat (الاستعارة المكنية)

Rajah 2.1 Kaitan Majaz Mursal Dan Jenis Isti'arah

(عِلَاقَاتُ الْمَجَازِ الْمُرْسَلِ وَنُوْعًا لِلْإِسْتِعَارَةِ)

BAB TIGA

HAQIQAH DAN MAJAZ DALAM KURIKULUM BAHASA ARAB

3.0 Pendahuluan

Pada bab ini, penulis akan menghuraikan kedudukan topik *haqiqah* dan *majaz* dalam Kurikulum Bahasa Arab Peringkat Menengah yang digubal berdasarkan Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM). Penggubalan KBSM bersesuaian ke arah merealisasikan penerapan konsep-konsep seperti kesepaduan, penerapan nilai murni, bahasa merentas kurikulum dan kemahiran berfikir. Komponen ilmu Balaghah mula diperkenalkan kepada pelajar di peringkat menengah tingkatan empat dan berkesinambungan ke peringkat tingkatan lima. Topik *haqiqah* dan *majaz* pula terkandung dalam komponen ilmu balaghah peringkat menengah tingkatan empat.

Bagi tujuan tersebut, penulis merujuk beberapa dokumen terkini yang berkaitan iaitu Sukatan Pelajaran (SP) Bahasa Arab tahun 2006 dan Huraian Sukatan Pelajaran (HSP) Bahasa Arab bagi tingkatan empat tahun 2009 di mana format Bahasa Arab Tinggi (BAT) mulai 2004 yang sebelum ini telah ditransformasikan kepada Format Bahasa Arab (BA) mulai 2012 sebagaimana yang dikeluarkan oleh Bahagian Pembangunan Kurikulum (BPK), Kementerian Pelajaran Malaysia. Di samping itu, rujukan juga dilakukan terhadap Buku Teks Mata Pelajaran Bahasa Arab Tingkatan Empat yang dikeluarkan oleh Bahagian Buku Teks (BBT) dan Format Instrumen Pentaksiran Mata Pelajaran Bahasa Arab Sijil Pelajaran Malaysia mulai 2012 yang diterbitkan oleh Unit Agama, Sektor Pembinaan Ujian Akademik, Lembaga Peperiksaan Malaysia (LPM), Kementerian Pelajaran Malaysia.

Menurut penyataan dokumen-dokumen tersebut, operasi pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab peringkat menengah mencakupi pelbagai topik dan situasi tertentu yang disesuaikan melalui kesepaduan dan penggabung jalinan kemahiran-kemahiran bahasa dan komponen-komponen lain seperti nahu, saraf, balaghah,

mahfuza:t (suntingan- suntingan prosa dan puisi), kata-kata hikmah, perumpamaan dan sebagainya.

3.1 Objektif Am Pengajaran Dan Pembelajaran Bahasa Arab

Objektif am pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab peringkat menengah adalah untuk membolehkan pelajar menguasai empat kemahiran bahasa iaitu kemahiran mendengar, kemahiran bercakap, kemahiran membaca dan kemahiran menulis. Justeru itu, mereka dibekalkan dengan unsur-unsur pengayaan bahasa, selain kaedah-kaedah nahu dan saraf serta *mahfuza:t* terpilih dengan mempraktikkannya mengikut topik-topik dan situasi-situasi yang tertentu. Di samping itu, mereka juga dibekalkan dengan kemahiran menggunakan bahasa yang betul dan dapat membentuk keperibadian mereka dengan nilai-nilai murni dan akhlak terpuji. (Sukatan Pelajaran Bahasa Arab: 2006: 4)

3.2 Objektif Khas Pengajaran Dan Pembelajaran Bahasa Arab

Objektif khas pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab peringkat menengah ialah untuk membolehkan pelajar:

- i. Mendengar dan memahami hebahan-hebahan dan mampu memperkatakan mengenainya.
- ii. Mempraktikkan perbualan dengan fasih dalam pelbagai situasi.
- iii. Mempraktikkan pembacaan dalam pelbagai jenis bahan dan mampu memahaminya.
- iv. Mempraktikkan pelbagai jenis dan bentuk penulisan beserta mampu memahami kandungannya.
- v. Menguasai kemahiran penulisan khat Arab merangkumi khat *nasakh*, khat *riq ‘ah* dan khat *thuluth* mengikut kaedah-kaedahnya yang betul.
- vi. Menghafal wazan-wazan asas Saraf dan *mahfuza:t* pilihan serta mampu memperdengarkannya.
- vii. Menguasai kaedah-kaedah asas nahu bahasa Arab dan balaghah beserta

mampu menggunakannya secara praktikal.

- viii. Menguasai perbendaharaan kata tidak kurang dari 1500 patah perkataan bahasa Arab dan mampu menggunakannya dengan tepat.

(Sukatan Pelajaran Bahasa Arab: 2006: 4)

3.3 Objektif Pengajaran Dan Pembelajaran Bahasa Arab Tingkatan Empat

Disebabkan topik kajian terkandung dalam Sukatan Pelajaran tingkatan empat, maka objektif khas pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab tingkatan empat ialah untuk membolehkan pelajar :

- i. Menggunakan bahasa Arab untuk berinteraksi dengan orang lain.
- ii. Bertukar-tukar pendapat, maklumat dan idea dalam pelbagai topik.
- iii. Menggunakan pelbagai fungsi bahasa dalam perbualan dan penulisan.
- iv. Memperolehi pelbagai bahan dan khidmat melalui bahasa.
- v. Menggunakan bahasa bagi tujuan penerangan (makluman).
- vi. Menggunakan bahasa bagi tujuan keindahan seni (للتعبير الفني).
- vii. Kefahaman terhadap kaedah nahu yang telah ditetapkan.
- viii. Kefahaman terhadap kaedah asas saraf yang telah ditetapkan.
- ix. Penguasaan terhadap 300 perbendaharaan kata.

(Huraian SP Tingkatan Empat: 2009: 8)

3.4 Kandungan Bahasa (محتويات اللغة) Dalam Pelajaran Bahasa Arab Tingkatan Empat

Kandungan bahasa dalam Sukatan Pelajaran Bahasa Arab Tingkatan Empat ialah:

- i. Nahu (النحو)
- ii. Saraf (الصرف)
- iii. Balaghah (البلاغة)
- iv. Sistem bunyi (النظام الصوتي)

v. Perbendaharaan kata (المفردات)

vi. *Mahfuza:t* (المحفوظات)

(HSP Tingkatan Empat: 2009: 4)

3.5 Komponen Balaghah Tingkatan Empat

Sebagaimana penyataan sebelum ini, ilmu balaghah adalah satu komponen pelajaran bahasa Arab yang disepadukan dalam sistem KBSM. Ia tidak diperkenalkan sebagai satu pelajaran yang berasingan bahkan diajar bersama-sama komponen-komponen lain seperti nahu, saraf, sistem bunyi, perbendaharaan kata, mahfuza:t dan lain-lain. Guru-guru menggunakan satu sukanan dan satu huraian sukanan mata pelajaran bahasa Arab, manakala pelajar menggunakan sebuah buku teks sahaja.

3.6 Kandungan Komponen Balaghah (محتوى البلاغة) Tingkatan Empat

Pengajaran dan pembelajaran balaghah pada peringkat ini adalah asas untuk meningkatkan kemahiran-kemahiran, kebolehan-kebolehan dan penghayatan pelajar terhadap bahasa Arab dari aspek keindahan bahasa, kesesuaian penggunaan dan perkaitannya dengan gaya bahasa-gaya bahasa yang baik. Antara matlamatnya, pelajar mampu menguasai kaedah asas ilmu balaghah dan mengaplikasinya mengikut fungsinya yang sesuai". (Sukatan Pelajaran: 2006: 15)

3.7 Topik Komponen Balaghah Peringkat Menengah

Topik-topik komponen balaghah peringkat menengah mencakupi ketiga-tiga bahagian ilmu Balaghah iaitu ilmu *ma'a:ni:*, ilmu *bayandan* ilmu *badi:*. Berikut adalah topik-topik komponen balaghah bagi tingkatan empat dan lima:

i. Topik-Topik Bagi Tingkatan Empat

- .1 البلاغة وعلومها
- .2 التشبيه وأركانه وأنواعه من حيث أداة ووجه الشبه
- .3 الحقيقة والمجاز
- .4 الاستعارة (التصريحية والمكثفة)
- .5 المجاز المرسل

ii. Topik-Topik Bagi Tingkatan Lima

- .1 الأسلوب الخبري
- .2 الأسلوب الإنساني
- .3 السجع
- .4 الجناس
- .5 الاقتباس
- .6 الطباق
- .7 المقابلة

(Sukatan Pelajaran: 2006: 15)

Berdasarkan keterangan tersebut, topik *haqiqah* dan *majaz* beserta sub topik *majaz mursal* dan *isti'arah* adalah tiga topik utama dalam sukanan komponen balaghah tingkatan empat. Dari segi teori ilmu balaghah, ketiga-tiga topik ini berada dalam satu bahasan dalam bahagian ilmu *bayan*.

3.8 Objektif Pembelajaran (نتائج التعلم) Topik *Haqiqah* Dan *Majaz* Dan Cadangan Aktiviti

Objektif pembelajaran ialah hasil yang ingin dicapai oleh pelajar melalui sesuatu aktiviti pembelajaran yang dijalankan. Menurut HSP tingkatan empat tahun 2009,

pencapaian objektif hasil pembelajaran dalam kalangan pelajar terbahagi kepada tiga aras kumpulan iaitu kumpulan aras 1 bagi pelajar biasa, kumpulan aras 2 bagi pelajar sederhana cemerlang dan kumpulan aras 3 bagi pelajar cemerlang.

Objektif bagi kumpulan aras 1 sekurang-kurangnya hendaklah dicapai oleh semua pelajar, objektif bagi kumpulan aras 2 sekurang-kurangnya hendaklah dicapai oleh kumpulan aras 2 dan kumpulan aras 3, manakala objektif bagi kumpulan aras 3 sekurang-kurangnya hendaklah dicapai oleh kumpulan aras 3. Merujuk keterangan di atas, objektif kumpulan aras satu memfokuskan kepada pengetahuan, objektif kumpulan aras dua pula memfokuskan kepada pengetahuan dan aplikasi, manakala objektif kumpulan aras tiga memfokuskan kepada pengetahuan, aplikasi dan analisis.

3.8.1. Objektif Pembelajaran Komponen Balaghah Tingkatan Empat:

- i. Mampu menikmati keindahan gaya bahasa dan kesusasteraan Arab.
- ii. Kebolehan mengemukakan kritikan ilmiah terhadap gaya bahasa Arab.
- iii. Menguasai rahsia-rahsia ketinggian gaya bahasa al-Quran dan berbangga dengan keunikannya.
- iv. Membiasakan diri dengan gaya bahasa-gaya bahasa Arab yang indah Sehingga dapat mengaplikasikannya dalam pembacaan, penulisan dan ucapan (pidato).

(Huraian Sukatan Pelajaran Bahasa Arab Tingkatan Empat: 2009: 24)

3.8.2. Keterangan Objektif Pembelajaran Topik.

Pada akhir aktiviti pembelajaran yang dijalankan, pelajar mampu:

- i. Topik *haqiqah* dan *majaz*:
 - 1) Kumpulan aras satu
 - a. Mengenali ungkapan *haqiqah* dan *majaz*.
 - b. Mengenalpasti ungkapan *haqiqah* dan *majaz* dalam ayat atau perenggan.

- 2) Kumpulan aras dua
- Mengaplikasi ayat mudah melalui perkataan tertentu sama ada berbentuk *haqiqah* atau *majaz*.
- 3) Kumpulan aras tiga
- Mengaplikasi gaya bahasa *haqiqah* atau *majaz* dalam komunikasi.
 - Mengeluarkan kaedah-kaedah yang betul dan sesuai bagi gaya bahasa *haqiqah* atau *majaz*.
- ii. Sub topik *majaz mursal*:
- 1) Kumpulan aras satu
 - Mengenali *majaz mursal* dan perkaitan-perkaitannya (علاقتها)
 - Mengenal pasti perkaitan-perkaitan (*علاقات*) *majaz mursal* dalam ayat atau perenggan.
 - 2) Kumpulan aras dua
 - Mengemukakan contoh-contoh *majaz mursal* mengikut kaitan-Kaitannya (*علاقات*) yang dikehendaki.
 - 3) Kumpulan aras tiga
 - Mengeluarkan sebahagian contoh *majaz mursal* daripada al-Quran bersama keterangan kaitannya (علاقة).
 - Mengeluarkan kaedah-kaedah yang betul dan sesuai bagi *majaz mursal*.
- iii. Sub topik *isti ‘arah*:
- 1) Kumpulan aras satu
 - Mengenali *isti ‘arah tasri:hijiyat* dan *makniyyat*
 - Menentukan di antara dua jenis *isti ‘arah* tersebut dalam ayat atau perenggan

2) Kumpulan aras dua

- a. Membina ayat mudah yang mengandungi dua jenis *isti ‘arah taṣri:hiyyat* dan *makniyyat*.
- b. Membezakan di antara dua jenis *isti ‘arah taṣri:hiyyat* dan *makniyyat*.

3) Kumpulan aras tiga

- a. Mengaplikasi gaya bahasa *isti ‘arah taṣri:hiyyat* dan *makniyyat* dalam komunikasi.
- b. Mengeluarkan kaedah-kaedah yang betul dan sesuai bagi gaya bahasa *isti ‘arah*.

(Huraian Sukatan Pelajaran bahasa Arab Tingkatan Empat: 2009: 27)

3.8.3. Cadangan Aktiviti Pembelajaran Setiap Kumpulan Aras Bagi Topik Yang Dikaji

i. Topik *haqiqah* dan *majaz*:

1) Kumpulan aras satu

- a. Perbincangan mengenai topik *haqiqah* dan *majaz*.
- b. Mengadakan aktiviti perbualan, pembacaan dan penulisan untuk mengenalpasti *haqiqah* dan *majaz* dalam ayat atau perenggan.

2) Kumpulan aras dua

- a. Mengadakan aktiviti perbualan, pembacaan dan penulisan untuk mengaplikasi ungkapan *haqiqah* atau *majaz* dalam ayat mudah melalui perkataan tertentu.

3) Kumpulan aras tiga

- a. Mengadakan aktiviti perbualan, pembacaan dan penulisan untuk mengaplikasi ungkapan *haqiqah* atau *majaz* secara lisan (berkomunikasi).

ii. Sub topik *majaz mursal*:

- 1) Kumpulan aras satu
 - a. Pembacaan ayat atau perenggan tertentu yang mengandungi topik *majaz mursal* dan kaitan-kaitannya.
 - b. Perbincangan mengenai topik *majaz mursal* dan kaitan-kaitannya
- 2) Kumpulan aras dua
 - a. Mengadakan aktiviti perbualan, pembacaan dan penulisan untuk mengemukakan contoh-contoh *majaz mursal* mengikut kaitan-kaitannya dikehendaki.
- 3) Kumpulan aras tiga
 - a. Mengadakan aktiviti perbualan, pembacaan dan penulisan untuk mengeluarkan kaedah-kaedah yang betul dan sesuai bagi *majaz mursal*.

iii. Sub topik *isti ‘arah*:

- 1) Kumpulan aras satu
 - a. Pembacaan ayat atau perenggan yang tertentu mengandungi *isti ‘arah Tasri:hiyyat* dan *isti ‘arah makniyyat*
 - b. Perbincangan mengenai dua jenis *isti ‘arah tasrihiyyat* dan *makniyyat*
- 2) Kumpulan aras dua
 - a. Mengadakan aktiviti perbualan, pembacaan dan penulisan untuk membezakan di antara dua jenis *isti ‘arah tasrihiyyat* dan *isti ‘arah makniyyat* disertakan keterangan sebab (alasan).
- 3) Kumpulan aras tiga
 - a. Mengadakan aktiviti perbualan, pembacaan dan penulisan untuk mengeluarkan kaedah-kaedah yang betul dan sesuai bagi *isti ‘arah*.

3.9 Pendekatan Pengajaran Topik *Haqiqah* Dan *Majaz*

Di sini, penulis memanfaatkan pendekatan-pendekatan yang disarankan oleh para sarjana pendidikan bahasa dalam pengajaran ilmu balaghah termasuk topik yang menjadi medan kajian. Antaranya ialah:

i. Kaedah Induktif (*Al-Tariqat al-Istiqlaqiyyat/al-Istibraqiyyat*)

Kaedah ini merupakan kaedah yang sesuai untuk dijalankan dalam pengajaran mata pelajaran yang mempunyai kepelbagaiannya tajuk seperti komponen balaghah. Kaedah ini lebih menumpukan kepada memanfaatkan maklumat-maklumat lepas untuk digabungkan dengan maklumat-maklumat baru agar menjadi bahan ilmiah yang dapat disepadukan. Kaedah ini merupakan kaedah terkini yang popular digunakan dalam pengajaran mata pelajaran bahasa yang berteraskan kepada kaedah. Secara umumnya, pengajaran kaedah ini dimulakan dengan contoh-contoh, menghuraikannya dan mengeluarkan kaedah (Azhar Mohammad: 314).

ii. Kaedah Deduktif (*Al-Tariqat al-Qiyasiyyat*)

Kaedah ini disempurnakan dengan perpindahan daripada hukum umum (*kulliy*) kepada hukum yang lebih khusus (*juz'iy*). Pengajaran dimulakan dengan menyebut/mengingati kaedah atau hukum secara am dan mengukurnya dengan cara mengemukakan contoh-contoh bagi menyabitkan hukum tersebut (Ibid: 314).

3.10 Model Pengajaran Topik *Haqiqah* Dan *Majaz*

Di sini, penulis mengemukakan model pengajaran balaghah yang disesuaikan dengan topik *haqiqah* dan *majaz* dengan menggunakan kaedah induktif sebagaimana saranan sarjana pendidikan bahasa. Menurut Abd al-Mun'im (t.t: 142), langkah-langkah pengajarannya sebagaimana berikut :

- i. Pendahuluan
- ii. Pembentangan teks (nas) melalui papan hitam atau kad, buku dan sebagainya yang mengandungi topik *haqiqah* dan *majaz* yang akan diajar.
- iii. Guru membaca teks secara kuat dan jelas, kemudian guru meminta pelajar membacanya
- iv. Guru menerangkan maksud teks secara ringkas atau meminta pelajar menjalankan perbincangan sesama mereka mengenai perbendaharaan kata yang terdapat dalam teks untuk memahami teks secara umum. Semasa penerangan dan perbincangan berlangsung, guru menarik perhatian pelajar ke arah perkataan-perkataan *majaz* yang digunakan yang menunjukkan keunikan ungkapan tersebut sambil menjelaskan kepada mereka bahawa keunikan tersebut tidak terdapat pada ungkapan *haqiqah*.
- v. Guru memberi penerangan secara berterusan dengan membandingkan antara gaya bahasa *haqiqah* dan *majaz* sehingga yakin dan berpuas hati mengenai kefahaman pelajar terhadap keindahan topik tersebut
- vi. Secara beransur-ansur guru dan pelajar meneruskan perbincangan dan soal jawab sehingga mampu membuat rumusan mengenai kefahaman topik yang dipelajari (Memperkenalkan kaedah topik)
- vii. Bagi mengukuhkan kefahaman topik yang dipelajari, guru perlu menyediakan banyak latihan dengan pelbagai contoh dan bentuk supaya pelajar dapat menguasai topik tersebut dengan sebaik mungkin dan dapat merasai keunikan unsur balaghah melalui topik tersebut.
- viii. Guru juga perlu berperanan untuk memastikan latihan-latihan itu sentiasa diulang-ulang untuk membantu pelajar mengingati apa yang dipelajari. Penguasaan mereka terhadap topik hendaklah berdasarkan kepada kefahaman

dan kemampuan menikmati nilai-nilai keindahan unsur balaghah dalam teks tersebut.

Walaupun begitu, sarjana pendidikan bahasa Arab berpendapat guru bebas untuk mempraktikkan mana-mana teknik dan langkah pengajaran. Sesuatu yang penting ialah pengajaran itu berjaya dan mencapai objektifnya.

3.11 Komponen Balaghah Dalam Buku teks

Para pelajar dan guru bahasa Arab dari tingkatan satu sehingga ke tingkatan lima dibekalkan satu buku teks yang bertajuk "اللغة العربية" yang diterbitkan oleh Bahagian Buku Teks (BBT), Kementerian Pelajaran Malaysia. Penggubalan dan terbitan buku teks tersebut bertujuan ke arah merealisasikan penerapan konsep-konsep KBSM seperti kesepaduan, penerapan nilai murni, bahasa merentas kurikulum dan kemahiran berfikir.

Topik *haqiqah* dan *majaz* beserta sub topik *majaz mursal* dan *isti'arah* bagi komponen balaghah terkandung dalam buku teks "اللغة العربية للسنة الرابعة" iaitu "Bahasa Arab bagi tingkatan empat". Ia diletakkan dalam tiga tajuk yang berasingan sebagaimana yang ditetapkan oleh Sukatan Pelajaran Bahasa Arab. Kandungan topik-topik berkenaan merangkumi konsep dan definisi, contoh-contoh dan huraihan serta aktiviti-aktiviti latihan dan pengukuhan.

Kesepaduan teks dalam mengemukakan konsep-konsep sesuatu ilmu amat jelas kelihatan dalam buku teks bahasa Arab tersebut. Dalam sesuatu tajuk pelajaran, buku teks menyepadukan isi kandungan dari awal hingga akhir di samping menambah maklumat, pengetahuan, nilai serta kemahiran berfikir. Pelajar yang mempelajari balaghah contohnya, akan mendapat ia mempelajari kemahiran bahasa, nahu, nilai akhlak dan lain-lain secara sekaligus.

3.12 Format Instrumen Pentaksiran Balaghah Dalam Peperiksaan SPM

Format instrumen pentaksiran bahasa Arab bagi peperiksaan SPM terbahagi kepada tiga kertas iaitu kertas satu, kertas dua dan kertas tiga. Jenis instrumen bagi kertas satu ialah ujian objektif, kertas dua ujian subjektif manakala kertas tiga ujian lisan. Kertas satu mengandungi 40 soalan yang memperuntukkan sebanyak 80 markah. Kertas dua mengandungi empat soalan induk yang memperuntukkan sebanyak 100 markah, manakala kertas tiga mengandungi empat bahagian soalan induk yang memperuntukkan sebanyak 50 markah. Instrumen pentaksiran yang memperuntukkan komponen balaghah adalah pada kertas satu dan kertas dua sahaja. Ia memperuntukkan lebih kurang 19% daripada jumlah markah keseluruhan.

Berikut adalah contoh-contoh instrumen topik *haqiqah* dan *majaz* beserta sub topik *majaz mursal* dan *isti’arah* dalam komponen balaghah meliputi kedua-dua kertas tersebut:

1. Contoh soalan kertas satu

- i. *Haqiqah* dan *majaz* :

عين كلا من الحقيقة والمجاز فيما يأتي :

1) بكت النساء فبكت السماء لبكائهما.

الإجابة: _____

2) جرت السفينة في البحر.

الإجابة: _____

ii. *Majaz mursal:*

بين علاقة المجاز المرسل فيما يأتي :

1. سال الوادي.

الإجابة:

2. يقضي الطالب شطرا من الليل في ركوع وسجود.

الإجابة:

iii. *Isti 'arah:*

ميز بين التصريحية والمكتبة من الاستعارة الآتية:

1) دخل السحاب المجلس فقام الناس احتراما له.

الإجابة:

2) قال الحَاجُ : "إِنِّي لَأْرَى رُؤُوساً قَدْ أَيْنَعَتْ وَحَانَ قَطَافُهَا".

الإجابة:

2. Contoh soalan kertas dua

i. *Haqiqah dan majaz:*

استعمل كلا من الكلمات الآتية استعملا حقيقيا مرة ومجازيا مرة أخرى :

ا. الوردة.

ب. الشمس.

ii. *Majaz mursal*:

هات الأمثلة للمجاز المرسل للعلاقات الآتية :

ا. السببية.

ب. اعتبار ما كان.

iii. *Isti'arah*:

حول الاستعارة الآتية إلى التشبيه :

ا. طار الخبر في أنحاء العالم.

ب. سلمت على البحر فصافحي مبتسمـا.

3.13 Penutup

Komponen balaghah peringkat menengah adalah pengenalan asas terhadap topik-topik yang dikemukakan. Walaupun begitu, kesepaduan komponen ini dengan komponen-komponen lain amat penting dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab. Topik *haqiqah* dan *majaz* beserta sub topik *majaz mursal* dan *isti'arah* mendekatkan pelajar dengan keunikan dan keindahan ungkapan atau gaya bahasa al-Quran, Hadith Nabi SAW, puisi dan prosa Arab yang menjadi warisan terunggul dalam pengajian bahasa Arab.

BAB EMPAT

METODOLOGI KAJIAN

4.0. Pendahuluan

Kajian ini bertujuan untuk meninjau tahap penguasaan pelajar terhadap satu topik dalam komponen balaghah peringkat menengah. Topik yang menjadi medan kajian penulis adalah *haqiqah* dan *majaz* beserta sub topik *majaz mursal* dan *isti'arah*. Tinjauan dilakukan dalam kalangan pelajar tingkatan lima yang akan menduduki peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM). Penguasaan terhadap topik tersebut merangkumi item-item objektif kajian iaitu persepsi pelajar, tahap penguasaan pelajar dan kekangan yang dihadapi pelajar dalam mempelajari topik yang dikaji.

4.1. Reka bentuk kajian

Reka bentuk kajian merupakan panduan atau hala tuju sesuatu kajian ke arah mencari kesimpulan terhadap persoalan-persoalan kajian yang dikemukakan. Reka bentuk kajian ini berasaskan kepada kaedah tinjauan deskriptif yang bertujuan untuk meninjau dan mengenal pasti jawapan, pertamanya berkaitan persepsi pelajar peringkat menengah terhadap topik *haqiqah* dan *majaz* beserta sub topik *majaz mursal* dan *isti'arah*. Selain itu, untuk menganalisis tahap penguasaan topik tersebut dalam kalangan pelajar dan merumuskan kekangan yang dihadapi oleh pelajar dalam mempelajari topik tersebut.

Kajian ini menggunakan pendekatan kaedah gabungan antara kuantitatif dan kualitatif, kerana tajuk, objektif dan persoalan kajian memerlukan bentuk pendekatan ini. Kaedah kuantitatif merujuk kepada pemerolehan data secara statistik melalui instrumen soal selidik dan ujian khas. Manakala, kaedah kualitatif merujuk kepada pemerolehan data melalui instrumen kajian kepustakaan dan temu bual tidak berstruktur. Kaedah kuantitatif merupakan maklumat-maklumat yang menjawab setiap objektif dan persoalan kajian secara numerik . Manakala kaedah kualitatif mengandungi

maklumat-maklumat yang menjelaskan teori kajian selain menjawab setiap objektif dan persoalan kajian yang tidak berbentuk numerik. Semoga kombinasi dua kaedah ini dapat menghasilkan dapatan yang kukuh dan mantap.

Kerangka teknik soal selidik dan teknik ujian khas *haqiqah* dan *majaz* beserta sub topik *majaz mursal* dan *isti’arah* pula menggunakan beberapa modul pengkaji sebelum ini yang menjadi rujukan penulis. Antaranya kajian bertajuk “*Penguasaan Pelajar Sekolah Menengah Aliran Agama Terhadap Pengajian Ilmu Retorik Arab*” oleh (Azhar bin Muhammad et al.: 2006) dan “*Penguasaan Al-Balaghah Dan Permasalahannya Di Kalangan Pelajar Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM) (Kajian Di Sekolah-Sekolah Agama Negeri Selangor)*” oleh (Rosni bin Samah dan Mohammad Marwan bin Ismail : 2006). Selain itu, kajian yang bertajuk “*Jumlat Ismiyyat Dan Jumlat Fi’liyyat: Satu Kajian Kes Terhadap Bahasa Arab Pelajar tingkatan 4 & 5 SMKA Kelantan*” oleh (Zulkifli bin Junoh: 2000). Penulis memanfaatkan kajian-kajian tersebut khususnya dalam membentuk dan membina instrumen-instrumen kajian.

Penulis juga mengaplikasikan modul-modul daripada kajian-kajian tersebut dengan mengubah item-item tertentu untuk diadaptasi dengan topik kajian penulis bagi memperolehi segala maklumat yang berkaitan.

4.2. Lokasi Kajian

Penulis memilih dua buah sekolah menengah aliran agama kebangsaan iaitu Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA) Melor dan Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA) Tok Bachok sebagai lokasi kajian. Ini kerana kedudukannya sebagai sekolah aliran kebangsaan yang menawarkan mata pelajaran bahasa Arab sebagai subjek teras. Selain itu, perkembangan prestasi kedua-dua lokasi tersebut yang sedang meningkat maju ke hadapan dalam arena pendidikan. Maklumat ringkas mengenai dua lokasi tersebut sebagaimana berikut:

i. Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA) Melor

Ditubuhkan pada 4 Mac 1990 atas nama Sekolah Menengah Melor Dua. Di peringkat awal penubuhannya mendapat peruntukan pembinaan dari projek Bank Dunia sebagai tambahan kepada sekolah asal iaitu Sekolah Menengah Melor. Lokasinya terletak di kampung Padang Raja lebih kurang satu kilometer dari pekan Melor dan 4.5 kilometer dari pekan Ketereh, Kelantan. Selepas beberapa bulan beropersi, ia mendapat kelulusan Kementerian Pelajaran Malaysia untuk menukar nama kepada Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Melor, Padang Raja, Kota Bharu, Kelantan. Keluasan tapak seluas 15 ekar (6 hektar). Sekolah ini di bawah seliaan Pejabat Pelajaran Daerah (PPD) Kota Bharu. Jaraknya dari Kota Bharu lebih kurang 24 kilometer. SMKA Melor berkembang pesat, kini ia salah sebuah sekolah kawalan di negeri Kelantan di mana syarat kemasukan pelajar tingkatan satu mesti memperolehi 5A di peringkat Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR). Ia juga telah melakar beberapa kejayaan, antaranya Anugerah Sekolah Cemerlang (ASC) kelolaan KPM 2009 dan Anugerah Sekolah Kluster KPM 2011. Kini ia terus berkembang maju ke arah sebuah institusi akademik yang ulung dengan jumlah pelajar lebih kurang 750 orang.

ii. Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA) Tok Bachok

SMKA Tok Bachok ditubuhkan pada tahun 1999 . Ia terletak di Kg. Tangok, Jalan Bachok-Jelawat, Bachok, 16300 Kelantan. Sekolah ini di bawah seliaan Pejabat Pelajaran Daerah (PPD) Bachok, Kelantan. Sebelum itu, ia dikenali sebagai SMKA Tangok kemudian ditukarkan nama kepada SMKA Tok Bachok pada bulan Mac 2006. Pertukaran nama itu dilakukan sempena nama seorang tokoh pendidikan agama yang terkenal di daerah Bachok iaitu Haji Othman bin Haji Mohammad yang lebih dikenali sebagai Tok Bachok. SMKA Tok Bachok berkembang pesat, kini ia merupakan salah sebuah sekolah kawalan di negeri Kelantan di mana syarat kemasukan pelajar tingkatan

satu mesti memperolehi 5A di peringkat Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR). Antara kejayaan yang dicapai oleh SMKA Tok Bachok ialah Anugerah Sekolah Kluster KPM 2011. Kini ia terus berkembang maju sebagai sebuah institusi akademik yang ulung dengan jumlah pelajar lebih kurang 700 orang.

4.3. Persampelan Kajian

Sampel kajian ini terbahagi kepada dua pihak. Pertama, melibatkan pihak pelajar tingkatan lima yang merupakan calon peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM). Seramai 100 orang pelajar dipilih secara rawak merangkumi gender dan lokasi yang berlainan. Kedua, melibatkan pihak guru yang terbabit dalam pengajaran bahasa Arab di peringkat SPM. Seramai ilma orang guru dipilih secara rawak merangkumi gender dan lokasi yang berlainan. Kaedah pengumpulan data yang melibatkan persampelan ini adalah melalui soal selidik, ujian khas dan temu bual tidak berstruktur.

4.4. Pengumpulan Data Kajian

Pengumpulan data atau maklumat kajian dijalankan dengan menggunakan dua kaedah iaitu kuantitatif dan kualitatif. Kaedah kuantitatif adalah melalui pengedaran instrumen soal selidik dan ujian khas yang melibatkan data-data statistik yang berbentuk numerik. responden dikehendaki menjawab semua soalan yang disediakan terhadap instrumen yang digunakan. Di samping itu, bagi kaedah kualitatif, kajian kepustakaan dan temu bual tidak berstruktur dijalankan yang melibatkan pengumpulan data-data yang berkaitan teori kajian dan data-data yang tidak berbentuk numerik. Bagi mencapai tujuan kajian, penulis menggunakan dua kaedah pengumpulan data iaitu pengumpulan data primer dan pengumpulan data sekunder.

4.4.1. Pengumpulan Data Primer

Pengumpulan data primer bagi kajian ini melalui instrumen teknik soal selidik, instrumen teknik ujian khas *haqiqah* dan *majaz* beserta sub topik *majaz mursal* dan *isti ‘arah* dan instrumen teknik temu bual tidak berstruktur.

i. Instrumen Teknik Soal Selidik

Disebabkan fokus kajian ini kepada pengumpulan data, maka penggunaan teknik soal selidik sebagai instrumen pertama adalah paling relevan. Penulis menyediakan dua versi borang soal selidik yang mengandungi soalan-soalan yang menyentuh topik kajian. Versi pertama iaitu lampiran A dikhaskan kepada responden-responden dalam kalangan pelajar dan versi kedua iaitu lampiran B dikhaskan kepada responden-responden dalam kalangan guru mata pelajaran.

Soalan-soalan dibahagikan kepada dua bahagian. Bahagian (A) mengandungi soalan-soalan umum yang berkaitan dengan demografi responden, manakala bahagian (B) mengandungi soalan-soalan khusus yang berkaitan dengan objektif yang diutarakan dalam kajian ini, iaitu mengenai persepsi pelajar terhadap topik *haqiqah dan majaz* beserta sub topik *majaz majaz mursal* dan *isti'arah* dan kekangan yang dihadapi oleh pelajar dalam menguasai topik tersebut. Responden dalam kalangan pelajar dan guru itu akan diberi tempoh tertentu untuk menjawab setiap soalan soal selidik yang dikemukakan secara bertulis. Data yang diperolehi akan dikumpulkan untuk dianalisa. Teknik ini adalah asas kepada bab yang kelima yang melibatkan analisis data-data terkumpul secara praktiknya.

Item-item soal selidik tersebut mengandungi beberapa tema yang akan memfokuskan jawapan terhadap objektif dan persoalan kajian. Bagi objektif persepsi memuatkan tema-tema mengenai persepsi latar belakang, objektif dan faedah mempelajari topik, sikap dan minat dalam mempelajari topik, maklumat am berkaitan topik yang dikaji, kefahaman konsep, kemampuan mengaplikasi topik, kemampuan menganalisis, membandingkan topik dengan unsur bahasa Melayu (BM) dan menghubungkan topik dengan al-Quran, Hadith, puisi dan prosa Arab.

Manakala objektif kekangan memuatkan tema-tema kekangan mengenai persepsi dan minat, kekangan mengenai kesesuaian kandungan buku teks dan bahan rujukan,

kekangan mengenai kesesuaian masa yang diperuntukkan, kekangan mengenai amalan pengajaran guru dan amalan pembelajaran pelajar, kekangan melakukan persediaan awal dan mengulangkaji topik yang dipelajari, kekangan mengenai hubungan topik dengan bidang dan unsur bahasa yang lain dan kekangan mengenai penggunaan alat bantu mengajar (ABM)

ii. Instrumen Teknik Ujian Khas *Haqiqah* Dan *Majaz*

Teknik ujian khas *haqiqah* dan *majaz* iaitu lampiran C merupakan instrumen kedua yang digunakan penulis untuk mendapatkan maklumat yang berkaitan dengan penguasaan pelajar terhadap topik yang diutarakan. Satu naskah soalan ujian khas yang dikepulkan bersama borang soal selidik akan diedarkan kepada semua responden dalam kalangan pelajar. Mereka dikehendaki mengemukakan jawapan pada ruangan yang disediakan. Item-item ujian khas tersebut dibahagikan kepada dua bahagian iaitu pengetahuan umum responden terhadap topik yang dikaji dan penguasaan responden terhadap topik yang dikaji berdasarkan format kertas soalan bahasa Arab peperiksaan SPM. Setiap bahagian mengandungi beberapa tema yang akan memfokuskan jawapan terhadap objektif dan persoalan kajian. Bahagian pengetahuan umum responden terhadap topik yang kaji mengandungi tema-tema penguasaan latar belakang dan konsep (definisi) topik yang kaji, kefahaman istilah dan penguasaan konsep (definisi) *majaz mursal* dan *isti'arah*. Bahagian penguasaan responden terhadap topik yang dikaji berdasarkan format kertas soalan bahasa Arab peperiksaan SPM mengandungi tema-tema menentukan ayat-ayat *haqiqah* atau *majaz*, menentukan “*qari:nat*” (قرآن) pada ayat majaz, menerangkan ‘*ala:qat majaz mursal* pada ayat dan menerangkan jenis *isti'arah* pada ayat.

Responden akan diberi tempoh masa tertentu untuk menjawab setiap soalan yang dikemukakan secara bertulis. Seterusnya semua naskah soalan tersebut akan dipungut untuk penganalisisan bagi memenuhi tujuan dan objektif kajian. Melalui instrumen ini,

penulis mengharapkan agar mampu mengemukakan rumusan yang komprehensif terhadap tahap penguasaan topik *haqiqah* dan *majaz* dalam ilmu balaghah dalam kalangan pelajar peringkat menengah. Teknik ini juga adalah asas kepada bab yang kelima yang melibatkan analisis data-data terkumpul secara praktiknya.

iii. Instrumen Teknik Temu Bual Tidak Berstruktur

Teknik temu bual tidak berstruktur merupakan instrumen ketiga yang digunakan untuk mendapatkan data. Ia lebih menjurus kepada aspek keseluruhan idea yang dirasakan penting atau menarik minat penulis yang berlegar mengenai persepsi pelajar terhadap topik yang dikaji, persepsi pelajar mengenai aras kesukaran topik yang dikaji dan kekangan yang dihadapi pelajar untuk menguasai topik yang dikaji. Dalam proses pengumpulan data, penulis menggunakan teknik ini dengan mengajukan beberapa soalan yang berkaitan kepada sepuluh orang responden dalam kalangan guru dan pelajar yang dipilih secara rawak. Soalan-soalan yang dikemukakan melalui instrumen ini memfokuskan kepada jawapan terhadap objektif-objektif dan persoalan-persoalan kajian. Teknik ini juga adalah asas kepada bab yang kelima yang melibatkan analisis data-data terkumpul secara praktiknya.

4.4.2. Pengumpulan Data Sekunder

Pengumpulan data sekunder bagi kajian ini melalui instrumen teknik kepustakaan.

i. Instrumen Teknik Kepustakaan

Penulis melaksanakan teknik ini sebagai instrumen keempat untuk mendapatkan data dengan melakukan rujukan terhadap buku-buku, kertas kerja, jurnal, artikel, tesis dan bahan-bahan edaran daripada Kementerian Pelajaran Malaysia yang berkaitan dengan tajuk yang dikaji. Teknik ini akan digunakan sepenuhnya bagi menyempurnakan bab dua, bab tiga dan bab empat di mana kajian masih berada di peringkat teori. Selain itu, ia juga digunakan di peringkat menyediakan rumusan dan cadangan pada bab enam.

4.5. Penganalisisan Data

Dalam kajian ini, instrumen yang melibatkan penganalisisan data ialah:

- i. Instrumen soal selidik pelajar
- ii. Instrumen soal selidik guru
- iii. Instrumen ujian khas topik *haqiqah* dan *majaz* pelajar
- iv. Instrumen temu bual tidak berstruktur guru dan pelajar

Terdapat dua bentuk kaedah penganalisisan data iaitu :

- i. Kaedah Kuantitatif

Data yang dianalisis melalui kaedah kuantitatif dalam kajian ini ialah data teknik soal selidik pelajar, teknik soal selidik guru dan teknik ujian khas *haqiqah* dan *majaz* pelajar. Ia diedarkan kepada 100 orang responden dalam kalangan pelajar dan lima orang guru sebagai sampel kajian dari lokasi yang telah ditentukan. Penulis menggunakan pakej bantuan analisis statistik iaitu pengaturcaraan *IBM Statistical Package For Social Sciences (SPSS) versi 20* bagi tujuan menganalisis data.

Dapatan dan rumusan kajian ini nanti akan bergantung sepenuhnya kepada penggunaan data-data statistik yang diperoleh daripada huraian dapatan. Hasil analisis seterusnya disusun dan diolah dalam bentuk jadual supaya lebih mudah difahami.

Tatacara penganalisisan data kuantitatif adalah seperti berikut:

Jadual 4.0 Interpretasi Skor Min

Skor min	Tahap
1.00 hingga 2.00	Rendah
2.01 hingga 3.00	Sederhana rendah
3.01 hingga 4.00	Sederhana
4.01 hingga 5.00	Tinggi


Sumber: Nunnally dan Bernstein (1994)

ii. Kaedah Kualitatif

Data yang dianalisis melalui kaedah kualitatif dalam kajian ini ialah data temubual tidak berstruktur. Ia melibatkan sepuluh orang responden dalam kalangan pelajar dan guru yang dipilih secara rawak. Penulis tidak menukarkan data-data tersebut dalam bentuk angka seperti pendekatan kajian kuantitatif. Penulis cuba menghuraikan, memahami dan menjelaskan maksud tersurat dan tersirat daripada data-data tersebut supaya menjadi sesuatu yang bermakna.

4.6. Kerangka Kajian

Kerangka kajian ini diuraikan melalui carta aliran berikut:



Rajah 4.1 Carta Aliran Kerangka Kajian

4.7. Penutup

Penulis menjangkakan metodologi kajian yang dijalankan akan dapat menjayakan kajian ini. Menerusi instrumen-instrumen yang digunakan, penulis optimis akan memperolehi data-data yang konkrit dan mempunyai kesahan dan kebolehpercayaan yang tinggi. Ia dapat menghasilkan beberapa dapatan yang mampu menjawab persoalan-persoalan yang ditetapkan seterusnya mencapai objektif-objektif kajian.

BAB LIMA

ANALISIS DATA DAN PERBINCANGAN

5.0. Pendahuluan

Kajian ini bertujuan untuk meninjau tahap penguasaan pelajar peringkat menengah terhadap topik *haqiqah* dan *majaz* beserta sub topik *majaz mursal* dan *isti'arah*. Bagi memperolehi dapatan kajian, penulis menggunakan dua kaedah penganalisisan data iaitu kaedah kuantitatif yang melibatkan data-data numerik dan kaedah kualitatif yang tidak melibatkan data-data numerik. Kaedah kuantitatif melibatkan instrumen soal selidik dan ujian khas manakala kaedah kualitatif melibatkan instrumen temu bual tidak berstruktur.

Bagi penganalisisan data kaedah kuantitatif, penulis telah menyediakan dua naskah soalan soal selidik yang bertujuan untuk meninjau persepsi pelajar dan kekangan yang dihadapi pelajar dalam mempelajari topik. Di samping itu, penulis juga menyediakan satu naskhah ujian khas yang bertujuan untuk meninjau tahap penguasaan pelajar terhadap topik yang dikaji bagi mendapatkan data-data secara bertulis. responden yang terlibat dalam kajian ini terdiri daripada 100 orang pelajar dari tingkatan lima dan lima orang guru yang terlibat dalam pengajaran mata pelajaran bahasa Arab peringkat menengah. Semua responden dipilih secara rawak. Lokasi kajian ialah dua buah Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA), iaitu SMKA Melor dan SMKA Tok Bachok.

Soal selidik pelajar dibahagikan kepada dua bahagian, iaitu A dan B. Bahagian A mengandungi soalan-soalan umum mengenai demografi responden iaitu aliran pengajian, jantina, pencapaian BA PMR, pencapaian BA peringkat akhir tahun tingkatan 4, sebab memilih SMKA, menyedari BA sebagai subjek teras, minat dan sebab belajar BA, sebab mengambil subjek BA di peringkat SPM, dan komponen yang

diminati dalam pembelajaran BA. Manakala bahagian B mengandungi soalan-soalan khusus yang berkaitan dengan persoalan kajian iaitu mengenai pasti persepsi pelajar dan kekangan yang dihadapi oleh pelajar dalam menguasai topik *haqiqah* dan *majaz* beserta sub topik *majaz mursal* dan *isti ‘arah*.

Soal selidik guru juga dibahagikan kepada dua bahagian, iaitu A dan B. Bahagian A mengandungi soalan-soalan umum yang berkaitan dengan demografi responden iaitu jantina, kelulusan, opsyen, pengalaman mengajar dan kursus yang disertai. Manakala bahagian B mengandungi soalan-soalan khusus yang berkaitan dengan persoalan kajian iaitu pandangan guru mengenai persepsi pelajar dan kekangan yang dihadapi oleh pelajar dalam mempelajari topik *haqiqah* dan *majaz* beserta sub topik *majaz mursal* dan *isti ‘arah*.

Jadual 5.0 di bawah, menunjukkan bilangan borang soal selidik dan ujian khas yang telah diedarkan kepada responden dan yang telah dikembalikan. Semua responden memulangkan kembali borang soal selidik yang diedarkan.

Jadual 5.0 Taburan responden Kajian

Jenis Instrumen	Responden Kajian		Bilangan Set Soal Selidik Yang Diedarkan	Bilangan Pulangan
	Pelajar/Guru	Kuantiti		
Soal Selidik Pelajar	100 orang	100 orang	100 (100%)	100 (100%)
Soal Selidik Guru	5 orang	5 orang	5 (100%)	5 (100%)
Ujian Khas Pelajar	100 orang	100 orang	100 (100%)	100 (100%)

Bagi penganalisisan data kaedah kualitatif, penulis telah menjalankan temu bual tidak berstruktur bersama beberapa responden dalam kalangan guru dan pelajar yang dipilih secara rawak. Rakaman dilakukan bagi memudahkan proses penganalisisan data.

Soalan-soalan yang dikemukakan berkisar kepada objektif dan persoalan kajian. Satu rumusan akan dilakukan mengenai dapatan kedua-dua kaedah penganalisisan data itu.

5.1. Demografi responden Kajian

Demografi responden kajian terbahagi kepada dua dimensi iaitu demografi pelajar dan demografi guru. Ia bertujuan untuk memberi gambaran umum mengenai kedudukan pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab di SMKA. Taburan demografi responden ini secara tidak langsung berhubung kait dengan pengajaran dan pembelajaran ilmu balaghah khususnya topik yang dikaji.

5.1.1. Demografi Pelajar

Demografi pelajar berpandukan jadual 5.1 mengandungi item-item berikut:

Jadual 5.1 Taburan Demografi Pelajar

No	Item	Penyataan	Kekerapan	(%)
1	Aliran pengajian	Sains	94	94
		Sastera	6	6
2	Jantina	Lelaki	25	25
		Perempuan	75	75
3	Pencapaian PMR	A	41	41
		B	39	39
		C	19	19
		D	1	1
4	Pencapaian akhir tahun tingkatan empat	80-100	4	4
		70-90	4	4
		65-69	7	7
		60-64	12	12
		50-59	19	19
		40-49	32	32
		0-39	22	22

Item 1-4 menunjukkan taburan demografi pelajar dari aspek aliran pengajian, jantina, pencapaian bahasa Arab dalam peperiksaan PMR dan pencapaian bahasa Arab dalam peperiksaan akhir tahun tingkatan empat. Berdasarkan aliran pengajian responden daripada 100 orang yang dikaji, 94 peratus adalah dalam aliran sains dan selebihnya adalah aliran sastera. Dari aspek jantina, seramai 25 peratus adalah daripada

responden lelaki dan 75 peratus adalah perempuan. Walau bagaimanapun, bahasa Arab merupakan subjek teras di SMKA di mana semua pelajar diwajibkan mempelajari dan mengambil kertas bahasa Arab dalam peperiksaan SPM.

Dari aspek prestasi bahasa Arab dalam kalangan pelajar, jika dilakukan perbandingan antara pencapaian peringkat PMR dan pencapaian akhir tahun peringkat tingkatan empat, dapatkan menunjukkan pelajar-pelajar yang akan menduduki peperiksaan SPM mempunyai pencapaian yang berbagai-bagai dan tidak konsisten. Statistik menunjukkan hampir separuh responden iaitu sebanyak 41 peratus memperolehi keputusan cemerlang A dan sebanyak 39 peratus memperolehi keputusan B, manakala 19 peratus responden memperolehi pencapaian C dalam peperiksaan PMR.

Manakala pencapaian akhir tahun peringkat tingkatan empat kebanyakan responden memperolehi pencapaian yang sederhana dan rendah. Kebanyakan markah berkisar pada tahap berikut, iaitu markah 50-59 sebanyak 19 peratus, 40-49 sebanyak 32 peratus dan sebanyak 22 peratus memperolehi antara 0-39 markah. Hanya 4 peratus memperolehi pencapaian tahap A markah antara 80-100.

No	Item	Penyataan	Kekerapan	(%)
5	Sebab memilih SMKA	Kesedaran sendiri	79	79
		Paksaan ibu bapa	13	13
		Mengikut rakan	5	5
		Lain-lain	3	3
6	Menyedari BA subjek teras	Ya	95	95
		Tidak	5	5
7	Minat belajar BA	Minat	3	3
		Kurang minat	62	62
		Tidak minat	38	38

Item 5-7 menunjukkan taburan demografi pelajar dari aspek sebab memilih SMKA, kesedaran bahawa bahasa Arab adalah subjek teras di SMKA dan minat

responden terhadap bahasa Arab. Berdasarkan statistik yang diperolehi, pelajar-pelajar mempunyai kesedaran yang tinggi untuk memasuki SMKA iaitu sebanyak 79 peratus adalah atas kesedaran sendiri, 13 peratus kerana paksaan ibubapa dan hanya 5 peratus adalah mengikut rakan. Kebanyakan pelajar juga menyedari bahawa bahasa Arab adalah subjek teras di SMKA iaitu sebanyak 95 peratus.

Walau bagaimanapun, pada item minat mempelajari bahasa Arab, dapatan menunjukkan bahawa kebanyakan responden kurang berminat iaitu sebanyak 62 peratus dan tidak berminat iaitu sebanyak 38 peratus mempelajari bahasa Arab. Hanya sebanyak 3 peratus sahaja responden yang berminat mempelajari bahasa Arab. Berdasarkan dapatan statistik, sesuatu langkah perlu dilakukan untuk mengenal pasti masalah tersebut agar dapat menyemai minat terhadap bahasa Arab dalam kalangan pelajar. Ini kerana motivasi atau minat menjalankan sesuatu aktiviti merupakan faktor penting untuk berjaya.

No	Item	Penyataan	Maklumat	Kekerapan	(%)
8	Sebab-sebab mempelajari bahasa Arab	Memahami al-Quran	Ya	58	58
			Tidak	42	42
		Memahami bahasa ibadah	Ya	53	53
		Kesinambungan kelas KAFA/j-QAF	Tidak	47	47
			Ya	15	15
		Peluang melanjutkan pelajaran	Tidak	85	85
		Peluang pekerjaan	Ya	52	52
			Tidak	48	48
		Berkomunikasi dalam BA	Ya	35	35
		Dorongan keluarga	Tidak	65	65
			Ya	45	45
			Tidak	55	55
9	Sebab-sebab mengambil subjek BA peringkat SPM	Dorongan keluarga	Ya	12	12
			Tidak	78	78
		Berhasrat menyambung pelajaran dalam pelbagai bidang ilmu BA		40	40
		Peluang pekerjaan		29	29
		Terpaksa/ Tiada pilihan		24	24
		Lain-lain		7	7

Item 8 pula menunjukkan taburan yang berkaitan dengan faktor-faktor penyebab yang mendorong mereka mempelajari bahasa Arab. Taburan dapatan menunjukkan

faktor untuk memahami al-Quran sebanyak 58 peratus responden mengatakan ya, sebab memahami bahasa ibadah sebanyak 53 peratus mengatakan ya, sebab kesinambungan kelas KAFA/j-QAF sebanyak 15 peratus mengatakan ya, sebab peluang melanjutkan pelajaran sebanyak 52 peratus mengatakan ya, sebab peluang pekerjaan sebanyak 35 peratus mengatakan ya, sebab untuk berkomunikasi sebanyak 45 peratus mengatakan ya dan dorongan keluarga sebanyak 12 peratus mengatakan ya. Berdasarkan dapatan yang diperolehi, para pelajar masih memerlukan penerangan dan maklumat yang lebih terperinci mengenai sebab dan matlamat mempelajari bahasa Arab.

Manakala item 9 mengenai sebab pelajar mengambil subjek bahasa Arab di peringkat SPM. Dapatan menunjukkan sebanyak 40 peratus responden menyatakan kerana berhasrat untuk menyambung pelajaran dalam pelbagai bidang bahasa Arab, sebanyak 29 peratus menyatakan kerana peluang pekerjaan dan selebihnya sebanyak 24 peratus dan 7 peratus masing-masing kerana terpaksa atau tiada pilihan dan sebab-sebab lain. Berdasarkan dapatan tersebut, sebahagian pelajar masih memerlukan penerangan yang lebih jelas mengenai objektif dan prospek mempelajari bahasa Arab.

No	Item	Bidang	Penyataan	Kekerapan	(%)
10	Komponen yang paling diminati dalam BA	Nahu	Pilihan pertama	39	39
			Pilihan kedua	38	38
			Pilihan ketiga	15	15
			Pilihan keempat	16	16
			Pilihan kelima	6	6
			Pilihan keenam	1	1
			Pilihan ketujuh	1	1
		Saraf	Pilihan pertama	18	18
			Pilihan kedua	39	39
			Pilihan keempat	14	14
			Pilihan kelima	17	17
			Pilihan keenam	10	10
			Pilihan ke tujuh	2	2
		Balaghah	Pilihan pertama	38	38
			Pilihan kedua	39	39
			Pilihan ketiga	10	10
			Pilihan keempat	3	3
			Pilihan kelima	7	7
			Pilihan keenam	2	2
			Pilihan ketujuh	1	1
		Mahfuzah	Pilihan pertama	2	2
			Pilihan kedua	47	47
			Pilihan ketiga	2	2
			Pilihan keempat	10	10
			Pilihan kelima	13	13
			Pilihan keenam	15	15
			Pilihan ketujuh	11	11
		Nusus Adabiah	Pilihan pertama	2	2
			Pilihan kedua	46	46
			Pilihan keempat	2	2
			Pilihan kelima	9	9
			Pilihan keenam	25	25
			Pilihan ketujuh	16	16
		Membina ayat	Pilihan pertama	15	15
			Pilihan kedua	47	47
			Pilihan ketiga	1	1
			Pilihan keempat	7	7
			Pilihan kelima	5	5
			Pilihan keenam	5	5
			Pilihan ketujuh	20	20
		Bacaan teks	Pilihan pertama	32	32
			Pilihan kedua	38	38
			Pilihan ketiga	10	10
			Pilihan keempat	7	7
			Pilihan kelima	7	7
			Pilihan keenam	3	3
			Pilihan ketujuh	3	3

Item 10 bertujuan untuk melihat komponen atau bidang bahasa Arab yang paling diminati pelajar, iaitu nahu, Saraf, balaghah, *mahfuzah*, *nusus adabiat*, membina ayat dan karangan dan bacaan teks kefahaman. Dapatan kajian menunjukkan komponen balaghah termasuk di antara komponen yang diminati oleh pelajar iaitu pilihan pertama sebanyak 38 peratus responden, pilihan kedua sebanyak 39 peratus responden dan pilihan ketiga sebanyak 10 peratus responden.

Komponen-komponen lain yang diminati pelajar nahu pilihan pertama sebanyak 39 peratus responden, pilihan kedua sebanyak 38 peratus responden dan pilihan ketiga sebanyak 15 peratus responden. Bagi Saraf pula pilihan pertama adalah sebanyak 18 peratus responden, pilihan kedua sebanyak 39 peratus responden dan pilihan ketiga sebanyak 14 peratus responden. Sementara bacaan teks, pilihan pertama adalah sebanyak 32 peratus responden, pilihan kedua sebanyak 38 peratus responden dan pilihan ketiga sebanyak 10 peratus responden.

Komponen-komponen seperti *mahfuzat*, *nusus adabiat* dan membina ayat masing-masing memperolehi statistik tertinggi pada pilihan kedua iaitu *mahfuzat* sebanyak 47 peratus responden, *nusus adabiat* sebanyak 46 peratus responden dan membina ayat sebanyak 47 peratus responden. Berpandukan pilihan pertama dan pilihan kedua yang dilakukan, pelajar yang menunjukkan minat dan kecenderungan mereka terhadap komponen-komponen dalam bahasa Arab adalah seimbang.

5.1.2. Demografi Guru

Demografi guru bertujuan untuk meninjau latar belakang dan kedudukan tenaga pengajar bahasa Arab di SMKA. Berpandukan jadual 5.2 demografi tersebut mengandungi item-item berikut:

Jadual 5.2 Taburan Demografi Guru

No	Item	Penyataan	Kekerapan	(%)
1	Jantina	Lelaki	4	80.0
		Perempuan	1	20.0
2	Akademik	BA & Dip. Pendidikan (KPLI)	5	100
3	Opsyen	Bahasa Arab	3	60.0
		Agama	2	40.0
4	Pengalaman mengajar bahasa Arab tingkatan 1,2 dan 3	Kurang 1 tahun	1	20.0
		5 Tahun atau lebih	4	80.0
5	Pengalaman mengajar bahasa Arab tingkatan 4 dan 5	2-4 Tahun	1	20.0
		5 Tahun atau lebih	4	80.0
6	Kursus bahasa Arab	Pernah	4	80.0
		Tidak pernah	1	20.0
7	Kursus Pedagogi Balaghah	Tidak pernah	5	100

Item 1-7 pada jadual 5.2 menunjukkan latar belakang guru dari aspek jantina, akademik, opsyen, pengalaman mengajar tingkatan 1,2 dan 3, pengalaman mengajar tingkatan 4 dan 5, penglibatan dalam kursus bahasa Arab dan penglibatan dalam kursus pedagogi balaghah. Dari aspek jantina, responden yang terlibat seramai 4 orang atau sebanyak 80 peratus guru lelaki dan 1 orang atau sebanyak 20 peratus guru perempuan. Dari aspek akademik didapati kesemua responden iaitu sebanyak 100 peratus memperolehi pendidikan peringkat BA & Dip. Pendidikan (KPLI).

Dari aspek opsyen pula seramai 3 responden adalah dalam bidang bahasa Arab dan 2 orang dari aliran agama. Dari segi pengalaman mengajar bagi tingkatan 1, 2, 3, 4 dan 5, dapatan kajian menunjukkan seramai 4 orang telah mengajar lebih daripada 5 tahun untuk tingkatan-tingkatan tersebut. Sebanyak 80 peratus responden pernah menghadiri kursus bahasa Arab, namun kesemua guru iaitu sebanyak 100 peratus

responden tidak pernah menghadiri kursus pedagogi balaghah. Berdasarkan statistik yang diperolehi, menunjukkan bahawa tenaga pengajar bahasa Arab di SMKA adalah terdiri daripada mereka yang terlatih, berpengalaman dan mampu menjalankan tugas dengan baik serta mempunyai kredibiliti untuk membina kecemerlangan kepada pelajar.

5.2. Penganalisisan Data Deskriptif

Dapatan kajian adalah maklumat yang berkisar kepada jawapan terhadap persoalan-persoalan yang dikemukakan. Ia menjurus kepada objektif-objektif kajian iaitu mengenal pasti persepsi pelajar dalam mempelajari topik, menjelaskan tahap penguasaan pelajar terhadap topik dan merumuskan kekangan yang dihadapi pelajar dalam mempelajari topik yang dikaji. Menerusi kajian ini, terdapat dua kaedah penganalisisan data iaitu kaedah kuantitatif dan kaedah kualitatif.

5.2.1. Kaedah Kuantitatif

Data yang dianalisis melalui kaedah kuantitatif dalam kajian ini ialah data teknik soal selidik pelajar, teknik soal selidik guru dan teknik ujian khas pelajar. Berikut data-data yang diperolehi melalui penganalisisan kaedah kuantitatif yang disesuaikan mengikut objektif kajian.

5.2.1.1. Persepsi Pelajar Dalam Mempelajari Topik

Data mengenai persepsi pelajar dalam mempelajari topik diperolehi melalui dua dimensi iaitu responden dalam kalangan pelajar dan responden dalam kalangan guru. Sebanyak dua puluh lima item soalan dikemukakan kepada responden dalam kalangan pelajar dan guru untuk memperolehi data-data yang dikehendaki. Item-item tersebut dibahagikan kepada beberapa tema yang menjurus ke arah data yang dimaksudkan. Penulis akan membandingkan dapatan data daripada kedua-dua dimensi tersebut dan ulasan akan dikemukakan.

i. Analisis Persepsi Pelajar

Jadual 5.3 menunjukkan dapatan keseluruhan kajian. Ia mengandungi min, peratusan, kekerapan dan interpretasi min mengenai persepsi pelajar dalam mempelajari topik *haqiqah* dan *majaz*. Dapatan analisis data responden dalam kalangan pelajar seperti berikut:

Jadual 5.3 Taburan Kekerapan, Peratusan Dan Min Bagi Konstruk Persepsi responden Dalam Mempelajari Topik

- a) Latar belakang, objektif dan faedah mempelajari topik

No	Item	Sangat tidak setuju	Tidak setuju	Tidak pasti	Setuju	Sangat setuju	Min
1	Saya menyedari topik <i>haqiqah</i> dan <i>majaz</i> terdapat dalam komponen ilmu Balaghah bahasa Arab	1 (1%)	2 (2%)	10 (10%)	21 (21%)	45 (45%)	4.26
2	Saya memahami objektif mempelajari topik <i>haqiqah</i> dan <i>majaz</i>	3 (3%)	0 (0%)	20 (20%)	55 (55%)	22 (22%)	3.98
3	Saya memahami faedah mempelajari topik <i>haqiqah</i> dan <i>majaz</i>	1 (1%)	2 (2%)	32 (32%)	49 (49%)	16 (16%)	3.77

Item 1-3 menunjukkan taburan persepsi responden mengenai latar belakang, objektif dan faedah mempelajari topik *haqiqah* dan *majaz*. Taburan menunjukkan item 1 berada pada tahap tinggi dengan skor min sebanyak 4.26, manakala item 2 dan 3 berada pada tahap yang sederhana dengan skor min masing-masing sebanyak 3.98 dan 3.77. Respons “setuju” dan “sangat setuju” mencapai sebanyak antara 65-77 peratus. Berpandukan dapatan tersebut, responden mempunyai persepsi yang jelas mengenai latar belakang, objektif dan faedah mempelajari topik yang dikaji.

b) Sikap dan minat dalam mempelajari topik

No	Item	Sangat tidak setuju	Tidak setuju	Tidak pasti	Setuju	Sangat setuju	Min
4	Saya sangat berminat untuk mengetahui keunikan unsur balaghah pada topik <i>haqiqah</i> dan <i>majaz</i>	2 (2%)	2 (2%)	23 (23%)	39 (39%)	34 (34%)	4.01
5	Saya sentiasa positif untuk mempelajari topik <i>haqiqah</i> dan <i>majaz</i>	0 (0%)	4 (4%)	17 (17%)	57 (57%)	22 (22%)	3.97

Item 4-5 menunjukkan taburan persepsi responden mengenai sikap dan minat dalam mempelajari topik *haqiqah* dan *majaz*. Skor min item 4 berada pada tahap tinggi sebanyak 4.01, manakala item 5 berada pada tahap yang sederhana dengan skor min sebanyak 3.97. Taburan respons “setuju” dan “sangat setuju” sebanyak antara 73-79 peratus. Berdasarkan dapatan yang diperolehi, pelajar mempunyai sikap dan minat yang positif dalam mempelajari topik yang dikaji.

c) Maklumat am berkaitan topik yang dikaji

No	Item	Sangat tidak setuju	Tidak setuju	Tidak pasti	Setuju	Sangat setuju	Min
6	Saya menyedari topik <i>haqiqah</i> dan <i>majaz</i> terletak pada bahagian ilmu <i>bayan</i>	1 (1%)	11 (11%)	60 (60%)	17 (17%)	11 (11%)	3.26
7	Saya menyedari <i>majaz mursal</i> adalah sub topik di bawah bahasan <i>haqiqah</i> dan <i>majaz</i>	2 (2%)	4 (4%)	42 (42%)	40 (40%)	12 (12%)	3.56
8	Saya menyedari <i>isti'arah</i> adalah sub topik di bawah bahasan <i>haqiqah</i> dan <i>majaz</i>	3 (3%)	5 (5%)	36 (36%)	41 (41%)	15 (15%)	3.60

9	Saya mengetahui bahawa topik <i>haqiqah</i> dan <i>majaz</i> merupakan asas sebelum mempelajari <i>majaz mursal</i>	3 (3%)	6 (6%)	30 (30%)	44 (44%)	17 (17%)	3.66
10	Saya mengetahui bahawa topik <i>haqiqah</i> dan <i>majaz</i> merupakan asas sebelum mempelajari <i>isti 'arah</i>	2 (2%)	7 (7%)	34 (34%)	42 (42%)	15 (15%)	3.61

Item 6-10 menunjukkan taburan persepsi responden mengenai maklumat am berkaitan topik yang dikaji. Dapatan statistik menunjukkan skor min setiap item berada pada tahap yang sederhana. Item 6 iaitu “*saya menyedari topik haqiqah dan majaz terletak pada bahagian ilmu bayan*” berada pada tahap yang paling bawah dengan skor min sebanyak 3.26 manakala item 9 iaitu “*saya mengetahui bahawa topik haqiqah dan majaz merupakan asas sebelum mempelajari majaz mursal*” berada pada tahap yang paling tinggi dengan skor min sebanyak 3.66. Taburan yang menunjukkan pencapaian respons “setuju” dan “sangat setuju” bagi setiap item sebanyak antara 28-62 peratus. Berdasarkan dapatan yang diperolehi, persepsi maklumat am pelajar berkaitan topik yang dikaji berada pada tahap yang sederhana.

d) Kefahaman konsep

No	Item	Sangat tidak setuju	Tidak setuju	Tidak pasti	Setuju	Sangat setuju	Min
11	Saya dapat menerangkan konsep (definisi) <i>haqiqah</i> dan <i>majaz</i>	1 (1%)	10 (10%)	43 (43%)	37 (37%)	9 (9%)	3.43
12	Saya dapat menerangkan konsep (definisi) <i>majaz mursal</i>	2 (2%)	11 (11%)	56 (56%)	21 (21%)	10 (10%)	3.26
13	Saya dapat menerangkan konsep (definisi) <i>isti 'arah</i>	3 (3%)	11 (11%)	57 (57%)	22 (22%)	7 (7%)	3.19

Item 11-13 menunjukkan taburan persepsi responden mengenai kefahaman konsep topik yang dikaji. Dapatan statistik menunjukkan skor min setiap item berada pada tahap yang sederhana. Item 13 menerangkan konsep (definisi) *isti ‘arah* mendapat skor min yang paling rendah iaitu 3.19 manakala item 11 menerangkan konsep (definisi) *haqiqah* dan *majaz* mendapat skor min yang paling tinggi iaitu 3.43. Taburan respons “setuju” dan “sangat setuju” bagi setiap item kurang daripada 50 peratus. Ini menunjukkan konsep atau definisi *haqiqah* dan *majaz* adalah lebih mudah pada persepsi responden diikuti konsep (definisi) *majaz mursal* dan konsep (definisi) *isti ‘arah*. Walau bagaimanapun dapatan statistik menunjukkan tahap sederhana di mana kebanyakan responden tidak yakin dapat menerangkan konsep atau definisi topik yang dikaji.

e) Kemampuan mengaplikasi topik

No	Item	Sangat tidak setuju	Tidak setuju	Tidak pasti	Setuju	Sangat setuju	Min
14	Saya dapat mengaplikasi keunikan topik <i>haqiqah</i> dan <i>majaz</i> dalam latihan dan ujian	0 (0%)	9 (9%)	39 (39%)	44 (44%)	8 (8%)	3.51
15	Saya dapat mengaplikasi keunikan <i>majaz mursal</i> dalam latihan dan ujian	2 (2%)	8 (8%)	41 (41%)	39 (39%)	10 (10%)	3.47
16	Saya dapat mengaplikasi keunikan <i>isti ‘arah</i> dalam latihan dan ujian	2 (2%)	9 (9%)	49 (49%)	35 (35%)	5 (5%)	3.32

Item 14-16 menunjukkan taburan persepsi responden mengenai kemampuan mengaplikasi topik kajian. Dapatan statistik menunjukkan skor min setiap item berada pada tahap yang sederhana. Item 16 iaitu kemampuan mengaplikasi *isti ‘arah* mendapat skor min yang paling rendah iaitu 3.32 manakala kemampuan mengaplikasi *haqiqah* dan *majaz* mendapat skor min yang paling tinggi iaitu 3.51. Taburan yang menunjukkan

respons “setuju” dan “sangat setuju” sebanyak antara 40-52 peratus. Ini menunjukkan kemampuan mengaplikasi topik *haqiqah* dan *majaz* adalah lebih mudah pada persepsi responden diikuti kemampuan mengaplikasi topik *majaz mursal* dan kemampuan mengaplikasi topik *isti’arah*. Berdasarkan dapatan statistik, kebanyakan responden tidak yakin dapat mengaplikasi topik yang dikaji.

f) Kemampuan menganalisis

No	Item	Sangat tidak setuju	Tidak setuju	Tidak pasti	Setuju	Sangat setuju	Min
17	Saya dapat membezakan ‘alaqat (hubungan) <i>majaz mursal</i> menerusi soalan latihan yang dikemukakan	3 (3%)	13 (13%)	49 (49%)	28 (28%)	7 (7%)	3.23
18	Saya dapat membezakan jenis <i>isti’arah</i> menerusi soalan latihan yang dikemukakan	0 (0%)	9 (9%)	55 (55%)	28 (28%)	8 (8%)	3.35

Item 17-18 menunjukkan taburan persepsi responden mengenai kemampuan menganalisis topik kajian iaitu dapat membezakan ‘alaqat (kaitan) *majaz mursal* dan dapat membezakan jenis *isti’arah* menerusi soalan latihan yang dikemukakan. Dapatan statistik menunjukkan skor min yang diperolehi hanya berada pada tahap sederhana iaitu masing-masing 3.23 dan 3.35. Respons “setuju” dan “sangat setuju” setiap item hanya sebanyak 35 peratus dan 36 peratus. Kebanyakan respons yang diperolehi menyatakan “tidak pasti” iaitu masing-masing 49 peratus dan 55 peratus. Berdasarkan dapatan statistik, kebanyakan responden berada pada persepsi yang rendah mengenai kemampuan menganalisis topik yang dikaji.

g) Membandingkan topik dengan unsur dalam bahasa Melayu (BM)

No	Item	Sangat tidak setuju	Tidak setuju	Tidak pasti	Setuju	Sangat setuju	Min
19	Saya dapat membuat perbandingan antara topik <i>haqiqah</i> dan <i>majaz</i> dengan unsur bahasa Melayu	2 (2%)	4 (4%)	31 (31%)	49 (49%)	14 (14%)	3.69
20	Saya dapat membuat perbandingan antara <i>majaz mursal</i> dengan unsur bahasa Melayu	3 (3%)	4 (4%)	37 (37%)	43 (43%)	13 (13%)	3.59
21	Saya dapat membuat perbandingan antara <i>isti'arah</i> dengan unsur bahasa Melayu	1 (1%)	6 (6%)	44 (44%)	33 (33%)	16 (16%)	3.57

Item 19-21 menunjukkan taburan persepsi responden mengenai kemampuan membandingkan topik dengan unsur yang terdapat dalam bahasa Melayu (BM). Skor min bagi item-item tersebut berada pada tahap yang sederhana iaitu masing-masing 3.69, 3.59 dan 3.57. Taburan yang diperlehi menunjukkan respons yang positif pada item 19 iaitu “*kemampuan membandingkan topik haqiqah dan majaz dengan unsur bahasa Melayu*” di mana respons “setuju” dan “sangat setuju” sebanyak 63 peratus. Ia diikuti dengan item 20 iaitu persepsi “*kemampuan membandingkan topik majaz mursal dengan unsur bahasa Melayu*” di mana respons “setuju” dan “sangat setuju” sebanyak 56 peratus, manakala persepsi “*kemampuan membandingkan topik isti'arah dengan unsur bahasa Melayu*” berada pada tahap terendah di mana respons “setuju” dan “sangat setuju” sebanyak 49 peratus. Dapatkan ini juga sekaligus memperlihatkan topik *haqiqah* dan *majaz* paling mudah pada persepsi pelajar diikuti topik *majaz mursal* dan topik *isti'arah*.

h) Menghubungkan topik dengan al-Quran, Hadith , puisi dan prosa Arab

No	Item	Sangat tidak setuju	Tidak setuju	Tidak pasti	Setuju	Sangat setuju	Min
22	Saya menyedari bahawa al-Quran, Hadith , puisi dan prosa Arab kaya dengan unsur-unsur <i>haqiqah</i> dan <i>majaz</i>	2 (2%)	1 (1%)	11 (11%)	49 (49%)	37 (37%)	4.18
23	Saya dapat menghayati keunikan gaya bahasa al-Quran dan Hadith , puisi dan prosa Arab menerusi topik <i>haqiqah</i> dan <i>majaz</i> yang dipelajari	0 (0%)	4 (4%)	21 (21%)	48 (48%)	27 (27%)	3.98
24	Saya dapat menghayati keunikan gaya bahasa al-Quran dan Hadith , puisi dan prosa Arab menerusi <i>majaz mursal</i> yang dipelajari	1 (1%)	4 (4%)	35 (35%)	41 (41%)	19 (19%)	3.73
25	Saya dapat menghayati keunikan gaya bahasa al-Quran dan Hadith , puisi dan prosa Arab menerusi <i>majaz istia'rah</i> yang dipelajari	1 (1%)	2 (2%)	43 (43%)	36 (36%)	18 (18%)	3.68

Item 22-25 menunjukkan taburan persepsi responden mengenai hubungan topik kajian dengan al-Quran, Hadith , puisi dan prosa Arab. Dapatan statistik menunjukkan kebanyakan responden menyedari bahawa al-Quran, Hadith , puisi dan prosa Arab kaya dengan unsur-unsur *haqiqah* dan *majaz* dengan memperolehi skor min tahap tinggi sebanyak 4.18. Respons “setuju” dan “sangat setuju” mencapai tahap yang amat baik sebanyak 86 peratus. Item 23 iaitu “*kemampuan menghayati keunikan topik haqiqah dan majaz dengan gaya bahasa al-Quran dan Hadith , puisi dan prosa Arab*”, skor min yang diperolehi pada tahap sederhana 3.98. Respons “setuju” dan “sangat setuju” mencapai tahap yang baik sebanyak 75 peratus.

Item 24 iaitu “*kemampuan menghayati keunikan topik majaz mursal dengan gaya bahasa al-Quran dan Hadith , puisi dan prosa Arab*”, skor min yang diperolehi pada

tahap sederhana 3.73. Respons “setuju” dan “sangat setuju” mencapai tahap yang baik sebanyak 60 peratus. Manakala item 25 iaitu “*kemampuan menghayati keunikan topik majaz istia’rah dengan gaya bahasa al-Quran dan Hadith , puisi dan prosa Arab*”, skor min yang diperolehi pada tahap sederhana 3.68. Respons “setuju” dan “sangat setuju” pada tahap sebanyak 54 peratus. Taburan daripada persepsi responden tersebut juga menunjukkan keunikan topik *haqiqah* dan *majaz* lebih mudah dihayati dengan gaya bahasa al-Quran dan Hadith , puisi dan prosa Arab diikuti dengan keunikan topik *majaz mursal* dan keunikan topik *majaz istia’rah*.

ii. Analisis Persepsi Guru

Sebanyak dua puluh lima item soalan dikemukakan untuk memperolehi data mengenai persepsi guru terhadap pelajar dalam mempelajari topik *haqiqah* dan *majaz*. Item-item tersebut dibahagikan kepada beberapa tema yang menjurus ke arah data yang dimaksudkan berpandukan jadual 5.4 seperti berikut:

**Jadual 5.4 Taburan Kekerapan, Peratusan Dan Min Bagi Konstruk
Persepsi Guru Terhadap Pelajar Dalam Mempelajari Topik**

- a) Latar belakang, objektif dan faedah mempelajari topik

No	Item	Tidak setuju	Tidak pasti	Setuju	Sangat setuju	Min
1	Pelajar menyedari topik <i>haqiqah</i> dan <i>majaz</i> terdapat dalam komponen ilmu Balaghah bahasa Arab			2 (40%)	3 (60%)	4.60
2	Pelajar memahami objektif mempelajari topik <i>haqiqah</i> dan <i>majaz</i>		1 (20%)	2 (40%)	2 (40%)	4.20
3	Pelajar memahami faedah mempelajari topik <i>haqiqah</i> dan <i>majaz</i>		1 (20%)	3 (60%)	1 (20%)	4.00

Item 1-3 menunjukkan taburan persepsi responden dalam kalangan guru terhadap pelajar mengenai latar belakang, objektif dan faedah mempelajari topik *haqiqah* dan *majaz*. Dapatan menunjukkan skor min setiap item berada pada tahap tinggi dengan item 1 mencatat yang tertinggi sebanyak 4.60. Ia diikuti item 2 sebanyak 4.20 dan item 3 sebanyak 4.00. Taburan menunjukkan respons “setuju” dan “sangat setuju” mencapai 100 peratus bagi item 1 dan masing-masing 80 peratus bagi item 2 dan item 3. Berdasarkan dapatan statistik yang diperolehi, responden dalam kalangan guru berpendapat pelajar mempunyai persepsi yang amat jelas mengenai latar belakang, objektif dan faedah mempelajari topik yang dikaji.

b) Sikap dan minat dalam mempelajari topik

No	Item	Tidak setuju	Tidak pasti	Setuju	Sangat setuju	Min
4	Pelajar sangat berminat untuk mengetahui keunikan unsur balaghah pada topik <i>haqiqah</i> dan <i>majaz</i>		1 (20%)	2 (40%)	2 (40%)	4.20
5	Pelajar sentiasa positif untuk mempelajari topik <i>haqiqah</i> dan <i>majaz</i>		1 (20%)	2 (40%)	2 (40%)	4.20

Item 4-5 menunjukkan taburan persepsi responden dalam kalangan guru terhadap pelajar mengenai sikap, minat dan perasaan dalam mempelajari topik *haqiqah* dan *majaz*. Dapatan menunjukkan skor min setiap item berada pada tahap tinggi sebanyak 4.20. Taburan menunjukkan respons “setuju” dan “sangat setuju” mencapai tahap 80 peratus. Berdasarkan dapatan statistik yang diperolehi, responden dalam kalangan guru berpendapat pelajar mempunyai minat yang mendalam dan sikap yang positif dalam mempelajari topik.

c) Maklumat am berkaitan topik yang dikaji

No	Item	Tidak setuju	Tidak pasti	Setuju	Sangat setuju	Min
6	Pelajar menyedari topik <i>haqiqah</i> dan <i>majaz</i> terletak pada bahagian ilmu bayan		1 (20%)	3 (60%)	1 (20%)	3.80
7	Pelajar menyedari <i>majaz mursal</i> adalah sub topik di bawah bahasan <i>haqiqah</i> dan <i>majaz</i>		1 (20%)	4 (80%)		3.80
8	Pelajar menyedari <i>isti'arah</i> adalah sub topik di bawah bahasan <i>haqiqah</i> dan <i>majaz</i>		2 (40%)	1 (20%)	2 (40%)	4.00
9	Pelajar mengetahui bahawa topik <i>haqiqah</i> dan <i>majaz</i> merupakan asas sebelum mempelajari <i>majaz mursal</i>		1 (20%)	2 (40%)	2 (40%)	4.20
10	Pelajar mengetahui bahawa topik <i>haqiqah</i> dan <i>majaz</i> merupakan asas sebelum mempelajari <i>isti'arah</i>		1 (20%)	2 (40%)	2 (40%)	4.20

Item 6-10 menunjukkan taburan persepsi responden dalam kalangan guru terhadap pelajar mengenai maklumat am berkaitan topik yang dikaji. Dapatan statistik menunjukkan skor min bagi item 6 dan 7 berada pada tahap sederhana sebanyak 3.80, manakala item-item yang lain berada pada tahap tinggi iaitu item 8 sebanyak 4.00, item 9 dan 10 masing-masing sebanyak 4.20. Taburan menunjukkan respons “setuju” dan “sangat setuju” bagi setiap item mencapai tahap 80. Berdasarkan dapatan statistik yang diperolehi, responden dalam kalangan guru berpendapat maklumat am pelajar mengenai perkara tersebut sangat baik.

d) Kefahaman konsep

No	Item	Tidak setuju	Tidak pasti	Setuju	Sangat setuju	Min
11	Pelajar dapat menerangkan konsep (definisi) <i>haqiqah</i> dan <i>majaz</i>		1 (20%)	2 (40%)	2 (40%)	4.20
12	Pelajar dapat menerangkan konsep (definisi) <i>majaz mursal</i>		2 (40%)	3 (60%)		3.60
13	Pelajar dapat menerangkan konsep (definisi) <i>isti'arah</i>		1 (20%)	4 (80%)		3.80

Item 11-13 menunjukkan taburan persepsi responden dalam kalangan guru terhadap pelajar mengenai kefahaman konsep topik *haqiqah* dan *majaz*. Dapatkan statistik menunjukkan skor min bagi item 11 berada pada tahap tinggi iaitu sebanyak 4.20, manakala skor min bagi item 12 dan 13 berada pada tahap sederhana sebanyak 3.60 dan 3.80. Taburan menunjukkan respons “setuju” dan “sangat setuju” bagi setiap item mencapai tahap 60-80 peratus. Taburan tersebut juga menunjukkan konsep atau definisi *haqiqah* dan *majaz* adalah lebih mudah dikuasai pelajar pada persepsi responden. Namun begitu, responden dalam kalangan guru berpendapat konsep (definisi) *isti'arah* lebih mudah dikuasai pelajar berbanding dengan konsep (definisi) *majaz mursal*. Berdasarkan dapatkan statistik yang diperolehi, responden dalam kalangan guru berpendapat kefahaman konsep topik *haqiqah* dan *majaz* dalam kalangan pelajar adalah baik.

e) Kemampuan mengaplikasi topik

No	Item	Tidak setuju	Tidak pasti	Setuju	Sangat setuju	Min
14	Pelajar dapat mengaplikasi keunikan topik <i>haqiqah</i> dan <i>majaz</i> dalam latihan dan ujian		1 (20%)	4 (80%)		3.80
15	Pelajar dapat mengaplikasi keunikan <i>majaz mursal</i> dalam latihan dan ujian		1 (20%)	4 (80%)		3.80
16	Pelajar dapat mengaplikasi keunikan <i>isti 'arah</i> dalam latihan dan ujian		2 (40%)	3 (60%)		3.60

Item 14-16 menunjukkan taburan persepsi responden dalam kalangan guru terhadap pelajar mengenai kemampuan mengaplikasi topik *haqiqah* dan *majaz*. Dapatkan statistik menunjukkan pencapaian skor min bagi item 14 dan 15 sebanyak 3.80, manakala skor min bagi item 16 sebanyak 3.60. Semua responden memberikan respons “tidak pasti” dan “setuju” sahaja. Walaupun begitu, taburan respons “setuju” bagi item 14 dan 15 sebanyak 80 peratus, manakala item 16 sebanyak 60 peratus. Taburan tersebut juga menunjukkan kemampuan mengaplikasi topik *haqiqah* dan *majaz* dan *majaz mursal* dalam kalangan pelajar lebih mudah berbanding kemampuan mengaplikasi *isti 'arah*. Berdasarkan dapatkan statistik yang diperolehi, responden dalam kalangan guru berpendapat kemampuan pelajar dalam mengaplikasi topik *haqiqah* dan *majaz* berada pada tahap sederhana.

f) Kemampuan menganalisis

No	Item	Tidak setuju	Tidak pasti	Setuju	Sangat setuju	Min
17	Pelajar dapat membezakan ‘alaqat (hubungan) majaz mursal menerusi soalan latihan yang dikemukakan	1 (20%)	1 (20%)	3 (60%)		3.40
18	Pelajar dapat membezakan jenis <i>isti’arah</i> menerusi soalan latihan yang dikemukakan	1 (20%)	3 (60%)	1 (20%)		3.00

Item 17-18 menunjukkan taburan persepsi responden dalam kalangan guru terhadap pelajar mengenai kemampuan menganalisis topik kajian iaitu dapat membezakan ‘alaqat (hubungan) majaz mursal dan dapat membezakan jenis *isti’arah* menerusi soalan latihan yang dikemukakan. Pencapaian skor min bagi item 17 sebanyak 3.40 berada pada tahap sederhana dan item 18 sebanyak 3.00 berada pada tahap sederhana rendah. Semua responden memberikan respons “setuju”, “tidak setuju” dan “tidak pasti” sahaja. Taburan respons “setuju” bagi item 17 sebanyak 60 peratus, manakala bagi item 18 hanya sebanyak 20 peratus. Berpandukan dapatan statistik, responden dalam kalangan guru berpendapat kemampuan pelajar dalam menganalisis topik kajian berada pada tahap amat sederhana.

g) Membandingkan topik dengan unsur bahasa Melayu (BM)

No	Item	Tidak setuju	Tidak pasti	Setuju	Sangat setuju	Min
19	Pelajar dapat membuat perbandingan antara topik <i>haqiqah</i> dan <i>majaz</i> dengan unsur bahasa Melayu		1 (20%)	4 (80%)		3.80
20	Pelajar dapat membuat perbandingan antara <i>majaz mursal</i> dengan unsur bahasa Melayu		2 (40%)	3 (60%)		3.60
21	Pelajar dapat membuat perbandingan antara <i>isti'arah</i> dengan unsur bahasa Melayu		1 (20%)	4 (80%)		3.80

Item 19-21 menunjukkan taburan persepsi responden dalam kalangan guru terhadap pelajar mengenai kemampuan membandingkan topik kajian dengan unsur dalam bahasa Melayu (BM). Pencapaian skor min bagi item 19 dan 21 sebanyak 3.80 dan bagi item 20 sebanyak 3.60 berada pada tahap sederhana. Semua responden memberikan respons “tidak pasti” dan “setuju” sahaja. Taburan respons “setuju” bagi item 19 sebanyak 80 peratus, item 20 sebanyak 60 peratus, manakala bagi item 21 sebanyak 80 peratus. Taburan juga menunjukkan kemampuan pelajar membandingkan topik *isti'arah* dengan unsur dalam bahasa Melayu (BM) pada persepsi guru lebih mudah berbanding topik *majaz mursal*. Berpandukan dapatan statistik, responden dalam kalangan guru berpendapat kemampuan pelajar dalam membandingkan topik kajian dengan unsur dalam bahasa Melayu (BM) berada pada tahap sederhana.

- h) Menghubungkan topik dengan al-Quran, Hadith , puisi dan prosa Arab

No	Item	Tidak setuju	Tidak pasti	Setuju	Sangat setuju	Min
22	Pelajar menyedari bahawa al-Quran, Hadith , puisi dan prosa Arab kaya dengan unsur-unsur <i>haqiqah</i> dan <i>majaz</i> .		2 (40%)	3 (60%)		3.60
23	Pelajar dapat menghayati keunikan gaya bahasa al-Quran dan Hadith , puisi dan prosa Arab menerusi topik <i>haqiqah</i> dan <i>majaz</i> yang dipelajari		2 (40%)	3 (60%)		3.40
24	Pelajar dapat menghayati keunikan gaya bahasa al-Quran dan Hadith , puisi dan prosa Arab menerusi <i>majaz mursal</i> yang dipelajari		2 (40%)	3 (60%)		3.40
25	Pelajar dapat menghayati keunikan gaya bahasa al-Quran dan Hadith , puisi dan prosa Arab menerusi <i>isti'arah</i> yang dipelajari		4 (80%)	1 (20%)		3.20

Item 22-25 menunjukkan taburan persepsi responden dalam kalangan guru terhadap pelajar mengenai kemampuan menghubungkan topik dengan al-Quran, Hadith , puisi dan prosa Arab. Pencapaian skor min bagi item 22 sebanyak 3.60. Pencapaian skor min bagi item 23 dan 24 sebanyak 3.40, manakala item 25 sebanyak 3.20. Semua responden hanya memberikan respons “tidak pasti” dan “setuju”. Taburan respons “setuju” bagi item 22, 23 dan 24 sebanyak 60 peratus, manakala bagi item 25 sebanyak 20 peratus sahaja. Taburan di atas juga menunjukkan topik yang dikaji lebih mudah dikuasai melalui gaya bahasa al-Quran dan Hadith , puisi dan prosa Arab diikuti dengan topik *majaz mursal* dan topik *isti'arah*. Berdasarkan dapatan statistik, responden dalam

kalangan guru berpendapat kemampuan pelajar menghubungkan topik dengan puisi dan prosa Arab berada pada tahap sederhana.

5.2.1.2. Ulasan

Berdasarkan perbandingan dapatan analisis data antara responden pelajar dengan guru mengenai persepsi dan pengetahuan pelajar dalam mempelajari topik, menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang ketara. Kebanyakan tema menunjukkan tahap yang sederhana kecuali tema “*maklumat am berkaitan topik yang dikaji*”. Tema tersebut menunjukkan dapatan data responden dalam kalangan pelajar berada pada tahap sederhana, manakala responden dalam kalangan guru berada pada tahap tinggi. Keseluruhannya, persepsi dan pengetahuan pelajar dalam mempelajari topik yang dikaji berada pada tahap sederhana.

5.2.1.3. Penguasaan Pelajar Terhadap Topik *Haqiqah* Dan *Majaz*

Data tahap penguasaan pelajar mengenai topik *haqiqah* dan *majaz* diperolehi melalui ujian khas yang dijalankan. Ia dibahagikan kepada dua bahagian iaitu pengetahuan umum responden terhadap topik dan penguasaan responden terhadap topik berdasarkan format soalan kertas bahasa Arab peperiksaan SPM.

i. Pengetahuan Umum responden Terhadap Topik

Pengetahuan umum responden terhadap topik berpandukan jadual 5.5 berikut:

Jadual 5.5 Taburan Kekerapan Dan Peratusan Bagi Konstruk Tahap Penguasaan Pelajar Melalui Pengetahuan Umum responden Terhadap Topik

- a) Penguasaan latar belakang dan konsep (definisi) *haqiqah* dan *majaz*

No	Item	Salah		Betul	
		Kekerapan	(%)	Kekerapan	(%)
1	Topik <i>haqiqah</i> dan <i>majaz</i> dalam ilmu balaghah termasuk dalam bahagian...	8	(8%)	92	(92%)
2	Pengertian <i>haqiqah</i> dari segi bahasa ialah...	6	(6%)	94	(94%)
3	Pengertian <i>haqiqah</i> dari segi istilah ilmu balaghah ialah...	9	(9%)	91	(91%)
4	Pengertian <i>majaz</i> dari segi bahasa ialah...	56	(56%)	44	(44%)
5	Pengertian <i>majaz</i> dari segi istilah ilmu balaghah ialah...	34	(34%)	66	(66%)

Item 1-5 adalah taburan mengenai penguasaan pelajar terhadap latar belakang dan konsep (definisi) topik yang dikaji. Dapatan statistik menunjukkan pelajar mempunyai pengetahuan yang jelas mengenai latar belakang topik yang dikaji di mana respons “betul” pada item 1 mencapai tahap sebanyak 92 peratus. Begitu juga pada item 2 dan 3 iaitu pengertian *haqiqah* dari segi bahasa dan pengertian *haqiqah* dari segi istilah ilmu balaghah, respons “betul” yang diperolehi berada pada tahap memuaskan, masing-masing sebanyak 94 peratus dan 91 peratus.

Walau bagaimanapun, taburan dapatan menunjukkan penguasaan pelajar terhadap pengertian *majaz* dari segi bahasa dan dari segi istilah amat kurang memuaskan berbanding pengertian *haqiqah*. Respons “betul” yang diperolehi pada item 4 sebanyak 44 peratus sahaja, lebih rendah daripada respons “salah” sebanyak 56 peratus, manakala pada item 5 respons “betul” yang diperolehi oleh pelajar sebanyak 66 peratus sahaja. Ini menunjukkan konsep *haqiqah* lebih dikuasai oleh pelajar berbanding konsep *majaz* sama ada dari segi bahasa atau dari segi istilah.

b) Kefahaman istilah

No	Item	Salah		Betul	
		Kekerapan	(%)	Kekerapan	(%)
6	Makna “ <i>alaqat</i> ” (علاقة) ialah...	66	(66%)	34	(34%)
7	Makna “ <i>qari:nat</i> ” (قرينة) ialah...	47	(47%)	53	(53%)

Item 6-7 adalah taburan mengenai penguasaan pelajar terhadap dua istilah penting dalam topik yang dikaji. Dapatan data statistik menunjukkan tahap penguasaan pelajar terhadap dua istilah tersebut berada pada tahap kurang memuaskan. Item 6 bagi menjelaskan makna “*alaqat*”, respons “betul” hanya mencapai tahap sebanyak 34 peratus berbanding respons salah sebanyak 66 peratus. Ini bermaksud responden yang tidak menguasai istilah tersebut lebih ramai berbanding responden yang mampu menguasainya. Begitu juga pada item 7 iaitu menjelaskan makna “*qari:nat*”, respons “betul” yang diperolehi hanya sebanyak 53 peratus berbanding respons “salah” sebanyak 47 peratus. Walaupun respons “betul” mengatasi respons “salah”, namun jurang perbezaan amat sedikit menunjukkan sebahagian besar responden tidak dapat menguasai istilah tersebut.

- c) Kefahaman konsep (definisi) *majaz mursal* dan *isti ‘arah*

No	Item	Salah		Betul	
		Kekerapan	(%)	Kekerapan	(%)
8	Definisi <i>majaz mursal</i> (مجاز مرسل) ialah...	45	(45%)	55	(55%)
9	Definisi <i>isti ‘arah</i> (مجاز استعارۃ) ialah...	66	(66%)	34	(34%)

Item 8-9 menghuraikan taburan mengenai penguasaan pelajar terhadap konsep (definisi) topik yang dikaji. Dapatkan statistik menunjukkan tahap penguasaan pelajar terhadap konsep (definisi) *majaz mursal* dan *isti ‘arah* amat kurang memuaskan. Item 8 bagi menentukan konsep (definisi) *majaz mursal*, respons “betul” hanya mencapai tahap sebanyak 55 peratus berbanding respons salah sebanyak 45 peratus. Walaupun respons “betul” mengatasi respons “salah”, namun jurang perbezaan amat sedikit. Ini menunjukkan masih ramai responden yang tidak dapat menentukan konsep (definisi) *majaz mursal* dengan tepat.

Pada item 9 bagi menjelaskan konsep (definisi) *isti ‘arah* agak lebih ketara di mana taburan menunjukkan respons “betul” yang diperolehi hanya sebanyak 34 peratus, lebih rendah berbanding respons “salah” sebanyak 66 peratus. Ini menggambarkan responden yang tidak menguasai konsep (definisi) tersebut lebih ramai berbanding responden yang menguasainya. Selain itu, dapatan taburan tersebut juga menunjukkan definisi *majaz mursal* lebih mudah dikuasai pelajar berbanding definisi *isti ‘arah*.

ii. Penguasaan responden Terhadap Topik Berdasarkan Format Soalan Kertas Bahasa Arab Peperiksaan SPM

Penguasaan responden terhadap topik kajian berdasarkan format soalan kertas bahasa Arab peperiksaan SPM berpandukan jadual 5.6 berikut:

Jadual 5.6 Taburan Kekerapan Dan Peratusan Bagi Konstruk Tahap Penguasaan Pelajar Terhadap Topik *Haqiqah* Dan *Majaz* Berdasarkan Format Soalan Kertas Bahasa Arab Peperiksaan SPM

- a) Menentukan ayat-ayat *haqiqah* atau *majaz*:

No.	Item	Salah		Betul	
		Kekerapan	(%)	Kekerapan	(%)
1	أَصْبَحَتِ الْزَّهُورُ مِبْتَسِمَةً فِي الْحَدِيقَةِ	42	(42%)	58	(58%)
2	تَسْلِمَ الْمُتَفَوِّقُونَ جَوَازَهُمْ مِنَ الْوَزِيرِ	33	(33%)	67	(57%)
3	أَنْشَدَ الْأَنْصَارُ: "طَلَعَ الْبَدْرُ عَلَيْنَا مِنْ شَيْئَاتِ الْوَدَاعِ"	22	(22%)	78	(78%)
4	الْفَتَاهُ تَسْرِحُ شِعْرَهَا أَمَامَ الْمَرْأَةِ	37	(37%)	63	(63%)
5	يَعِيشُ الْأَسْدُ فِي الْغَابَةِ	38	(38%)	62	(62%)

Item 1-5 menunjukkan taburan penguasaan pelajar terhadap topik *haqiqah* dan *majaz* berdasarkan format soalan kertas bahasa Arab peperiksaan SPM. Konstruk yang diuji ialah “tentukan ayat-ayat berikut sama ada *haqiqah* atau *majaz*”. Berdasarkan taburan data yang diperolehi, respons “betul” yang dikemukakan bagi setiap item antara 58-78 peratus. Ini menunjukkan majoriti responden dapat menguasai topik *haqiqah* dan *majaz* berdasarkan format soalan tersebut. Namun begitu, bukanlah berada pada tahap yang amat memuaskan. Taburan item 3 iaitu “أَنْشَدَ الْأَنْصَارُ: طَلَعَ الْبَدْرُ عَلَيْنَا مِنْ شَيْئَاتِ الْوَدَاعِ” mencatatkan jumlah peratusan tertinggi sebanyak 78 peratus iaitu bermaksud seramai 78 orang mampu menjawab dengan betul soalan yang diberikan. Manakala taburan item 1 iaitu “أَصْبَحَتِ الْزَّهُورُ مِبْتَسِمَةً فِي الْحَدِيقَةِ” mencatatkan jumlah peratusan terendah sebanyak 58 peratus iaitu bermaksud seramai hanya 58 orang mampu menjawab dengan betul soalan yang dikemukakan.

- b) Menentukan “*qari:nat*” (قرينة) pada ayat *majaz* berikut:

No.	Item	Salah		Betul	
		Kekerapan	(%)	Kekerapan	(%)
6	عين القرينة في المجاز الآتي: "اجتمعت في قاعة الندوة".	85	(85%)	15	(15%)

Item 6 menunjukkan taburan penguasaan pelajar terhadap konstruk “*tentukan “qari:nat” pada ayat majaz*” yang juga berdasarkan format soalan kertas bahasa Arab peperiksaan SPM. Data yang diperolehi menunjukkan penguasaan pelajar terhadap istilah “*qari:nat*” berada pada tahap yang amat kurang memuaskan. Skor menjawab “betul” dalam kalangan responden hanya sebanyak 15 peratus, manakala skor menjawab “salah” dalam kalangan mereka sebanyak 85 peratus. Dapatkan ini menunjukkan walaupun penguasaan definisi *qari:nat* melebihi 50 peratus pada item sebelum ini, namun pelajar berada pada tahap yang rendah dalam menentukan *qari:nat* yang terdapat pada ayat *majaz* secara amali.

- c) Menerangkan ‘*alaqat majaz mursal* pada perkataan yang bergaris dalam ayat-ayat berikut:

No.	Item	Salah		Betul	
		Kekerapan	(%)	Kekerapan	(%)
7	شرب المصربون ماء النيل	61	(61%)	39	(39%)
8	قال الله تعالى: {ويترّ لكم من السماء رزقا}	39	(39%)	61	(61%)

Item 7-8 menunjukkan taburan penguasaan pelajar terhadap konstruk “*terangkan ‘alaqat majaz mursal pada perkataan yang bergaris dalam ayat’*” yang juga berdasarkan format soalan kertas bahasa Arab peperiksaan SPM. Pada item 7 skor menjawab “betul”

hanya sebanyak 39 peratus berbanding sebanyak 61 peratus pada skor menjawab “salah”. Sebaliknya, pada item 8 skor menjawab “betul” mengatasi skor menjawab “salah” iaitu sebanyak 61 peratus berbanding hanya sebanyak 39 peratus. Berdasarkan data yang diperolehi menunjukkan penguasaan pelajar terhadap konstruk ini kurang meyakinkan dan tidak konsisten.

- d) Menerangkan jenis *isti’arah* pada ayat-ayat berikut:

No	Item	Salah		Betul	
		Kekerapan	(%)	Kekerapan	(%)
9	قال الحَجَّاجُ : "إِنِّي لِأَرِي رُؤُوسًا قدْ أُبَيَّنَتْ وَهَانَ قَطَافُهَا"	56	(56%)	44	(44%)
10	قال الله تعالى: {كتاب أَنزَلْنَاهُ إِلَيْكُمْ لِتَخْرُجَ النَّاسُ مِنَ الظُّلُمَاتِ إِلَى النُّورِ}	57	(57%)	43	(43%)

Item 9-10 menunjukkan taburan penguasaan pelajar terhadap konstruk “*terangkan jenis isti’arah pada ayat*” yang juga berdasarkan format soalan kertas bahasa Arab peperiksaan SPM. Data yang diperolehi menunjukkan penguasaan pelajar terhadap konstruk ini amat kurang memuaskan di mana respons jawapan “salah” dalam kalangan responden melebihi respons jawapan “betul” pada kedua-dua item. Ini menunjukkan responden yang mengemukakan jawapan yang salah lebih ramai daripada responden yang mengemukakan jawapan yang betul. Pada item 9, taburan data menunjukkan skor jawapan “salah” sebanyak 56 peratus berbanding skor jawapan “betul” sebanyak 44 peratus. Begitu juga pada item 10, taburan data menunjukkan skor jawapan “salah” sebanyak 57 peratus berbanding skor jawapan “betul” sebanyak 43 peratus.

5.2.1.4. Kekangan Yang Dihadapi Oleh Pelajar Dalam Menguasai Topik

Analisis data ini bertujuan untuk meninjau apakah kekangan-kekangan yang dihadapi pelajar dalam mempelajari topik yang dikaji. Ia diperolehi melalui dua dimensi iaitu responden dalam kalangan pelajar dan responden dalam kalangan guru. Sebanyak dua puluh lima item soalan dikemukakan kepada responden dalam kalangan pelajar dan dua puluh tiga item soalan dikemukakan kepada responden dalam kalangan guru untuk memperolehi data-data tersebut. Item-item dibahagikan kepada beberapa tema yang menjurus ke arah data yang dimaksudkan. Penulis akan membandingkan dapatan data daripada kedua-dua pihak tersebut dan ulasan akan dikemukakan.

i. Analisis Data responden pelajar

Kekangan yang dihadapi oleh pelajar dalam menguasai topik berpandukan jadual 5.7 berikut:

**Jadual 5.7 Taburan Kekerapan, Peratusan Dan Min Bagi Konstruk
Kekangan Yang Dihadapi Oleh Pelajar Dalam Menguasai Topik**

a) Kekangan mengenai persepsi dan minat

No	Item	Sangat tidak setuju	Tidak setuju	Tidak pasti	Setuju	Sangat setuju	Min
1	Saya mempunyai persepsi yang positif mengenai topik <i>haqiqah</i> dan <i>majaz</i>	1 (1%)	2 (2%)	25 (25%)	51 (51%)	21 (21%)	3.89
2	Saya sangat berminat untuk mempelajari topik <i>haqiqah</i> dan <i>majaz</i>	2 (2%)	1 (1%)	13 (13%)	58 (58%)	28 (28%)	4.05
3	Saya menyedari topik <i>haqiqah</i> dan <i>majaz</i> berkait rapat dengan keunikan gaya bahasa al-Quran, Hadith , puisi dan prosa Arab	2 (2%)	2 (2%)	11 (11%)	51 (51%)	34 (34%)	4.13

Item 1-3 menunjukkan taburan kekangan yang dihadapi oleh pelajar mengenai persepsi dan minat dalam mempelajari topik *haqiqah* dan *majaz*. Pencapaian skor min bagi item 1 berada pada tahap sederhana sebanyak 3.89, bagi item 2 dan 3 berada pada tahap tinggi, masing-masing sebanyak 4.05 peratus dan 4.13 peratus. Taburan respons “setuju” dan “sangat setuju” yang diperolehi pada tahap baik iaitu bagi item 1 sebanyak 72 peratus, manakala bagi item 2 sebanyak 86 peratus dan item 3 sebanyak 85 peratus. Berpandukan dapatan statistik tersebut menunjukkan pelajar tidak menghadapi banyak kekangan mengenai persepsi dan minat dalam pembelajaran topik yang dikaji.

b) Kekangan mengenai kesesuaian kandungan buku teks dan bahan rujukan

No	Item	Sangat tidak setuju	Tidak setuju	Tidak pasti	Setuju	Sangat setuju	Min
4	Saya melihat kandungan nota, latihan dan aktiviti dalam buku teks mengenai topik <i>haqiqah</i> dan <i>majaz</i> bersesuaian dengan sukanan mata pelajaran	1 (1%)	5 (5%)	22 (22%)	57 (57%)	15 (15%)	3.80
5	Saya melihat kandungan nota, latihan dan aktiviti dalam buku teks mengenai <i>majaz mursal</i> bersesuaian dengan sukanan mata pelajaran	2 (2%)	5 (5%)	32 (32%)	46 (46%)	15 (15%)	3.67
6	Saya berpandangan kandungan nota, latihan dan aktiviti dalam buku teks mengenai <i>isti’arah</i> bersesuaian dengan sukanan mata pelajaran	2 (2%)	2 (2%)	36 (36%)	49 (49%)	11 (11%)	3.65
7	Selain buku teks, saya juga dibekalkan dengan bahan rujukan lain dalam pembelajaran topik <i>haqiqah</i> dan <i>majaz</i>	3 (3%)	2 (2%)	20 (20%)	48 (48%)	29 (29%)	4.00
8	Saya dapat mengaitkan nota, latihan dan aktiviti dalam buku teks mengenai topik <i>haqiqah</i> dan <i>majaz</i> dengan format soalan SPM	1 (1%)	5 (5%)	24 (24%)	48 (48%)	22 (22%)	3.85
9	Saya dapat mengaitkan nota, latihan dan aktiviti dalam buku teks mengenai <i>majaz mursal</i> dengan format soalan SPM	2 (2%)	4 (4%)	37 (37%)	42 (42%)	15 (15%)	3.64

10	Saya dapat mengaitkan nota, latihan dan aktiviti dalam buku teks mengenai <i>isti'arah</i> dengan format soalan SPM	2 (2%)	4 (4%)	37 (37%)	42 (42%)	15 (15%)	3.64
----	---	-----------	-----------	-------------	-------------	-------------	------

Item 4-10 menunjukkan taburan kekangan yang dihadapi oleh pelajar mengenai kesesuaian kandungan buku teks dan bahan rujukan dalam mempelajari topik *haqiqah* dan *majaz*. Pencapaian skor min kebanyakan item berada pada tahap sederhana kecuali pada item 7 iaitu “*selain buku teks, saya juga dibekalkan dengan bahan rujukan lain dalam pembelajaran topik*” sebanyak 4.00 berada pada tahap tinggi. Pencapaian skor min terendah pada item 9 dan 10 iaitu “*saya dapat mengaitkan nota, latihan dan aktiviti dalam buku teks mengenai majaz mursal dengan format soalan SPM*” dan “*saya dapat mengaitkan nota, latihan dan aktiviti dalam buku teks mengenai isti'arah dengan format soalan SPM*” sebanyak 3.64 berada pada tahap sederhana. Taburan respons “setuju” dan “sangat setuju” yang diperolehi pada setiap item sebanyak antara 57-77 peratus. Namun begitu, taburan respons “tidak pasti” yang diperolehi sebanyak antara 20-37 peratus yang menunjukkan responden tidak pasti kesesuaian kandungan buku teks dan bahan rujukan dalam mempelajari topik *haqiqah* dan *majaz*.

c) Kekangan mengenai kesesuaian masa yang diperuntukkan

No	Item	Sangat tidak setuju	Tidak setuju	Tidak pasti	Setuju	Sangat setuju	Min
11	Saya berpandangan masa yang diperuntukkan dalam jadual waktu untuk pembelajaran topik <i>haqiqah</i> dan <i>majaz</i> mencukupi dan sesuai	2 (2%)	11 (11%)	35 (35%)	43 (43%)	9 (9%)	3.46
12	Saya berpandangan masa yang diperuntukkan dalam jadual waktu untuk pembelajaran <i>majaz mursal</i> mencukupi dan sesuai	1 (1%)	10 (10%)	34 (34%)	47 (47%)	8 (8%)	3.51
13	Saya berpandangan masa yang diperuntukkan dalam jadual waktu untuk pembelajaran <i>isti'arah</i> mencukupi dan sesuai	3 (3%)	9 (9%)	31 (31%)	43 (43%)	14 (14%)	3.56

Item 11-13 menunjukkan taburan kekangan yang dihadapi oleh pelajar mengenai kesesuaian masa yang diperuntukkan dalam mempelajari topik *haqiqah* dan *majaz*. Pencapaian skor min setiap item berada pada tahap sederhana. Pencapaian skor min tertinggi pada item 13 iaitu “*saya berpandangan masa yang diperuntukkan dalam jadual waktu untuk pembelajaran isti'arah mencukupi dan sesuai*” sebanyak 3.56. Pencapaian skor min terendah pada item 11 iaitu “*saya berpandangan masa yang diperuntukkan dalam jadual waktu untuk pembelajaran topik haqiqah dan majaz mencukupi dan sesuai*” sebanyak 3.46. Taburan respons “setuju” dan “sangat setuju” yang diperolehi pada setiap item sebanyak antara 52-57 peratus. Namun begitu, taburan respons “tidak pasti” yang diperolehi sebanyak antara 31-35 peratus yang menunjukkan responden tidak pasti kesesuaian masa yang diperuntukkan dalam mempelajari topik *haqiqah* dan *majaz*. Selain itu, dapatan ini juga menunjukkan masa yang diperuntukkan untuk pembelajaran topik *haqiqah* dan *majaz* memperolehi skor min paling rendah dan masa yang diperuntukkan untuk pembelajaran topik *isti'arah* memperolehi skor min paling tinggi. Ia dilihat kontra dengan dapatan aras kesukaran topik yang mengatakan topik *haqiqah* dan *majaz* lebih mudah dikuasai berbanding topik *isti'arah*.

- d) Kekangan mengenai amalan pengajaran guru dan amalan pembelajaran pelajar

No	Item	Sangat tidak setuju	Tidak setuju	Tidak pasti	Setuju	Sangat setuju	Min
14	Saya berpandangan guru mengaplikasi pelbagai kaedah dalam pengajaran topik <i>haqiqah</i> dan <i>majaz</i>	2 (2%)	7 (7%)	22 (22%)	43 (43%)	28 (28%)	3.92
15	Saya kerap bertanya guru jika timbul persoalan mengenai topik <i>haqiqah</i> dan <i>majaz</i>	3 (3%)	12 (12%)	35 (35%)	37 (37%)	13 (13%)	3.45
16	Saya dapat menerima penerangan yang digunakan guru dalam mempelajari topik <i>haqiqah</i> dan <i>majaz</i>	1 (1%)	5 (5%)	26 (26%)	42 (42%)	26 (26%)	3.87
17	Saya dapat menerima kaedah pengajaran yang digunakan guru dalam mempelajari topik <i>haqiqah</i> dan <i>majaz</i>	1 (1%)	6 (6%)	15 (15%)	48 (48%)	30 (30%)	4.00
18	Saya sentiasa berbincang dengan rakan-rakan mengenai pembelajaran topik <i>haqiqah</i> dan <i>majaz</i>	1 (1%)	9 (9%)	32 (32%)	41 (41%)	17 (17%)	3.64
19	Saya lebih suka guru banyak menggunakan bahasa Arab daripada bahasa Melayu semasa pengajaran topik <i>haqiqah</i> dan <i>majaz</i>	7 (7%)	22 (22%)	35 (35%)	26 (26%)	10 (10%)	3.10

Item 14-19 menunjukkan taburan kekangan yang dihadapi oleh pelajar mengenai amalan pengajaran guru dan amalan pembelajaran pelajar dalam mempelajari topik *haqiqah* dan *majaz*. Pencapaian skor min kebanyakan item berada pada tahap sederhana kecuali pada item 17 iaitu “*Saya dapat menerima kaedah pengajaran yang digunakan guru dalam mempelajari topik haqiqah dan majaz*” sebanyak 4.00 berada pada tahap tinggi. Pencapaian skor min terendah pada item 19 iaitu “*saya lebih suka guru banyak menggunakan bahasa Arab daripada bahasa Melayu semasa pengajaran topik haqiqah dan majaz*” sebanyak 3.10 pada tahap sederhana. Taburan respons “setuju” dan “sangat setuju” yang diperolehi pada setiap item sebanyak antara 36-78 peratus. Namun begitu, taburan respons “tidak pasti” yang diperolehi sebanyak antara 15-35 peratus yang

menunjukkan responden tidak pasti mengenai amalan pengajaran guru dan amalan pembelajaran pelajar dalam mempelajari topik *haqiqah* dan *majaz*.

- e) Kekangan melakukan persediaan awal dan mengulangkaji topik

No	Item	Sangat tidak setuju	Tidak setuju	Tidak pasti	Setuju	Sangat setuju	Min
20	Saya melakukan bacaan awal sebelum proses pengajaran dan pembelajaran topik <i>haqiqah</i> dan <i>majaz</i> berlangsung	1 (1%)	19 (19%)	45 (45%)	28 (28%)	7 (7%)	3.21
21	Saya melakukan ulang kaji dan latihan selepas proses pengajaran dan pembelajaran topik <i>haqiqah</i> dan <i>majaz</i>	2 (2%)	9 (9%)	37 (37%)	43 (43%)	11 (11%)	3.56

Item 20-21 menunjukkan taburan kekangan yang dihadapi oleh pelajar mengenai melakukan persediaan awal dan mengulangkaji pelajaran dalam mempelajari topik *haqiqah* dan *majaz*. Pencapaian skor min setiap item berada pada tahap sederhana. Pencapaian skor min tertinggi pada item 21 iaitu “*Saya melakukan ulangkaji dan latihan selepas proses pengajaran dan pembelajaran topik haqiqah dan majaz*” sebanyak 3.56. Pencapaian skor min terendah pada item 20 iaitu “*Saya melakukan bacaan awal sebelum proses pengajaran dan pembelajaran topik haqiqah dan majaz berlangsung*” sebanyak 3.46. Taburan respons “setuju” dan “sangat setuju” yang diperolehi pada setiap item sebanyak antara 35-54 peratus responden. Taburan respons “tidak pasti” yang diperolehi sebanyak antara 37-45 peratus. Ini menunjukkan sejumlah antara 37-45 responden tidak pasti mengenai melakukan persediaan awal dan mengulangkaji pelajaran dalam mempelajari topik *haqiqah* dan *majaz*.

f) Kekangan mengenai hubungan topik dengan bidang dan unsur bahasa yang lain

No	Item	Sangat tidak setuju	Tidak setuju	Tidak pasti	Setuju	Sangat setuju	Min
22	Saya bersetuju penguasaan perbendaharaan kata bahasa Arab membantu saya menguasai topik <i>haqiqah</i> dan <i>majaz</i>	2 (2%)	6 (6%)	24 (24%)	54 (54%)	16 (16%)	3.80
23	Saya bersetuju penguasaan nahu dan saraf membantu saya menguasai topik <i>haqiqah</i> dan <i>majaz</i>	2 (2%)	2 (2%)	30 (30%)	49 (49%)	19 (19%)	3.85
24	Saya lebih memahami topik <i>haqiqah</i> dan <i>majaz</i> apabila dikaitkan dengan unsur dalam bahasa Melayu	1 (1%)	4 (4%)	25 (25%)	45 (45%)	25 (25%)	3.89

Item 22-24 menunjukkan taburan kekangan yang dihadapi oleh pelajar mengenai hubungan topik dengan bidang dan unsur bahasa lain dalam mempelajari topik *haqiqah* dan *majaz*. Pencapaian skor min setiap item berada pada tahap sederhana. Pencapaian skor min tertinggi pada item 24 iaitu “*saya lebih memahami topik haqiqah dan majaz apabila dikaitkan dengan unsur dalam bahasa Melayu*” sebanyak 3.56. Pencapaian skor min terendah pada item 22 iaitu “*saya bersetuju penguasaan perbendaharaan kata bahasa Arab membantu saya menguasai topik haqiqah dan majaz*” sebanyak 3.46. Taburan respons “setuju” dan “sangat setuju” yang diperolehi pada setiap item sebanyak antara 68-70 peratus. Ini menunjukkan pengetahuan responden mengenai hubungan topik dengan bidang dan unsur bahasa yang lain baik. Namun begitu, taburan respons “tidak pasti” yang diperolehi sebanyak antara 24-30 peratus. Ini menunjukkan sejumlah antara 24-30 responden tidak pasti mengenai hubungan topik *haqiqah* dan *majaz* dengan bidang dan unsur bahasa yang lain.

g) Kekangan mengenai penggunaan alat bantu mengajar (ABM)

No	Item	Sangat tidak setuju	Tidak setuju	Tidak pasti	Setuju	Sangat setuju	Min
25	Penggunaan alat bantu mengajar (ABM) oleh guru dapat membantu saya dalam pembelajaran topik <i>haqiqah</i> dan <i>majaz</i> .	2 (2%)	5 (5%)	21 (21%)	37 (37%)	35 (35%)	3.98

Item 25 menunjukkan taburan kekangan yang dihadapi oleh pelajar mengenai penggunaan ABM dalam mempelajari topik *haqiqah* dan *majaz*. Pencapaian skor min berada pada tahap sederhana sebanyak 3.98. Taburan respons “setuju” dan “sangat setuju” yang diperolehi sebanyak 72 peratus. Ini menunjukkan pengetahuan responden mengenai keberkesanan penggunaan ABM dalam pembelajaran topik baik. Namun begitu, taburan respons “tidak pasti” yang diperolehi sebanyak 21 peratus atau 21 responden menunjukkan tidak pasti peranan dan faedah penggunaan ABM dalam mempelajari topik.

ii. Analisis Data responden guru

Kekangan yang dihadapi oleh pelajar dalam menguasai topik berpandukan jadual 5.8 berikut:

**Jadual 5.8 Taburan Kekerapan, Peratusan Dan Min Bagi Konstruk
Kekangan Yang Dihadapi Oleh Pelajar Pada Pandangan
Guru Dalam Menguasai Topik**

- a) Kekangan mengenai persepsi dan minat

No	Item	Sangat tidak setuju	Tidak setuju	Tidak pasti	Setuju	Sangat setuju	Min
1	Saya berpandangan pelajar mempunyai persepsi yang positif mengenai topik <i>haqiqah</i> dan <i>majaz</i>	0	0	0	3 (60%)	2 (40%)	4.40
2	Saya berpandangan pelajar sangat berminat untuk mempelajari topik <i>haqiqah</i> dan <i>majaz</i>	0	0	1 (20%)	2 (40%)	2 (40%)	4.20
3	Saya berpandangan pelajar menyedari topik <i>haqiqah</i> dan <i>majaz</i> berkait rapat dengan keunikan gaya bahasa al-Quran, Hadith , puisi dan prosa Arab	0	0	0	4 (80%)	1 (20%)	4.20

Item 1-3 menunjukkan taburan pandangan guru terhadap kekangan yang dihadapi oleh pelajar mengenai persepsi dan minat dalam mempelajari topik *haqiqah* dan *majaz*. Pencapaian skor min bagi setiap item berada pada tahap tinggi iaitu item 1 mengenai persepsi sebanyak 4.40, item 2 mengenai minat sebanyak 4.20 dan item 3 mengenai kesedaran pelajar topik berkait rapat dengan keunikan gaya bahasa al-Quran, Hadith , puisi dan prosa Arab sebanyak 4.20. Taburan respons “setuju” dan “sangat setuju” yang diperolehi pada tahap amat baik iaitu bagi item 1 sebanyak 100 peratus, manakala bagi item 2 sebanyak 80 peratus dan item 3 sebanyak 100 peratus. Dapatkan statistik menunjukkan guru berpandangan kebanyakan pelajar mempunyai persepsi dan minat

yang amat baik dalam mempelajari topik. Tidak ada kekangan yang membelenggu pelajar mengenai persepsi dan minat dalam pembelajaran topik.

b) Kekangan Mengenai Kesesuaian Kandungan Buku Teks Dan Bahan Rujukan

No	Item	Sangat tidak setuju	Tidak setuju	Tidak pasti	Setuju	Sangat setuju	Min
4	Saya berpandangan kandungan nota, latihan dan aktiviti dalam buku teks mengenai topik <i>haqiqah</i> dan <i>majaz</i> bersesuaian dengan sukanan mata pelajaran	0	0	1 (20%)	4 (80%)	0	3.80
5	Saya berpandangan kandungan nota, latihan dan aktiviti dalam buku teks mengenai <i>majaz mursal</i> bersesuaian dengan sukanan mata pelajaran	0	0	0	4 (80%)	1 (20%)	4.20
6	Saya berpandangan kandungan nota, latihan dan aktiviti dalam buku teks mengenai <i>isti'arah</i> bersesuaian dengan sukanan mata pelajaran	0	1 (20%)	0	4 (80%)	0	3.60
7	Selain buku teks, pelajar juga dibekalkan dengan bahan rujukan lain dalam pembelajaran topik <i>haqiqah</i> dan <i>majaz</i>	1 (20%)	0	0	4 (80%)	0	3.40
8	Saya berpandangan pelajar dapat mengaitkan nota, latihan dan aktiviti dalam buku teks mengenai topik <i>haqiqah</i> dan <i>majaz</i> dengan format soalan SPM	0	0	2 (40%)	2 (40%)	1 (20%)	3.80
9	Saya berpandangan pelajar dapat mengaitkan nota, latihan dan aktiviti dalam buku teks mengenai <i>majaz mursal</i> dengan format soalan SPM	0	0	2 (40%)	2 (40%)	1 (20%)	3.80
10	Saya berpandangan pelajar dapat mengaitkan nota, latihan dan aktiviti dalam buku teks mengenai <i>isti'arah</i> dengan format soalan SPM	0	0	2 (40%)	3 (60%)	0	3.60

Item 4-10 menunjukkan taburan pandangan guru terhadap kekangan yang dihadapi oleh pelajar mengenai kesesuaian kandungan buku teks dan bahan rujukan dalam mempelajari topik *haqiqah* dan *majaz*. Pencapaian skor min kebanyakan item berada pada tahap sederhana kecuali pada item 5 iaitu “*saya berpandangan kandungan*

nota, latihan dan aktiviti dalam buku teks mengenai majaz mursal bersetujuan dengan sukanan matapelajaran” sebanyak 4.20 berada pada tahap tinggi. Pencapaian skor min terendah pada item 7 iaitu “*selain buku teks, pelajar juga dibekalkan dengan bahan rujukan lain dalam pembelajaran topik haqiqah dan majaz*” sebanyak 3.40 pada tahap sederhana. Taburan respons “setuju” dan “sangat setuju” yang diperolehi pada setiap item sebanyak antara 60-100 peratus. Namun begitu, taburan respons “tidak pasti” yang diperolehi sebanyak antara 20-40 peratus yang menunjukkan responden tidak pasti kesesuaian kandungan buku teks dan bahan rujukan dalam mempelajari topik *haqiqah* dan *majaz*.

c) Kekangan mengenai kesesuaian masa yang diperuntukkan

No	Item	Sangat tidak setuju	Tidak setuju	Tidak pasti	Setuju	Sangat setuju	Min
11	Saya berpandangan masa yang diperuntukkan dalam jadual waktu untuk pengajaran topik <i>haqiqah</i> dan <i>majaz</i> mencukupi dan sesuai	0	0	0	5 (100%)	0	4.00
12	Saya berpandangan masa yang diperuntukkan dalam jadual waktu untuk pengajaran <i>majaz mursal</i> mencukupi dan sesuai	0	0	1 (20%)	4 (80%)	0	3.80
13	Saya berpandangan masa yang diperuntukkan dalam jadual waktu untuk pengajaran <i>isti'arah</i> mencukupi dan sesuai	0	0	1 (20%)	4 (80%)	0	3.80

Item 11-13 menunjukkan taburan pandangan guru terhadap kekangan yang dihadapi oleh pelajar mengenai kesesuaian masa yang diperuntukkan dalam mempelajari topik *haqiqah* dan *majaz*. Pencapaian skor min pada item 11 berada pada tahap tinggi iaitu “*saya berpandangan masa yang diperuntukkan dalam jadual waktu untuk pengajaran topik haqiqah dan majaz mencukupi dan sesuai*” sebanyak 4.00. Manakala pencapaian skor min item 12 dan 13 sebanyak 3.80 berada pada tahap

sederhana. Taburan respons “setuju” yang diperolehi pada setiap item sebanyak antara 80-100 peratus. Namun begitu, taburan respons “tidak pasti” yang diperolehi sebanyak 20 peratus yang menunjukkan responden tidak pasti kesesuaian masa yang diperuntukkan dalam mempelajari topik *haqiqah* dan *majaz*.

- d) Kekangan mengenai amalan pengajaran guru dan amalan pembelajaran pelajar

No	Item	Sangat tidak setuju	Tidak setuju	Tidak pasti	Setuju	Sangat setuju	Min
14	Saya yakin guru mengaplikasi pelbagai kaedah dalam pengajaran topik <i>haqiqah</i> dan <i>majaz</i>	0	0	0	4 (80%)	1 (20%)	4.20
15	Saya yakin pelajar kerap bertanya guru jika timbul persoalan mengenai topik <i>haqiqah</i> dan <i>majaz</i>	0	1 (20%)	2 (40%)	2 (40%)	0	3.20
16	Saya yakin pelajar sentiasa berbincang dengan rakan-rakan mereka mengenai pembelajaran topik <i>haqiqah</i> dan <i>majaz</i>	1 (20%)	1 (20%)	2 (40%)	1 (20%)	0	3.00
17	Saya berpandangan pelajar lebih suka guru banyak menggunakan bahasa Arab daripada bahasa Melayu semasa pengajaran topik <i>haqiqah</i> dan <i>majaz</i>	1 (20%)	1 (20%)	2 (40%)	1 (20%)	0	2.60

Item 14-17 menunjukkan taburan pandangan guru terhadap kekangan yang dihadapi oleh pelajar mengenai amalan pengajaran guru dan amalan pembelajaran pelajar dalam mempelajari topik *haqiqah* dan *majaz*. Pencapaian skor min kebanyakan item berada pada tahap sederhana rendah kecuali pada item 14 iaitu “*saya yakin guru mengaplikasi pelbagai kaedah dalam pengajaran topik haqiqah dan majaz*” sebanyak 4.20 berada pada tahap tinggi. Pencapaian skor min terendah pada item 17 iaitu “*saya berpandangan pelajar lebih suka guru banyak menggunakan bahasa Arab daripada bahasa Melayu semasa pengajaran topik haqiqah dan majaz*” sebanyak 2.60 pada tahap sederhana rendah. Taburan respons “setuju” dan “sangat setuju” yang diperolehi pada

setiap item sebanyak antara 20-100 peratus. Namun begitu, taburan respons “tidak pasti” dan “tidak setuju” yang diperolehi pada setiap item sebanyak 60 peratus. Ini menunjukkan sebahagian responden tidak pasti dan tidak setuju mengenai amalan pengajaran guru dan amalan pembelajaran pelajar pada sebahagian item yang dikemukakan. Interpretasi dapatan menunjukkan terdapat beberapa kekangan mengenai amalan pengajaran guru dan amalan pembelajaran pelajar dalam pembelajaran topik.

- e) Kekangan mengenai melakukan persediaan awal dan mengulangkaji.

No	Item	Sangat tidak setuju	Tidak setuju	Tidak pasti	Setuju	Sangat setuju	Min
18	Saya yakin pelajar melakukan bacaan awal sebelum pembelajaran topik <i>haqiqah</i> dan <i>majaz</i> berlangsung	1 (20%)	1 (20%)	3 (60%)	0	0	2.40
19	Saya yakin pelajar melakukan ulangkaji dan latihan selepas pembelajaran topik <i>haqiqah</i> dan <i>majaz</i>	1 (20%)	0	3 (60%)	0	1 (20%)	3.00

Item 18-19 menunjukkan taburan pandangan guru terhadap kekangan yang dihadapi oleh pelajar mengenai amalan melakukan persediaan awal dan mengulangkaji topik. Pencapaian skor min setiap item berada pada tahap sederhana rendah. Pencapaian skor min terendah pada item 18 iaitu “*saya yakin pelajar melakukan bacaan awal sebelum pembelajaran topik haqiqah dan majaz berlangsung*” sebanyak 2.40 berada pada tahap sederhana rendah. Pencapaian skor min bagi item 19 iaitu “*Saya yakin pelajar melakukan ulangkaji dan latihan selepas pembelajaran topik haqiqah dan majaz*” hanya 3.00 juga berada pada tahap sederhana rendah. Taburan respons “setuju” dan “sangat setuju” yang diperolehi pada setiap item sebanyak 20 peratus sahaja. Taburan respons “tidak pasti”, “tidak setuju” dan “sangat tidak setuju” yang diperolehi pada setiap item sebanyak antara 80-100 peratus. Ini menunjukkan kebanyakan

responden berpandangan antara kekangan yang dihadapi pelajar dalam mempelajari topik *haqiqah* dan *majaz* ialah tidak melakukan persediaan awal dan mengulangkaji topik . Interpretasi dapatan menunjukkan terdapat kekangan mengenai amalan melakukan persediaan awal dan mengulangkaji dalam pembelajaran topik.

f) Kekangan mengenai hubungan topik dengan bidang dan unsur bahasa yang lain

No	Item	Sangat tidak setuju	Tidak setuju	Tidak pasti	Setuju	Sangat setuju	Min
20	Saya bersetuju penguasaan perbendaharaan kata bahasa Arab membantu pelajar menguasai topik <i>haqiqah</i> dan <i>majaz</i>	0	0	0	2 (40%)	3 (60%)	4.60
21	Saya bersetuju penguasaan nahu dan Saraf membantu pelajar menguasai topik <i>haqiqah</i> dan <i>majaz</i>	0	1 (20%)	0	3 (60%)	1 (20%)	3.80
22	Saya berpandangan pelajar lebih memahami topik <i>haqiqah</i> dan <i>majaz</i> apabila dikaitkan dengan unsur dalam bahasa Melayu	0	0	0	4 (80%)	1 (20%)	4.20

Item 20-22 menunjukkan taburan pandangan guru terhadap kekangan yang dihadapi oleh pelajar mengenai hubungan topik yang dikaji dengan bidang dan unsur bahasa yang lain. Dapatan menunjukkan pencapaian skor min kebanyakan item berada pada tahap tinggi. Pencapaian skor min tertinggi pada item 20 iaitu “*Saya bersetuju penguasaan perbendaharaan kata bahasa Arab membantu pelajar menguasai topik haqiqah dan majaz*” sebanyak 4.60. Taburan respons “setuju” dan “sangat setuju” yang diperolehi pada setiap item sebanyak antara 80-100 peratus. Ini menunjukkan pandangan responden mengenai hubungan topik dengan bidang dan unsur bahasa yang lain sangat baik dan tidak menunjukkan terdapat kekangan.

g) Kekangan mengenai penggunaan alat bantu mengajar (ABM)

No	Item	Sangat tidak setuju	Tidak setuju	Tidak pasti	Setuju	Sangat setuju	Min
23	Saya berpandangan penggunaan bantu mengajar (ABM) dapat membantu pelajar dalam pembelajaran <i>haqiqah</i> dan <i>majaz</i>	0	0	1 (20%)	2 (40%)	2 (40%)	4.20

Item 23 menunjukkan taburan pandangan guru terhadap kekangan yang dihadapi oleh pelajar mengenai penggunaan ABM dalam pembelajaran topik. Dapatkan menunjukkan pencapaian skor min item berada pada tahap tinggi sebanyak 4.20. Taburan respons “setuju” dan “sangat setuju” yang diperolehi sebanyak 80 peratus. Ini menunjukkan kebanyakan responden berpandangan penggunaan ABM dalam pengajaran sangat membantu pelajar dalam menguasai topik. Namun begitu, taburan respons “tidak pasti” yang diperolehi sebanyak 20 peratus yang menunjukkan responden tidak pasti peranan dan faedah penggunaan ABM terhadap pelajar dalam mempelajari topik.

5.2.1.5. Ulasan

Berdasarkan perbandingan dapatan analisis data antara responden dalam kalangan pelajar dengan guru mengenai kekangan yang dihadapi pelajar dalam menguasai topik yang dikaji menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang ketara. Kebanyakan tema menunjukkan tahap yang sederhana kecuali tema “*kekangan mengenai hubungan topik dengan bidang dan unsur bahasa yang lain*”. Tema tersebut menunjukkan dapatan data responden dalam kalangan pelajar berada pada tahap sederhana, manakala responden dalam kalangan guru berada pada tahap tinggi. Keseluruhannya, menunjukkan pelajar menghadapi kekangan dalam menguasai topik yang dikaji.

5.2.2. Kaedah Kualitatif

Data-data kaedah kualitatif merupakan sokongan dan pengukuhan terhadap data-data yang diperolehi melalui kaedah kuantitatif. Data-data yang dianalisis melalui kaedah kualitatif dalam kajian ini ialah data temu bual tidak berstruktur. Ia melibatkan 10 responden dalam kalangan pelajar dan guru yang dipilih secara rawak. Penulis akan membandingkan dapatan daripada kedua-dua pihak tersebut sebelum membuat rumusan. Berikut data-data yang diperolehi melalui penganalisan kaedah kualitatif yang disesuaikan mengikut objektif kajian.

5.2.2.1. Analisis Data responden pelajar

Soalan-soalan yang dikemukakan menjurus kepada beberapa tema yang menjadi objektif kajian iaitu:

- a) Persepsi pelajar terhadap topik *haqiqah* dan *majaz, majaz mursal* dan *isti'arah*

Dapatan yang diperolehi menunjukkan semua responden bersikap positif dan berminat mempelajari topik yang dikaji. Persepsi tahap kefahaman, semua responden berpandangan topik *haqiqah* dan *majaz* lebih mudah difahami berbanding sub topik *majaz mursal* dan *isti'arah*. Walau bagaimanapun terdapat perbezaan persepsi dalam kalangan responden mengenai *majaz mursal* dan *isti'arah*. Sebahagian responden berpandangan *majaz mursal* lebih sukar berbanding *isti'arah*, manakala sebahagian lain berpandangan sebaliknya.

- b) Persepsi pelajar mengenai aras kesukaran topik yang dikaji

Dapatan yang diperolehi mengenai persepsi kebanyakan responden terhadap aras kesukaran topik, topik *haqiqah* dan *majaz* berada pada tahap mudah, topik *isti'arah* berada pada tahap sederhana dan topik *majaz mursal* berada pada tahap sukar.

- c) Kekangan yang dihadapi untuk menguasai topik *haqiqah* dan *majaz* beserta sub topik *majaz mursal* dan *isti'arah*.

Dapatan yang diperolehi mengenai kekangan-kekangan yang hadapi untuk menguasai topik yang dikaji, sebahagian besar responden menyatakan tidak memahami teks topik yang dipelajari, tidak dapat memahami konsep topik yang dipelajari dan sukar untuk mengingat fakta. Selain itu juga, responden menyatakan hubungan ('ala:qat) *majaz mursal* terlalu banyak dan sukar untuk membezakan antara hubungan ('ala:qat) tersebut.

5.2.2.2. Analisis Data responden guru

Soalan-soalan yang dikemukakan menjurus kepada objektif kajian iaitu:

- a) Pandangan mengenai persepsi pelajar dalam mempelajari topik *haqiqah* dan *majaz, majaz mursal* dan *isti 'arah*.

Dapatan yang diperolehi menunjukkan pandangan responden mengenai persepsi dan sikap pelajar dalam mempelajari topik tersebut, secara umumnya mereka berminat terutamanya topik *haqiqah* dan *majaz* kerana ia mudah dikuasai berbanding *majaz mursal* dan *isti 'arah* yang agak kompleks. Kebanyakan responden berpandangan topik *majaz mursal* lebih mudah dikuasai pelajar berbanding topik *isti 'arah*.

- b) Pandangan mengenai tahap penguasaan pelajar terhadap topik *haqiqah* dan *majaz, majaz mursal* dan *isti 'arah*.

Dapatan yang diperolehi menunjukkan pandangan responden mengenai penguasaan pelajar terhadap topik *haqiqah* dan *majaz* berada pada tahap baik, penguasaan topik *majaz mursal* berada pada tahap sederhana dan penguasaan topik *isti 'arah* berada pada tahap yang agak sukar.

- c) Pandangan mengenai kekangan yang dihadapi pelajar dalam mempelajari topik *haqiqah* dan *majaz, majaz mursal* dan *isti 'arah*.

Dapatan yang diperolehi menunjukkan kekangan-kekangan yang hadapi ialah persepsi dan sikap pelajar terhadap topik yang dipelajari negatif seperti susah difahami, kurang berminat dan bersikap sambil lewa. Selain itu penguasaan bahasa yang

terhad khususnya pada aspek tatabahasa dan pembinaan ayat menyebabkan kefahaman pelajar terhadap konsep dan contoh topik yang dikaji terbatas. Begitu juga penguasaan perbendaharaan kata yang terhad dalam kalangan pelajar menyebabkan mereka mengalami kesukaran dalam menguasai topik yang dikaji. Di samping itu, amalan pembelajaran yang negatif seperti tidak menyiapkan latihan, sekadar menunggu jawapan daripada guru, budaya kurang bertanya dan kurang mengulangkaji antara bekangan yang menghalang penguasaan topik yang dikaji.

5.2.2.3. Ulasan

Berdasarkan perbandingan analisis data temu bual tidak berstruktur antara responden pelajar dan guru, dapatkan yang diperolehi menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang ketara. Persepsi semua responden menunjukkan pelajar bersikap positif dan berminat mempelajari topik yang dikaji. Persepsi tahap kefahaman dan aras kesukaran, semua responden berpandangan topik *haqiqah* dan *majaz* berada pada tahap mudah. Persepsi responden dalam kalangan guru menunjukkan topik *majaz mursal* berada pada tahap sederhana dan *isti'arah* berada pada tahap sukar. Walau bagaimanapun, persepsi sebahagian responden dalam kalangan pelajar menunjukkan sebaliknya. Semua responden berpendapat pelajar menghadapi bekangan dalam menguasai topik yang dikaji.

5.3. Penutup

Analisis data dan perbincangan dalam bab ini memberi gambaran yang jelas mengenai tahap penguasaan pelajar terhadap topik yang dikaji berada pada tahap sederhana. Ini dapat dilihat melalui dapatkan kedua-dua kaedah penganalisan data kuantitatif dan kualitatif yang digunakan. Aspek persepsi keseluruhannya berada pada tahap yang sederhana. Aspek penguasaan topik keseluruhannya berada pada tahap yang sederhana rendah. Manakala dapatkan aspek bekangan dalam menguasai topik keseluruhannya juga berada pada tahap yang sederhana. Ini menunjukkan tahap

penguasaan pelajar terhadap topik *haqiqah* dan *majaz* beserta sub topik *majaz mursal* dan *isti ‘arah* belum memuaskan.

BAB ENAM

RUMUSAN DAN CADANGAN

6.0. Pendahuluan

Pada bab ini, penulis mengemukakan rumusan yang berkaitan dengan dapatan kajian dalam bab sebelumnya. Ia berdasarkan objektif-objektif kajian yang telah digariskan iaitu mengenai persepsi dan tahap penguasaan pelajar serta kekangan yang dihadapi pelajar terhadap topik yang dikaji. Di samping itu, penulis akan membincangkan secara ringkas pandangan dan saranan para sarjana pendidikan bahasa Arab mengenai pendekatan pengajaran ilmu balaghah melalui topik *haqiqah* dan *majaz*, seterusnya mengemukakan cadangan-cadangan yang berkisar pada pengajaran topik tersebut berdasarkan kajian yang dilakukan.

6.1. Rumusan Kajian

Rumusan yang diperolehi melalui dapatan kajian adalah seperti berikut:

1. Kajian ini merumuskan bahawa penguasaan topik *haqiqah* dan *majaz* beserta sub topik *majaz mursal* dan *isti 'arah* dalam kalangan pelajar peringkat menengah berada pada tahap yang kurang memuaskan. Ini berdasarkan kebanyakan tema yang diperolehi melalui aspek-aspek yang diuji berada pada tahap yang sederhana dan sederhana rendah iaitu:

6.1.1. Persepsi Pelajar Dalam Mempelajari Topik

Tema-tema yang menunjukkan tahap yang sederhana ialah:

- a. Maklumat am berkaitan topik yang dikaji
- b. Kefahaman konsep
- c. Kemampuan mengaplikasi
- d. Kemampuan menganalisis
- e. Membandingkan topik dengan unsur dalam bahasa Melayu (BM)

f. Menghubungkan topik dengan al-Quran, Hadith , puisi dan prosa Arab

Item-item yang diuji menunjukkan maklumat am pelajar terhadap topik yang dikaji agak terhad. Mereka kurang menyedari kedudukan topik *haqiqah* dan *majaz* berada dalam bahagian ilmu *bayan*, begitu juga perkaitan topik *majaz mursal* dan *isti'arah* dengan bahasan *haqiqah* dan *majaz*. Di samping itu, pelajar dilihat kurang yakin dapat menerangkan konsep (definisi) *haqiqah* dan *majaz*, *majaz mursal* dan *isti'arah* dan kurang yakin dapat mengaplikasi keunikan topik tersebut dalam latihan dan ujian yang dijalankan.

Selain itu pelajar juga didapati kurang yakin terhadap kemampuan untuk menganalisis topik yang dikaji melalui konstruk membezakan antara '*alaqat*' (kaitan) *majaz mursal* dan jenis *isti'arah* menerusi soalan latihan yang dikemukakan dan kurang yakin terhadap kemampuan mereka membuat perbandingan dan menghubungkan antara topik *haqiqah* dan *majaz*, *majaz mursal* dan *isti'arah* dengan unsur dalam bahasa Melayu.

Mereka juga tidak menunjukkan keyakinan terhadap kemampuan menghayati keunikan gaya bahasa al-Quran dan Hadith , puisi dan prosa Arab menerusi topik *haqiqah* dan *majaz*, *majaz mursal* dan *istia'rah* yang dipelajari. Persepsi kurang yakin dalam kalangan pelajar jelas menunjukkan kepada kita bahawa penguasaan mereka terhadap topik yang dikaji agak terbatas dan tidak memuaskan.

6.1.2. Penguasaan Pelajar Terhadap Topik

Aspek penguasaan pelajar terhadap topik yang dikaji terbahagi kepada dua bahagian iaitu:

1. Pengetahuan Umum responden Terhadap Topik Yang Kaji

Tema-tema yang menunjukkan tahap yang sederhana ialah:

- a. Penguasaan latar belakang dan konsep (definisi) *haqiqah* dan *majaz*.
- b. Penguasaan istilah “*'ala:qat* ” dan “*qari:nat* ”.

c. Penguasaan konsep (definisi) topik *majaz mursal* dan *isti ‘arah*.

Item-item yang diuji memperlihatkan kepada kita penguasaan pelajar yang kurang memuaskan bermula pada pernyataan konsep (definisi) *majaz* sama ada dari segi bahasa atau istilah. Di samping itu, mereka juga didapati tidak dapat menguasai istilah ‘*alaqat*’ dan *qari:nat* dengan baik sedangkan kedua-duanya merupakan asas bagi menguasai *majaz*. Disebabkan pelajar menghadapi kekangan dalam menguasai asas *majaz*, mereka juga berhadapan dengan kekangan dalam menguasai konsep (definisi) topik *majaz mursal* dan *isti ‘arah* kerana kedua-duanya sebahagian daripada *majaz*, malah bahasan kedua-duanya lebih kompleks berbanding *haqiqah* dan *majaz*.

2. Penguasaan responden Terhadap Topik Berdasarkan Format Soalan Kertas Bahasa Arab Peperiksaan SPM

Tema-tema yang menunjukkan tahap yang sederhana ialah:

- a. Menentukan ayat-ayat *haqiqah* atau *majaz*.
- b. Menerangkan ‘*ala:qat majaz mursal* pada perkataan yang bergaris dalam ayat.

Walaupun format soalan bagi menentukan ayat sama ada *haqiqah* atau *majaz* berada pada aras mudah, namun disebabkan pelajar tidak dapat menguasai *majaz* dengan baik memperlihatkan penguasaan mereka tidak memuaskan apabila jurang perbezaan antara respons betul dan salah adalah sedikit. Begitu juga penguasaan pelajar terhadap ‘*ala:qat majaz mursal* yang menunjukkan prestasi yang sederhana dan tidak konsisten.

Tema yang menunjukkan tahap yang sederhana rendah (amat kurang memuaskan) ialah:

- a. Menentukan “*qari:nat*” pada ayat *majaz* berikut
- b. Menerangkan jenis *isti ‘arah* pada ayat

Penguasaan kebanyakan pelajar terhadap mengaplikasi “*qari:nat*” melalui format soalan tersebut lebih rendah berbanding penguasaan istilah *qari:nat* pada item sebelumnya. Begitu juga penguasaan format soalan menerangkan jenis *isti’arah* lebih rendah berbanding penguasaan menerangkan ‘*ala:qat majaz mursal*. Ia jelas memperlihatkan penguasaan *majaz* dalam kalangan mereka yang tidak memuaskan dan menunjukkan *isti’arah* lebih sukar dikuasai berbanding *majaz mursal*.

6.1.3. Kekangan Yang Dihadapi Oleh Pelajar Dalam Menguasai Topik

Berdasarkan aspek persepsi dan penguasaan pelajar terhadap topik yang dikaji yang berada pada tahap sederhana (kurang memuaskan) dan sederhana rendah (amat kurang memuaskan), maka sudah tentu pelajar menghadapi kekangan dalam menguasai topik tersebut. Tema-tema kekangan yang diperolehi menunjukkan tahap yang sederhana ialah:

- a. Kekangan mengenai kesesuaian kandungan buku teks dan bahan rujukan
 - b. Kekangan mengenai kesesuaian masa yang diperuntukkan
 - c. Kekangan mengenai amalan pengajaran guru dan amalan pembelajaran pelajar
 - d. Kekangan melakukan persediaan awal dan mengulangkaji topik yang dipelajari
 - e. Kekangan menghubungkan topik yang dikaji dengan bidang dan unsur bahasa yang lain
2. Kajian ini merumuskan bahawa pelajar menghadapi kekangan dalam menguasai *majaz* berbanding dengan *haqiqah*. Ini terbukti apabila mereka menghadapi kekangan untuk menguasai istilah-istilah yang berkaitan dengan *majaz* iaitu ‘*ala:qat*’ dan *qari:nat*. Rentetan daripada kekangan tersebut ia turut menjelaskan penguasaan mereka terhadap *majaz mursal* dan *isti’arah* kerana dua topik tersebut sebahagian daripada bahasan *majaz*.

3. Kajian ini merumuskan bahawa aras kesukaran topik berdasarkan dapatan kajian, topik *haqiqah* dan *majaz* paling mudah dikuasai pelajar. Ini kerana *haqiqah* dan *majaz* adalah asas perbincangan topik ini dan item-item soalan kebanyakannya berada pada aras mudah. Ia diikuti topik *majaz mursal* yang berada pada aras sederhana, manakala *isti ‘arah* berada pada aras sukar. Ini dapat dilihat melalui dapatan aspek-aspek berikut:

- i. Persepsi pelajar dalam mempelajari topik melalui tema kefahaman konsep, kemampuan mengaplikasi topik, membandingkan topik dengan unsur bahasa Melayu (BM) dan menghubungkan topik dengan al-Quran, Hadith , puisi dan prosa Arab.
- ii. Penguasaan pelajar terhadap topik *haqiqah* dan *majaz* melalui tema kefahaman konsep (definisi) *majaz mursal* dan *isti ‘arah*.

Dapatan kajian melalui instrumen temu bual tidak berstruktur yang dijalankan juga menunjukkan topik *majaz mursal* berada pada aras sederhana dan *isti ‘arah* berada pada aras sukar.

4. Kajian ini merumuskan bahawa kekangan-kekangan yang dihadapi pelajar dalam menguasai topik seperti berikut:

- i. Kekangan mengenai kesesuaian kandungan buku teks dan bahan rujukan
 - a. Bahan-bahan rujukan lain yang terhad
 - b. Mengaitkan nota, latihan dan aktiviti dalam buku teks dengan topik yang dikaji dan format soalan SPM
- ii. Kekangan mengenai kesesuaian masa yang diperuntukkan
 - a. Peruntukan masa dalam jadual waktu dengan topik yang dikaji
- iii. Kekangan mengenai amalan pengajaran guru dan amalan pembelajaran pelajar
 - a. Kekerapan bertanya guru dalam kalangan pelajar
 - b. Melakukan perbincangan dan bertukar pandangan dengan rakan-rakan mengenai pembelajaran topik
 - c. Penggunaan bahasa Arab dalam pengajaran dan pembelajaran

- iv. Kekangan melakukan persediaan awal dan mengulangkaji topik yang dipelajari
- v. Kekangan menghubungkan topik yang dikaji dengan bidang dan unsur bahasa yang lain
 - a. Hubungan topik dengan penguasaan perbendaharaan kata
 - b. Hubungan topik dengan penguasaan nahu
 - c. Hubungan topik dengan unsur dalam bahasa Melayu

6.2. Cadangan

Cadangan-cadangan yang dapat dikemukakan penulis menerusi kajian ini, antaranya ialah:

- i. Topik *haqiqah* dan *majaz*, *majaz mursal* dan *isti'arah* yang berada dalam ilmu *bayan* lebih baik diajar selepas pengajaran ilmu *ma'a:ni:*. Ini kerana ilmu *ma'a:ni:* lebih dekat dengan pengetahuan pelajar kerana ia berkaitan dengan kaedah nahu yang membicarakan tentang pembentukan dan pengolahan ayat yang dipelajari sebelumnya. Ilmu *bayan* pula merangkumi makna *majazi* (tersirat) di mana ia memerlukan pelajar yang telah mempunyai kemahiran dalam struktur ayat. Pelajar tidak dapat memahami penggunaan berbentuk *majazi* kalau mereka masih belum mampu memahami dan menyusun ayat biasa yang menggunakan makna asal atau makna hakiki. Atas faktor inilah kita dapati antara kekangan utama pelajar dalam menguasai topik ini disebabkan tidak memahami teks berasaskan kemahiran membina ayat.
- ii. Pengajaran dan pembelajaran topik *haqiqah* dan *majaz*, *majaz mursal* dan *isti'arah* perlu diintegrasikan dengan komponen dan kemahiran bahasa Arab yang lain seperti kefahaman, nahu, karangan (*insya'*) dan sebagainya. Dalam pengajaran kefahaman misalnya, guru dapat menerapkan unsur topik ini melalui teks yang dipelajari. Begitu juga, pelajar boleh mengaplikasi ungkapan yang dipelajari dalam karangan dan sebagainya. Mengaitkan unsur pengajaran dan pembelajaran dengan pengetahuan sedia ada pelajar akan mengukuhkan lagi kefahaman dan minat pelajar terhadap bahasa Arab.

